


Jilid II
Bil. 3



Hari Jumaat
2hb April, 1976

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KEEMPAT
Fourth Parliament

PENGGAL KEDUA
Second Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 245]

USUL:

Ucapan Terima Kasih kepada D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda Yang
di-Pertuan Agong [Ruangan 290]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KEEMPAT

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KEDUA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATUK HAJI NIK AHMED KAMIL, D.K.,
P.M.N., S.P.M.K., S.J.M.K.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, DATUK HUSSEIN BIN ONN,
S.P.M.J. (Sri Gading).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pelajaran, DR MAHATHIR BIN
MOHAMAD (Kubang Pasu).

Yang Berhormat Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATUK LEE SAN CHOON, S.P.M.J., K.M.N.
(Segamat).

„ Menteri Perhubungan, TAN SRI V. MANICKAVASAGAM, P.M.N., S.P.M.S.
(Pelabuhan Kelang).

„ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATUK HAJI MOHD.
ASRI BIN HAJI MUDA, S.P.M.K., S.P.D.K. (Nilam Puri).

„ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATUK HAJI HAMZAH BIN DATUK
ABU SAMAH, S.M.K., S.I.M.P., S.P.D.K. (Temerloh).

„ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TAN SRI ONG KEE HUI, P.M.N.,
P.N.B.S., P.G.D.K. (Bandar Kuching).

„ Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN
SHAFIE, P.M.N., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).

„ Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan, DATUK HAJI ABDUL GHANI
GILONG, S.P.D.K., J.P. (Kinabalu).

„ Menteri Kesihatan, TAN SRI LEE SIOK YEW, P.M.N., P.J.K. (Ulu Langat).

„ Menteri Undang-undang, TAN SRI DATUK HAJI ABDUL KADIR BIN YUSOF,
P.M.N., S.P.D.K., S.P.M.J. (Tenggaroh).

„ Menteri Kebajikan Am, PUAN HAJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI,
J.M.N. (Kuala Langat).

„ Menteri Penerangan, DATUK AMAR HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, P.D.K.,
P.G.D.K. (Samarahan).

„ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK ALI BIN HAJI AHMAD,
S.P.M.J. (Pontian).

„ Menteri Luar Negeri, Y.M. TENGKU DATUK AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ
BIN TENGKU ISMAIL, P.M.K. (Kota Bharu).

„ Menteri Perusahaan Awam, DATUK HAJI MOHAMED BIN YAACOB, P.G.D.K.,
P.M.K., S.M.T. (Tanah Merah).

„ Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan, TUAN MICHAEL CHEN
WING SUM (Ulu Selangor).

Yang Berhormat Menteri Perusahaan Utama, DATUK MUSA BIN HITAM, S.P.M.J. (Labis).

- „ Menteri Kewangan, Y.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, P.S.M., S.P.M.K. (Ulu Kelantan).
- „ Menteri Tak Berpotfolio, DATUK ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).
- „ Menteri Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan, TUAN HAJI HASSAN ADLI BIN HAJI ARSHAD, J.S.M. (Bagan Datoh).
- „ Menteri Tak Berpotfolio, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).
- „ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, DATUK SHARIFF AHMAD, D.I.M.P., J.M.N. (Jerantut).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATUK MOHAMED BIN RAHMAT, D.P.M.J., K.M.N. (Pulai).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DATUK HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Sabak Bernam).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK SRI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN CHAN SIANG SUN, J.S.M., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK HAJI ABDULLAH BIN AHMAD, S.J.M.K., D.P.M.K. (Machang).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, TUAN MOKHTAR BIN HAJI HASHIM (Tampin).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.D.K. (Kota Setar).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN RICHARD HO UNG HUN (Lumut).
- „ Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD (Santubong).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN PAUL LEONG KHEE SEONG (Taiping).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan, TUAN HAJI RAMLI BIN OMAR, K.M.N., P.M.P. (Bagan Serai).
- „ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN ABDULLAH MAJID, K.M.N. (Raub).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DR NEO YEE PAN (Muar).
- „ Timbalan Menteri Perhubungan, TUAN MOHD. ALI BIN M. SHARIF (Kuantan).
- „ Timbalan Menteri Undang-undang, TUAN RAIS YATIM (Jelebu).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN S. SUBRAMANIAM (Damansara).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, TUAN MUSTAPHA *alias* HASSAN BIN ALI (Kuala Trengganu).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Utama, TUAN LEW SIP HON, K.M.N. (Shah Alam).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan, DR LING LIONG SIK (Mata Kuching).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, TUAN MOHD. ZAHARI BIN AWANG (Kuala Krai).
- „ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, TAN SRI DATUK SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N., D.P.M.J., D.P.M.P., J.M.N., P.I.S. (Pagoh).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkapan Chepa).
- „ TAN SRI ABDUL AZIZ BIN YEOP, P.S.M. (Padang Rengas).
- „ TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Alor Gajah).
- „ TUAN ABDUL JALAL BIN HAJI ABU BAKAR, A.M.N. (Batu Pahat).
- „ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL RAHMAN BIN YAAKUB, D.P., P.N.B.S., S.I.M.P. (Payang).
- „ TUAN HAJI ABDUL RASHID BIN HAJI JAIS, A.D.K., A.S.D.K. (Ulu Padas).
- „ TUAN HAJI ABDUL WAHAB BIN YUNUS (Dungun).
- „ PENGHULU ABIT ANAK ANGKIN, P.P.N. (Kapit).
- „ TUAN ABU BAKAR BIN ARSHAD (Hilir Perak).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN HAJI ITHNIN (Jasin).
- „ PENGIRAN AHMAD BIN PENGIRAN INDAR, A.S.D.K., A.D.K. (Kinabatangan).
- „ TUAN HAJI AHMAD SHUKRI BIN HAJI ABD. SHUKOR (Padang Terap).
- „ TUAN AJAD BIN O.T. OYUNG, A.D.K. (Labuk Sugut).
- „ TUAN ARIFFIN BIN HAJI DAUD (Permatang Pauh).
- „ TUAN AU HOW CHEONG (Telok Anson).
- „ TUAN AZAHARI BIN MD. TAIB, J.S.M., A.M.N., S.M.K., J.P. (Kulim Bandar Bahru).
- „ TUAN AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM (Batang Padang).
- „ TUAN BUJA BIN GUMBILAI, A.S.D.K. (Tuaran).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Batu Gajah).
- „ TUAN CHIENG TIONG KAI *alias* CHIENG SIE LUNG (Sarikei).
- „ TUAN CHIN HON NGIAN (Rengam).
- „ PUAN CHOW POH KHENG (Selayang).
- „ TUAN RICHARD DAMPENG ANAK LAKI (Serian).
- „ TUAN EDWIN ANAK TANGKUN, A.B.S. (Batang Lupar).
- „ TUAN EMBONG BIN YAHYA, A.M.N. (Ledang).
- „ TUAN STEPHEN ROBERT EVANS (Keningau).
- „ TUAN FAN YEW TENG (Menglembu).

Yang Berhormat TUAN FARN SEONG THAN (Sungai Besi).

- ” DATIN HAJJAH FATIMAH BINTI HAJI ABD. MAJID, J.M.N., P.I.S. (Semerah).
- ” TUAN HAJI HADADAK BIN HAJI D. PASAUK (Simunjan).
- ” TUAN HASHIM BIN GHAZALI (Matang).
- ” DATUK NIK HASSAN BIN ABDUL RAHMAN, S.P.M.T., P.S.D., K.M.N. (Kuala Nerus).
- ” TUAN SYED HASSAN BIN SYED MOHAMED, P.J.K. (Arau).
- ” DR HEE TIEN LAI *alias* HEE TEN LAI, A.M.N., P.I.S. (Ayer Hitam).
- ” TUAN HISHAMUDDIN BIN HAJI YAHAYA (Maran).
- ” TAN SRI SYED JA'AFAR ALBAR, P.M.N., D.P.M.J. (Panti).
- ” TUAN JA'AFAR BIN HAMZAH, P.I.S. (Johor Bahru).
- ” TUAN HAJI JAMIL BIN ISHAK, P.J.K. (Tanjong Karang).
- ” TUAN JAWAN ANAK EMPALING (Rajang).
- ” TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
- ” TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- ” TUAN LATIP BIN HAJI DRIS (Mukah).
- ” TUAN LEE BOON PENG, A.M.N., J.P., P.J.K. (Mantin).
- ” TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- ” TUAN LEO MOGGIE ANAK IROKE (Kanowit).
- ” TUAN LIBEN ANAK KATO *alias* WAIRY LEBEN ANAK KATO (Betong).
- ” TUAN LIM CHO HOCK (Ipoh).
- ” DR LIM CHONG EU (Tanjong).
- ” TUAN LIM KIAM HOON *alias* LIM AH YING (Padang Serai).
- ” TUAN LIM KIT SIANG (Kota Melaka).
- ” DATUK LIM PUI HO, P.G.D.K., J.P., B.K. (Sandakan).
- ” DATUK PETER LO SU YIN, P.G.D.K. (Gaya).
- ” TUAN LOH FOOK YEN (Kluang).
- ” TUAN LUHAT WAN (Baram).
- ” TUAN LUKMAN BIN ABDUL KADIR (Ulu Nerus).
- ” TUAN HAJI MADINA BIN UNGGUT, P.P.N. (Bandau).
- ” DATUK ALBERT MAH, D.M.P.N., K.M.N., P.J.K. (Bukit Bendera).
- ” TUAN MAK HON KAM, A.M.P. (Tanjong Malim).
- ” TUAN HAJI MOHAMED KHIR JOHARI (Kuala Muda).
- ” DATUK MOHAMED NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK (Pekan).
- ” TAN SRI HAJI MOHAMED SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).
- ” TUAN MOHAMED SOPIEE BIN SHEIKH IBRAHIM, J.M.N. (Kepala Batas).
- ” TUAN MOHD. BAKRI BIN ABDUL RAIS (Parit).
- ” TUAN MOHD. IDRIS BIN HAJI IBRAHIM (Setapak).
- ” TUAN MOHD. SALLEH BIN DATUK PANGLIMA ABDULLAH (Silam).
- ” TUAN HAJI MOHD. TAUFECK BIN O.K.K. HAJI ASNEH, B.S.K., B.K., P.P.M. (Hilir Padas).
- ” TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).
- ” DATUK ENSKU MUHSEIN BIN ABDUL KADIR, D.P.M.T., J.M.N., P.J.K. (Ulu Trengganu).

- Yang Berhormat TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., S.P.D.K., S.I.M.P., P.N.B.S., S.P.M.J., S.P.M.P., S.P.C.M., K.C.R.L. (Marudu).
- „ DATUK SYED NAHAR BIN TUN SYED SHEH SHAHABUDDIN, D.P.M.K., K.M.N., (Jerlun-Langkawi).
- „ RAJA NASRON BIN RAJA ISHAK, K.M.N., P.J.K. (Kuala Selangor).
- „ TUAN NGAN SIONG HING (Kinta).
- „ TENGKU NOOR ASIAH BINTI TENGKU AHMAD, A.M.N., P.B. (Tumpat).
- „ TUAN OH KENG SENG (Petaling).
- „ TOH PUAN OON ZARIAH BINTI ABU BAKAR, A.M.N., A.M.P., P.J.K. (Kuala Kangsar).
- „ TUAN OO GIN SUN, A.M.K. (Alor Setar).
- „ TUAN PANG SUI CHEE *alias* ALEX PANG, B.K., A.D.K. (Tawau).
- „ TUAN K. PATHMANABAN, K.M.N. (Telok Kemang).
- „ TUAN PATRICK ANEK UREN (Bau-Lundu).
- „ TUAN RACHA UMONG, P.B.S. (Limbang-Lawas).
- „ TUAN RASIAH RAJASINGAM (Jelutong).
- „ TUAN S. SAMY VELLU, A.M.N. (Sungai Siput).
- „ TUAN SANUSI BIN JUNID (Jerai).
- „ DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN (Kuala Kedah).
- „ TUAN SHAARI BIN JUSOH, P.P.N. (Kangar).
- „ DATUK HAJI SHAFIE BIN ABDULLAH, P.G.D.K., A.M.N., B.C.K., P.B.S., J.P. (Baling).
- „ TUAN SHAMSUDDIN BIN DIN, P.P.N. (Grik).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALEH, A.M.N., J.P. (Balik Pulau).
- „ TUAN SIBAT ANAK TAGONG *alias* SIBUT MIYUT ANAK TAGONG (Ulu Rajang).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN HAJI SUHAIMI BIN DATUK HAJI KAMARUDDIN, A.M.N. (Sepang).
- „ WAN SULAIMAN BIN HAJI IBRAHIM, S.M.K. (Pasir Puteh).
- „ TUAN SULAIMAN BIN HAJI TAIB, A.M.P. (Parit Buntar).
- „ TUAN SU LIANG YU (Beras).
- „ PENGIRAN TAHIR BIN PENGIRAN PATERA, A.D.K. (Kimanis).
- „ DR TAN CHEE KHOON (Kepong).
- „ TUAN TAN CHENG BEE, A.M.N., J.P. (Bukit Mertajam).
- „ TUAN JAMES STEPHEN TIBOK, A.D.K. (Penampang).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ TUAN WEE HO SOON (Bandar Sibu).
- „ TUAN YANG SIEW SIANG, P.B.S. (Miri-Subis).
- „ DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).
- „ TUAN HAJI YUSOF RAWA *alias* HAJI YUSOF BIN HAJI ABDULLAH, J.P. (Ulu Muda).
- „ TENGKU ZAID AL-HAJ BIN TENGKU AHMAD, D.P.M.K., J.M.K., S.M.K. (Pasir Mas).
- „ WAN ZAINAB BINTI M.A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN (Besut).
- „ TUAN HAJI ZAKARIA BIN ISMAIL, P.B. (Rantau Panjang).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Timbalan Setiausaha: Haji A. Hasmuni bin Haji Hussein.

Penolong Kanan Setiausaha: Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penterjemah Melayu Kanan/Pemangku Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abd. Hamid.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P.B. Menon.

Penolong Penyunting: Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Rani bin Rahim.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Ng Chong Kin.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad.

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Jumaat, 2hb April, 1976

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua
mempengerusikan Mesyuarat)

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN- PERTANYAAN

PELABURAN MODAL DALAM SYARIKAT-SYARIKAT

1. Tuan Haji Hadadak bin Haji D. Pasauk (di bawah S.O. 24 (2)) minta Menteri Kewangan memberikan nama-nama syarikat di mana Kerajaan telah melaburkan modal dan peratus pelaburannya; jenis perniagaan syarikat-syarikat tersebut dan samada mereka ini sedang menghadapi kerugian; dan apakah langkah-langkah yang akan diambil supaya pelaburan-pelaburan modal di dalam syarikat-syarikat tersebut boleh diselamatkan.

Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Richard Ho Ung Hun): Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini Kerajaan melabur sebanyak lebih kurang \$822 juta di dalam dua puluh empat (24) buah syarikat dan perbadanan dalam berbagai-bagai sektor ekonomi. Senarai badan-badan ini serta pelaburan Kerajaan diberi sebagai jawapan bertulis kepada Ahli Yang Berhormat tersebut.

Sebahagian besar daripada pelaburan yang dibuat oleh Kerajaan adalah di dalam badan-badan Kerajaan yang ditubuh khas untuk memberi kemudahan dan perkhidmatan kepada orang ramai seperti Lembaga Letrik Negara dan Keretapi Tanah Melayu. Kerajaan juga melabur di dalam syarikat dan perbadanan yang ditubuhkannya untuk tugas-tugas tertentu seperti Bank Negara Malaysia, Perbadanan Nasional Bhd (PERNAS), Perbadanan Kemajuan Getah

Malaysia, Kilang Nenas Tanah Melayu, Syarikat Kemajuan Perumahan Pegawai-pegawai Kerajaan, Sistem Penerbangan Malaysia (MAS), Bank Bumiputra dan Perbadanan Perkapalan Antarabangsa Malaysia.

Hampir semua pelaburan Kerajaan di dalam badan-badan di atas merupakan 100% modal dibayar sesuatu syarikat dan Perbadanan tersebut.

Pada keseluruhannya syarikat dan perbadanan yang mempunyai pelaburan Kerajaan sedang membuat keuntungan yang memuaskan, walaupun ada di antaranya seperti Keretapi Tanah Melayu masih menghadapi kerugian.

Untuk menyelamatkan pelaburan Kerajaan di dalam syarikat dan perbadanan ini Perbendaharaan dengan Kementerian Perusahaan Awam dan Kementerian lain yang berkenaan sentiasa meneliti perjalanan syarikat dan perbadanan berkenaan. Penelitian ini dibuat berterusan, melalui pengurusanannya dan perbincangan di mesyuarat Lembaga Pengarah di mana wakil Kerajaan yang setengah-tengahnya terdiri dari pegawai dari Perbendaharaan ada dilantik untuk menjaga kepentingan Kerajaan. Di samping itu akaun-akaun tahunan syarikat dan perbadanan ini dikaji untuk menentukan kedudukan dan kemajuan syarikat dan perbadanan dari setahun ke setahun.

Jawapan ini diberi sebagai jawapan am terhadap pelaburan yang dibuat oleh Kerajaan. Butir-butir lanjut mengenai syarikat dan perbadanan yang mempunyai pelaburan Kerajaan boleh diperolehi daripada Laporan Tahunan badan-badan tersebut, yang dicetak mengikut peruntukan Akta Syarikat 1965, atau dibentang di Dewan ini seperti yang dikehendaki oleh Akta penubuhan badan yang berkenaan. Jika Ahli

Yang Berhormat ada sebarang kemuskilan mengenai sesuatu masalaah berkaitan dengan sesuatu badan tersebut, silalah berhubung dengan saya untuk mendapat penerangan selanjutnya.

Tuan S. Samy Vellu: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan menjelaskan samada Kerajaan menjalankan pengawasan yang teliti di atas syarikat-syarikat di mana wang Kerajaan terlibat?

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri sudah menjawabnya bahawa ada wakil Perbendaharaan di dalamnya. Kalau Yang Berhormat Timbalan Menteri hendak menjawabnya, silakan.

Tuan Richard Ho Ung Hun: Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya telah nyatakan tadi, ada.

AKTA HAKCIPTA, 1969

2. Tuan Haji Ahmad Shukri bin Haji Abd. Shukor (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan samada beliau sedar bahawa Akta Hakcipta, 1969 yang berkuatkuasa sekarang tidak memberi perlindungan secukupnya kepada karya-karya asal rakyat negara ini dan akibatnya karya-karya ini telah dicetak semula secara "rompak" baik di dalam ataupun di luar negeri, dan jika ya, apakah langkah-langkah yang telah dan akan diambil oleh Kerajaan dalam perkara ini.

Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah): Tuan Yang di-Pertua, soalan ini telah saya jawab pada hari semalam.

PELAJARAN SEX DI SEKOLAH-SEKOLAH

3. Tuan Lim Kiam Hoon (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Pelajaran menyatakan samada terdapat apa-apa rancangan hendak mengadakan pelajaran sex di sekolah-sekolah, memandangkan akan bertambahnya jenayah-jenayah sex dalam negara ini.

Timbalan Menteri Pelajaran (Tuan Chan Siang Sun): Tuan Yang di-Pertua, pada peringkat ini Kementerian Pelajaran tidak

ada rancangan untuk mengadakan pelajaran sex di sekolah-sekolah. Persoalan kejadian jenayah sex adalah satu persoalan yang amat rumit. Ini adalah sebab persoalan tersebut sangat berkait dengan sikap dan nilai masyarakat, peringkat permissiveness yang terdapat selain dari masalaah jiwa, perwatakan orang yang melakukan perkara jenayah tersebut. Perkara ini boleh dikatakan sebagai lebih berat kepada satu persoalan sosial daripada persoalan khusus dalam pendidikan kerana setakat manakah dapat kita menentukan kaitan (correlation) bahawa dengan tidak adanya pendidikan sex di sekolah-sekolah menjadikan jenayah-jenayah sex akan bertambah di negara ini? Selain dari itu perkara pelajaran sex belum diperkenalkan di sekolah-sekolah. Sebab-sebabnya seperti:

- (1) Kursus pengajaran yang terdapat di sekolah-sekolah adalah begitu padat dari segi masa, tempat dan tenaga guru-guru sehingga amatlah sukar untuk diperkenalkan satu matapelajaran yang baru pada peringkat ini;
- (2) Usaha-usaha lain sedang dijalankan ke arah memberi sikap dan nilai moral atau akhlak yang tinggi kepada penuntut-penuntut melalui pengajaran konsep Rukunegara yang disisipkan dalam semua bidang pengajaran matapelajaran sivik, matapelajaran Ugama Islam bagi penuntut-penuntut beragama Islam dan kerja-kerja di luar bilik darjah.

Dengan terdapatnya rancangan seperti ini di sekolah-sekolah adalah diharapkan bahawa penuntut-penuntut akan mempunyai perwatakan yang terpelajar, berdisiplin serta juga alat dan nilai hidup yang tinggi. Dengan demikian, kita berharap atas usaha Kementerian Pelajaran dapat menolong masyarakat supaya perkara seperti kejadian jenayah sex ini akan berkurangan di masa hadapan.

Tuan S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri Pelajaran menerangkan jika sekiranya ada terdapat jenayah sex di kalangan penuntut-penuntut dan jika sekiranya berlaku apakah hukuman-hukuman dan langkah-langkah yang telah dilakukan sehingga hari ini?

Tuan Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini apa yang saya ketahui tidak ada apa-apa yang berlaku atas kes-kes

jenayah dari murid-murid. Jikalau ada kes-kes itu tentulah kita letakkan kepada mahkamah. Sekiranya murid-murid yang belum dewasa terlibat, mereka akan dihantar ke Mahkamah Budak-budak. Saya ingat pada masa ini tidak ada banyak yang terlibat dalam perkara ini.

Tuan Lukman bin Abdul Kadir: Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan bercadang menggunakan pelajaran ugama yang mendalam bagi mengurangkan jenayah sex dalam negara kita?

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Sudah dijawab tadi, iaitu satu daripadanya.

SEKATAN PENDUDUK KAWASAN HAMMER

4. Datuk Stephen Yong Kuet Tze minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan samada sekatan sejak tahun 1965 yang dikenakan kepada penduduk-penduduk di dalam tiga kampung baru (Siburan, Tapah dan Beratok) di dalam kawasan Hammer, Kuching, Sarawak mengenai pergerakan mereka dan hak mereka memasuki Parti-parti Politik berserta perintah berkurang yang dikenakan itu akan ditarik balik, atau salah satu dari sekatan-sekatan tersebut di atas itu ditarik balik, dan samada beliau sedar bahawa dengan sekatan pergerakan itu menyebabkan banyak kesusahan ditanggung oleh sesiapa yang tidak mempunyai tanah untuk bercucuk tanam di dalam kawasan Hammer dan sesiapa yang mahu mencari kerja di luar kawasan itu.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie): Tuan Yang di-Pertua, memanglah Kerajaan tidak ingin menyekat terus-menerus kebebasan orang-orang yang duduk di ketiga-tiga kawasan kediaman yang bergelar Siburan, Tapah dan Beratok atau Hammer Area, tetapi buat masa ini sebagai menjaga keselamatan mereka, langkah perlu diambil supaya proses menjaga keselamatan itu berjalan dengan baik.

Memandangkan adanya kerjasama daripada rakyat dalam kawasan itu pada masa ini maka Kerajaan juga di dalam satu mesyuarat Jawatankuasa Keselamatan Negeri baharu-baharu ini telah mengkaji untuk menimbangkan supaya waktu kawalan ini dilonggarkan lagi kepada iaitu 4 jam sahaja.

Kerajaan memang sedar sekatan-sekatan yang dikenakan itu sedikit sebanyak menimbulkan kesukaran kepada penduduk-penduduk yang terlibat tetapi langkah ini adalah seperti saya kata tadi perlu untuk menjaga nyawa, harta-benda dan kepentingan serta keselamatan rakyat di situ khususnya dan negara amnya.

Bagi menentukan supaya sekatan-sekatan yang dikenakan itu tidak terlalu memberatkan, pihak Kerajaan juga memberikan kemudahan dan peluang yang seluas-luasnya kepada penduduk-penduduk berkenaan untuk mereka memohon mendapatkan pas-pas tertentu sekiranya mereka mempunyai keperluan untuk berada di luar kawasan umpamanya untuk mendapat pekerjaan di tempat lain.

Soalan Ahli Yang Berhormat tadi saya akan sampaikan kepada Jawatankuasa Kerja Keselamatan Negeri (Sarawak) untuk diambil perhatian.

PELABUR-PELABUR JEPUN

5. Tuan Hishamuddin bin Haji Yahya minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan apakah tindakan yang akan diambil ke atas pelabur-pelabur Jepun di negara ini dan samada beliau akan meletakkan syarat-syarat khas kepada pelabur-pelabur Jepun yang akan melabur di negara ini di masa-masa akan datang mengenangkan bahawa dasar pelaburan Jepun tidak memberikan galakan sewajarnya kepada negara ini.

Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah: Tuan Yang di-Pertua, payah rasa saya bagi saya memberikan jawapan yang tepat di sini oleh kerana Ahli Yang Berhormat tidak menerangkan dengan jelasnya faktor-faktor ataupun sebab-sebab dalam mana Ahli Yang Berhormat mengatakan dasar pelaburan Jepun tidak memberikan galakan sewajarnya kepada negara ini. Tetapi walau bagaimanapun untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sukalah saya menyatakan di sini iaitu semua pelabur di dalam sektor perkilangan samada laburan dalam ataupun luar negeri adalah dikenakan syarat-syarat yang sama seperti yang disediakan oleh undang-undang dan peraturan-peraturan negara ini. Sebarang kesalahan yang dilakukan oleh sesebuah syarikat itu ataupun satu-satu pelanggaran

terhadap peraturan-peraturan atau syarat-syarat yang telah dikenakan kepada mereka akan melibati mereka kepada tindakan-tindakan sewajarnya di bawah undang-undang atau peraturan-peraturan yang berkenaan. Oleh itu, pada pendapat saya adalah tidak bijak rasanya untuk mengamalkan diskriminasi terhadap mana-mana jua syarikat yang melaburkan modal di dalam negara ini.

Tuan Hishamuddin bin Haji Yahya: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin merujuk kepada Economics Bulletin keluaran Januari, 1976 di mana Menteri Perusahaan Utama telah memberi comment mengenai dengan pelabur-pelabur Jepun ini. Saya ingin bertanya Menteri Perdagangan samada comment Menteri yang berkenaan telah menarik perhatian Kementerian beliau?

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Itu tidak ada dalam soalan asal. Patut dijelaskan dalam soalan asal.

PENIPUAN OLEH PENGEKSPOT KAYU BALAK

6. Tuan Lee Lam Thye minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan samada beliau sedar bahawa tuduhan mengenai penipuan berjuta-juta ringgit oleh pengeksplot-pengeksplot kayu balak yang tidak beretik di negara kita ini telah mencemarkan imej kita sebagai sebuah negara pengeksplot kayu balak yang boleh diharapkan serta masyur, dan jika ya, nyatakan langkah-langkah yang sedang diambil oleh Kerajaan untuk memulihkan kepercayaan terhadap kita di dalam kalangan pasaran antarabangsa kayu balak.

Menteri Perusahaan Utama (Datuk Musa Hitam): Tuan Yang di-Pertua, saya sedar tentang adanya tuduhan penipuan perdagangan kayu kayan oleh pengeksplot-pengeksplot dari negara ini yang telah melibatkan beberapa pengimpot-pengimpot di Kuwait dan Dubai. Ada kemungkinan perkara seperti ini boleh merendahkan imej negara kita dan juga menjejaskan perhubungan perdagangan di antara Malaysia dan Asia Barat.

Pihak Kerajaan memandang berat terhadap aduan-aduan tersebut. Langkah-langkah yang telah diambil mengenai hal ini adalah:

- (i) Pihak Polis telah menangkap kedua-dua Pengarah Syarikat yang terlibat itu

dan didakwa dalam mahkamah kerana menipu dan memberi keterangan palsu.

- (ii) Pihak Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia telah menggantungkan pendaftaran Syarikat tersebut sebagai pengeksplot-pengeksplot kayu kayan.

Selain daripada itu pihak Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia juga sedang mengambil tindakan-tindakan bagi memerhati dan mengawasi supaya perkara-perkara yang serupa ini tidak berlaku lagi pada masa-masa yang akan datang. Salah satu punca utama yang menyebabkan pembatalan terhadap kontrak-kontrak, penyelewengan dan juga kelambatan dalam memenuhi permintaan-permintaan seberang laut, ialah disebabkan terdapatnya perjanjian-perjanjian yang longgar (loose contractual arrangements) di antara pihak pengilang-pengilang papan tempatan dan pengeksplot-pengeksplot. Dengan demikian, Lembaga sedang mengambil langkah-langkah untuk memperkuat peraturan-peraturan bagi pendaftaran pengilang-pengilang dan juga pengeksplot-pengeksplot tempatan. Langkah-langkah itu adalah seperti berikut:

- (i) Satu peraturan mengenai "Standard Form of Contract" dikuatkuasakan mulai kelmari ini iaitu 1hb April 1976.

Di bawah peraturan ini:

- (a) Semua pembekal-pembekal kayu gergaji dan pengeksplot-pengeksplot adalah dikehendaki menggunakan kontrak yang standard seperti yang dikehendaki di bawah peraturan itu.
- (b) Semua kontrak-kontrak yang dibuat di antara pembekal-pembekal kayu gergaji dan pengeksplot hendaklah dikemukakan kepada Lembaga untuk perhatian dan kawalan sewajarnya.
- (c) Pihak Lembaga akan mengambil tindakan terhadap pembekal-pembekal dan pengeksplot-pengeksplot yang didapati tidak mematuhi kehendak-kehendak kontrak-kontrak yang telah mereka buat.

- (ii) Lembaga juga mengambil langkah untuk mengkaji semula kedudukan syarikat-syarikat eksplot kayu-kayan yang tidak bertanggungjawab dan tidak

akan ragu-ragu membatalkan pendaftaran syarikat yang berkenaan jikalau didapati aduan terhadap mereka itu benar.

Pihak Kerajaan juga bercadang menghantarkan satu rombongan untuk melawat Kuwait dan Dubai dengan tujuan memberi penerangan kepada Pihak-pihak Berkuasa di negara-negara tersebut di atas tindakan-tindakan yang telah diambil oleh Kerajaan kita terhadap syarikat-syarikat yang berkenaan itu. Dengan adanya rombongan seperti itu maka dapatlah pihak Kerajaan menerangkan tentang kedudukan sebenarnya untuk memperbaiki imej Malaysia di seberang laut.

Di samping itu pula, pihak Kerajaan juga akan memberikan segala kemudahan kepada pihak pedagang-pedagang yang terlibat dari Asia Barat untuk mengambil apa-apa tindakan undang-undang terhadap syarikat-syarikat tempatan yang berkenaan sesuai dengan kehendak undang-undang negara ini.

Dengan langkah-langkah yang telah diambil itu dan juga kuatkuasa peraturan "Standard form of Contract" kita berharap pihak Lembaga akan dapat mengawasi dengan lebih rapi dan berkesan lagi perdagangan kayu di negara ini dan dapat memulihkan kepercayaan ini di peringkat pasaran antarabangsa.

KOPERASI PELADANG

7. Tuan Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar minta Menteri Pertanian menyatakan:

- (a) jumlah koperasi-koperasi peladang yang telah ditubuhkan di seluruh negara sehingga sekarang;
- (b) jumlah modal yang terkumpul dalam koperasi peladang itu; dan
- (c) setakat manakah kejayaan yang telah dicapai sejak rancangan koperasi itu dimulakan.

Timbalan Menteri Pertanian (Datuk Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar): Tuan Yang di-Pertua:

- (a) 165 buah.
- (b) \$10.7 juta; dan
- (c) kejayaan-kejayaan yang telah dicapai amatlah banyak dan jika saya menghuraikannya satu persatu di sini ianya akan mengambil masa Dewan ini.

Walaupun demikian memadai jika saya nyatakan dengan secara ringkas iaitu:

(i) *Pengeluaran pertanian:*

Sebanyak 77 buah projek telah dijalankan sehingga akhir tahun 1975 meliputi kawasan seluas lebih kurang 4,945 ekar. Projek ini meliputi bahan makanan, kemajuan tanah, perusahaan ulat sutra, ternakan lembu dan juga ikan air tawar.

(ii) *Perbekalan input pertanian:*

Dalam tahun 1973, Koperasi-koperasi Peladang telah mengedarkan input pertanian bernilai \$6.3 juta termasuk biji benih bernilai \$1.0 juta dan baja bernilai \$4.3 juta.

Dalam tahun 1974, input pertanian yang diedarkan oleh Koperasi Peladang bernilai \$9.7 juta termasuk baja yang bernilai \$7.6 juta.

(iii) *Pemasaran:*

Nilai bahan utama yang dipasarkan oleh koperasi peladang dalam tahun 1975 berjumlah lebih kurang \$49.5 juta.

(iv) *Perusahaan berasaskan pertanian:*

Sebanyak 15 buah koperasi-koperasi peladang menjalankan kegiatan memproses koko, kopi, daging ayam dan sebagainya. 14 buah bergiat di dalam projek menanam dan memproses tembakau. Sebanyak 135 buah rumah salai tembakau telah dibina oleh koperasi-koperasi yang memproses tembakau ini.

Jika sekiranya Ahli Yang Berhormat ingin mengetahui lebih mendalam lagi tentang aktiviti-aktiviti koperasi peladang, saya sangat-sangat sukacita sekiranya dapat saya mengirimkan maklumat-maklumat dengan cara bertulis.

KEGIATAN UDA

8. Datuk Haji Shafie bin Abdullah (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan:

- (a) samada Kerajaan berpuas hati dengan kegiatan yang dimainkan oleh UDA

sejak ia ditubuhkan berapa banyakkah rancangan yang telah ditaja, disiapkan dan sedang berjalan dan di negeri-negeri mana; dan

- (b) samada Kerajaan sedar bahawa ada negeri-negeri, ibu-ibu negeri dan pekan-pekan besar dalam Malaysia yang masih belum menikmati kegiatan UDA; kiranya sedar, bilakah UDA akan bergiat di tempat-tempat itu dan apakah rancangan-rancangannya.

Menteri Perusahaan Awam (Datuk Haji Mohamed bin Yaacob): Tuan Yang di-Pertua, sejak UDA ditubuhkan iaitu pada tahun 1971 hingga ke tahun 1975 UDA telahpun menaja dan menyiapkan sebanyak 840 projek terdiri daripada rancangan-rancangan sewa beli, penyewaan bantuan ubah-suai, bantuan membeli alat-alat kelengkapan, bantuan kewangan iaitu equiti, usahasama, penyertaan secara langsung, pembelian perniagaan dan sebagainya. Sebahagian daripada itu mengikut negeri-negeri ialah seperti berikut:

Wilayah Persekutuan	...	612	projek
Selangor	...	121	"
Perak	...	21	"
Johor	...	11	"
Trengganu	...	10	"
Kedah	...	11	"
Pulau Pinang	...	6	"
Melaka	...	15	"
Negeri Sembilan	...	3	"
Pahang	...	8	"
Kelantan	...	2	"
Lain-lain	...	20	"
JUMLAH	...	840	—

UDA dengan kerjasama beberapa Kerajaan Negeri telah menubuhkan syarikat-syarikat usaha sama dengan Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri, syarikat ini yang dinamakan PERUDA akan menumpukan perhatian dalam lapangan pembangunan bandar, membina bangunan-bangunan kedai dan kompleks-kompleks di ibu-ibu negeri dan pekan-pekan besar dalam negeri-negeri itu. Saya sedar ada negeri-negeri yang belum lagi menubuhkan PERUDA, dan saya harap negeri-negeri yang belum lagi menubuhkan PERUDA menimbangkan strategi ini sebagai satu daripada cara perlaksanaan projek-projek mereka.

Tuan S. Samy Vellu: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Adakah Yang Berhormat Menteri Perusahaan Awam sedar bahawa UDA (Perbadanan Pembangunan Bandar) telah ditubuhkan untuk memperbaiki dan menggalakkan banyak lagi bumiputra-bumiputra berkecimpung dibidang perniagaan, tetapi sebaliknya UDA hanya menumpukan kepada bandaraya dan bandar-bandar besar sahaja? Bolehkah Yang Berhormat Menteri menerangkan dari segi apakah UDA dapat dipergunakan untuk bumiputra-bumiputra di bandar-bandar yang sederhana?

Datuk Haji Mohamed bin Yaacob: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya UDA diberi tugas untuk bandar-bandar besar dalam negeri-negeri, bandar-bandar kecil atau pekan-pekan kecil ialah terjatuh kepada MARA yang akan menolong.

KAWALAN RINGGIT MALAYSIA

9. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus minta Menteri Kewangan menyatakan sistem yang dipakai dalam mengawal:

- wang Malaysia daripada diangkut ke luar negeri dengan begitu mudah sekali;
- pembelian cek-cek pengembara;
- pengaliran keluar pelaburan; dan
- pengeksplotan mas padu.

Menteri Kewangan (Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah): Tuan Yang di-Pertua,

- Tiada seorangpun boleh membawa wang kertas atau wang syiling Malaysia ke luar negeri bagi jumlah lebih daripada \$1,000 tanpa kelulusan Pengawal Pertukaran Wang Asing. Pihak Kastam telah diberi kuasa untuk memeriksa setiap orang dan bungkusan-bungkusan yang dibawa, di semua tempat pemeriksaan Kastam. Sesiapa yang keluar dari Malaysia dan membawa matawang Malaysia lebih dari \$1,000 tanpa kebenaran Pengawal Pertukaran Wang Asing, adalah melanggar Akta ini.
- Pembelian cek-cek pengembara daripada mana-mana bank di Malaysia untuk perjalanan ke luar negeri adalah dibenarkan sehingga \$1 juta Malaysia. Pembelian cek-cek pengembara lebih dari \$1 juta Malaysia mestilah terlebih dahulu mendapat kebenaran dari

Pengawal Pertukaran Wang Asing. Walau bagaimanapun, lazimnya cek-cek pengembara ini tak pernah dibeli lebih dari \$10,000.

- (c) Adalah dasar Kerajaan untuk mengekalkan pengaliran bebas modal ke dalam dan keluar negeri. Oleh itu, peraturan Kawalan Pertukaran Wang Asing yang liberal sekarang ini tidak melarang seseorang atau mana-mana syarikat di Malaysia melabur di luar negeri. Pelaburan oleh warganegara Malaysia di luar negeri adalah sangat sedikit jika dibandingkan dengan pelaburan orang-orang asing di Malaysia.
- (d) Hanya dengan kelulusan khas Pengawal Pertukaran Wang Asing sahaja emas-emas padu boleh diekspot daripada Malaysia.

Tuan Lukman bin Abdul Kadir: Adakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa kawalan yang berjalan selama ini bagi mengawal atau menyekat rakyat Malaysia yang keluar daripada negeri ini dapat membawa keluar wang lebih daripada yang disebutkan tadi disebabkan kawalan yang kurang ketat? Kalau sedar, apakah tindakan yang akan diambil bagi mengetatkan lagi kawalan supaya wang Malaysia ini tidak dapat dibawa keluar negeri?

Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana soalan itu sangat am dan tidak tepat dan dua jawapan yang telah saya beri tadi adalah mengenai membawa keluar wang tunai dan juga pembawaan keluar wang pelaburan, maka saya akan memberi penjelasan kepada kedua-dua soalan ini.

- (i) mengenai pembawaan keluar wang pelaburan yang sekarang ini dihad kepada \$1 juta wang Malaysia, ini tidak dapat dibuat oleh kerana pembawaan keluar ini biasanya dilakukan menerusi bank-bank. Jadi terpaksa kebenaran diperolehi daripada Kawalan Pertukaran Wang Asing terlebih dahulu sebelum sebarang pemindahan wang berjumlah lebih daripada \$1 juta dapat dibawa keluar daripada negeri ini.
- (ii) mengenai pembawaan keluar wang tunai lebih daripada \$1,000 ini memanglah kita cuba mengetatkan dari

semasa ke semasa kawalan ke atas sesiapa juga yang ingin membawa keluar wang yang lebih daripada jumlah ini. Jadi cara-cara sentiasa dijalankan untuk mengawal dan mengetatkan kawalan ini supaya dapat menyekat mereka itu mengeluarkan wang dari Malaysia lebih daripada \$1,000 tanpa izin.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Soalan tambahan Bolehkah Yang Berhormat Menteri menerangkan tentang bandingan pelabur-pelabur Malaysia yang melaburkan modal di luar negeri?

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Kena buat soalan baru, itu jauh sangat daripada soalan asal.

GURU-GURU SEMENTARA

10. Tuan Haji Jamil bin Ishak minta Menteri Pelajaran menyatakan kemajuan yang dicapai oleh Kementerian ini dalam usaha untuk mengurangkan bilangan guru-guru sementara yang tidak terlatih di sekolah-sekolah di kawasan-kawasan luar bandar supaya mereka dapat digantikan dengan guru-guru yang berkecukupan.

Tuan Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri Pelajaran Malaysia telah mengumumkan dalam Dewan ini pada 11-11-1975 bahawa Kementerian Pelajaran telahpun melancarkan mulai tahun 1975 satu rancangan yang bertujuan untuk memberi latihan ikhtisas kepada semua guru-guru sementara yang memenuhi syarat-syarat kelayakan akademik dan lain-lain yang diperlukan. Dengan memberi latihan tersebut, bilangan guru-guru sementara yang tidak terlatih akan berkurangan bukan sahaja di sekolah-sekolah di kawasan luar bandar bahkan juga di semua sekolah di bawah tadbiran Kementerian Pelajaran.

Pada tahun 1975, 800 orang guru-guru sementara telah diambil untuk diberi latihan dan mulai penggal I tahun ini 2,000 orang lagi guru sementara akan menerima latihan. Jelaslah bahawa kemajuan yang dicapai dalam usaha untuk memberi latihan kepada guru-guru sementara amatlah menggalakkan.

Sukacita dinyatakan bahawa latihan ikhtisas bagi guru-guru sementara akan diteruskan lagi pada tahun-tahun akan datang sehingga semua mereka yang memenuhi syarat yang diperlukan mendapat latihan.

Tuan S. Samy Vellu: Soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri Pelajaran menerangkan langkah-langkah yang telah dijalankan oleh Kementerianya untuk melatih guru-guru sementara mengajar bahasa Inggeris di sekolah-sekolah Melayu di luar bandar?

Tuan Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, untuk menghantar guru-guru bahasa Inggeris ke sekolah kebangsaan di luar bandar, kita telah ada banyak rancangan untuk tujuan ini dan kita memang sedar banyak murid-murid Melayu lemah sedikit dalam matapelajaran bahasa Inggeris. Oleh sebab itu, kita selain daripada menggalakkan guru-guru pergi ke kawasan luar bandar mengajar bahasa Inggeris, kita juga ada rancangan yang mana kita akan memberi latihan kepada mereka dalam masa cuti bagi mereka yang ada kemampuan mengajar bahasa Inggeris, diberi latihan yang lebih baik supaya mereka boleh dapat bukan sahaja mengajar bahasa asas, tetapi juga boleh mengajar bahasa Inggeris.

Jadi perkara itu kita telah ambil tindakan dan perhatian dengan sepenuh minat.

Tuan Abu Bakar bin Arshad: Soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa ramai guru-guru sementara ada diantaranya telah pun mengajar 3—4 tahun tetapi sehingga ini masih lagi tidak dapat mengikuti mana-mana kursus ikhtisas di perguruan?

Tuan Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, saya sudah menjawab tadi iaitu mereka mesti sekurang-kurangnya memenuhi syarat-syarat kelayakan akademik dan lain-lain. Kalau kita mahu guru-guru itu dilatih tentulah sekurang-kurangnya mereka mesti ada kelayakan akademik yang minima yang dapat memenuhi hasrat, bukan hasrat Kementerian Pelajaran, tetapi hasrat ibubapa. Kalau seseorang itu menjadi guru tetapi tidak ada mempunyai kelayakan minima (minimum qualification) mungkin susahlah anak-anak kita belajar dan barangkali anak-anak kita tidak dapat pelajaran

yang sempurna. Jadi saya ingat perkara ini satu hakikat yang kita mesti terima dengan insaf dan penuh keyakinan. Kementerian Pelajaran tentulah akan menjalankan tugasnya dengan baik, sungguhpun kita ada simpati terhadap guru-guru itu dan kita dapat tahu mereka memang telah berkhidmat dan berjasa beberapa tahun yang lalu tetapi dari segi yang lain mesti dipandang juga, kalau mereka tidak ada kelayakan minima, sukar hendak ditimbang. Apabila saya melawat kawasan luar bandar . . .

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Panjang sangat jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri ini (*Ketawa*).

Tuan Chan Siang Sun: Saya menerangkan perkara ini sedikit, kerana ini perkara rumit.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Tidak tepat, cuba jawab ringkas sahaja dan tepat.

Tuan Chan Siang Sun: Saya ada sedikit lagi. Jadi bila saya ada peluang melawat sekolah-sekolah, di kawasan luar bandar saya selalu menasihatkan guru-guru sementara itu janganlah salah faham bahawa Kementerian Pelajaran mengenakan sekurang-kurangnya kelayakan minima itu mestilah diperolehi, tetapi ini juga hasrat ibubapa. Saya juga mengatakan soal mendapat kepujian dalam Bahasa Malaysia bukanlah kehendak Kementerian Pelajaran, tetapi kehendak daripada Jabatan Perkhidmatan Awam. Syarat itu adalah untuk melayakan diri mereka menjadi pegawai Kerajaan atau kakitangan Kerajaan yang tetap.

Jadi saya katakan kepujian dalam Bahasa Malaysia adalah mustahak

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Hilir Perak bertanya sehingga 3—4 tahun masih guru sementara, dalam pada itu tidak pun mendapat latihan. Itu yang ditanya, tidak payah panjang-panjang sangat jawapannya. Kita cuma ada satu jam sahaja untuk soal jawab, oleh itu hargailah masa.

Tuan Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, perkara ini kita sudah pun ambil tindakan. Kita telah menentukan syarat dan menjalankan dan memberi latihan kepada mereka yang memenuhi syarat-syarat yang minima itu.

PERMIT TEKSI

11. Tuan Latip bin Haji Dris (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Kerja Raya dan Kemudahan-kemudahan menyatakan:

- (a) samada beliau sedar bahawa dalam tahun 1975 banyak pemandu teksi telah memohon untuk mendapatkan permit teksi tetapi telah keciwa tetapi sebaliknya orang-orang yang tidak ada kena-mengena dengan pembawaan teksi atau orang-orang yang bukan bekas tentera/polis, telah diberi peluang mendapatkannya, kiranya sedar, nyatakan adakah cara-cara memberi permit begini akan diteruskan, atau atas dasar apakah yang digunakan oleh Lembaga Pelesen untuk memberi permit teksi ini;
- (b) adakah menjadi dasar Kementerian ini memilih orang-orang yang disukainya sahaja atau samada orang-orang membawa teksi terus menjadi pemandu teksi seumur hidupnya; dan
- (c) adakah benar seperti sungutan pemandu-pemandu teksi sekarang bahawa pemberian permit teksi akhir-akhir ini telah diberi kepada orang-orang yang berada, sebaliknya orang-orang yang sepatutnya telah diabaikan.

Timbalan Menteri Kerja Raya dan Kemudahan-kemudahan (Dr Goh Cheng Teik): Tuan Yang di-Pertua, saya suka memaklumkan bahawa pada tahun 1975 dari jumlah sebanyak 1,258 permit teksi/kereta sewa yang dikeluarkan oleh Lembaga Pelesenan bagi seluruh Semenanjung Malaysia, sebanyak 882 permit atau 70.5% telah diluluskan kepada bekas perajurit. Bakinya iaitu 376 permit telah dikeluarkan kepada pemohon-pemohon lain. Pada masa sekarang rekod Lembaga Pelesenan tidak menunjukkan jenis pekerjaan atau latar belakang pemohon-pemohon. Oleh yang demikian, saya tidak dapat memberitahu berapa besar bakinya ialah pemandu-pemandu teksi. Walau bagaimanapun, saya hendak memberi jaminan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa memanglah menjadi dasar Kementerian saya memberi keutamaan kepada pemandu-pemandu teksi yang tulin.

Jawapan untuk (b) tidak. Bukanlah dasar Kementerian memilih orang yang disukai sahaja.

(c) Setakat yang saya ketahui, tidak.

Tuan Lee Lam Thye: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri samada beliau sedar bahawa ramai pemandu-pemandu teksi yang tulin iaitu pemandu-pemandu teksi yang bergantung kepada pemandu teksi untuk mencari nafkah tidakkah diberi permit teksi sungguhpun mereka telah banyak kali membuat permohonan dan jika beliau sedar apakah tindakan yang akan diambil?

Dr Goh Cheng Teik: Tuan Yang di-Pertua, saya ingat Ahli Yang Berhormat adalah salah faham sedikit berkenaan dengan pelaksanaan dasar Kementerian saya. Pekerjaan sebagai seorang pemandu teksi telah ditimbangan dan ini sedang diberi keutamaan atau priorities oleh Kementerian saya. Jadi saya harapkan Ahli Yang Berhormat faham, sebab yang memohon biasanya melebihi kekosongan yang diadakan. Misalnya, di Bandaraya Kuala Lumpur kita cuma ada 500 kekosongan tetapi lebih kurang 10,000 memohon, antara mereka adalah banyak yang memandu teksi. Jadi dasar kita memang ada dan kita cuba melaksanakan dasar seperti disebutkan di atas.

MENCETAK SASTERA BARAT

12. Tuan Azahari bin Md. Taib minta Menteri Pelajaran menyatakan samada Kerajaan sedar tentang kegiatan-kegiatan mencetak sastera Barat yang telah diterjemahkan sebagai bahan bacaan kanak-kanak kita yang dilakukan semata-mata untuk tujuan perniagaan dan ini akan memberi kesan buruk kepada kanak-kanak kita, dan jika ya, apakah tindakan-tindakan yang telah diambil dalam perkara ini.

Tuan Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelajaran akan menyiasat perkara ini. Sekiranya didapati buku-buku terjemahan itu mengandungi hal-hal yang menyalahi dari segi ugama, tata susila, kesusasteraan dan bahasa kebangsaan, pihak Kementerian akan mengambil tindakan supaya penerbit yang berkenaan membetulkannya.

Tuan Azahari bin Md. Taib: Soalan saya, Tuan Yang di-Pertua, ialah bahawa untuk tujuan perniagaan dan ini akan memberi kesan buruk kepada kanak-kanak kita, maksudnya bercanggah dengan Perlembagaan.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Soalan itu telah dijawab oleh Yang Berhormat Menteri tadi.

Tuan Azahari bin Md. Taib: Soalan tambahan. Adakah Kementerian yang berkenaan telah mengarahkan agensi-agensi seperti Dewan Bahasa dan Pustaka menerbitkan lebih banyak buku-buku bacaan seperti buku-buku komik, buku-buku cerita untuk bacaan kanak-kanak yang berunsur Malaysia oleh Pengarang-pengarang kita sendiri atau menjalankan satu usaha menggalakkan penerbit-penerbit buku tempatan berbuat demikian?

Tuan Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, cadangan daripada Ahli Yang Berhormat itu memang bagus. Tetapi pada masa sekarang barangkali keupayaan daripada Dewan Bahasa dan Pustaka tidak ada cukup jentera atau tidak cukup tenaga untuk mengambil tugas seperti yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu. Saya akan menyampaikan cadangan ini kepada pegawai-pegawai saya. Kalau masa atau hal-hal yang saya sebutkan tadi dapat mengizinkan barangkali kita akan membuat satu keputusan kelak.

UNDANG-UNDANG KHALWAT

13. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah (S.O. 24 (2)) minta Menteri Undang-undang menyatakan oleh kerana penggubalan undang-undang khalwat untuk orang-orang bukan Islam ini berlawanan dengan Perlembagaan kita, maka adakah bererti bahawa keburukan ini akan dibiarkan membiak terus dalam masyarakat, dan terus mendapat restu dari pihak undang-undang.

Menteri Undang-undang (Tan Sri Datuk Haji Abdul Kadir bin Yusof): Tuan Yang di-Pertua, soalan khalwat ini telah banyak kali dibangkitkan pada masa lampau dan telah dijawabkan. Tapi ini nampaknya soal lain sedikit. Selagi peruntukan dalam Perlembagaan tidak dipinda selagi itulah orang yang bukan Islam tidak tertakluk kepada hukum-hukum Syarak yang diluluskan oleh Kerajaan Negeri, termasuklah kesalahan berkhalwat. Ini tidaklah bermakna seperti kata Ahli Yang Berhormat "mendapat restu dari pihak Undang-undang". Kalau dikatakan restu ialah restu daripada semua Ahli Dewan Rakyat dan Ahli Dewan Negara yang berkuasa dan boleh meminda Perlembagaan itu bukanlah Kementerian Undang-undang sahaja.

Tuan Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Kementerian yang berkenaan bercadang untuk hendak mengadakan pindaan Undang-undang ini untuk dibawa ke Dewan ini?

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri mengatakan mengikut Perlembagaan, Ahli Yang Berhormat hendak tahu mengapa tidak dipinda Perlembagaan itu.

Tan Sri Datuk Haji Abdul Kadir bin Yusof: Tuan Yang di-Pertua, yang meminda Perlembagaan bukan kewajipan Kementerian Undang-undang, melainkan adalah Jemaah Menteri sendiri. Dan pada masa ini belum lagi Jemaah Menteri bercadang meminda Perlembagaan untuk menjadikan orang-orang yang bukan Islam yang berkhalwat menjadi satu kesalahan, kerana yang dibangkitkan ini khalwat sahaja. Khalwat saya terangkan maknanya "a couple found close together in close proximity which causes suspicion".

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri bercakap bahasa Inggeris tidak dapat izin lagi.

Tan Sri Datuk Haji Abdul Kadir bin Yusof: Iaitu dua merpati, sepasang manusia yang tidak menikah didapati di tempat-tempat sunyi yang menimbulkan salah wasangka (*Ketawa*) dan membuat satu perbuatan yang sumbang atau tidak senonoh, bukan zina. Orang-orang bukan Islam, saya telah berkata di sini, jika bercumbu-cumbu sebelum berkahwin itu kadang-kadang telah menjadi tabii sebelum kahwin.

Yang keduanya kita perhati secara halus khalwat sahaja dibawa, tetapi macam sumbang "incest" antara orang yang bukan Islam atau Islam, zina atau bersekedudukan berbulan-bulan tidak bernikah tetapi hidup sampai beranak dua tiga, itu tidak minta pula ditetapkan sebagai kesalahan, khalwat sahaja yang dibawa. Khalwat ini cuma "preliminary to marriage" pada orang-orang yang bukan Islam (*Ketawa*). Saya sedang menimbang membuat satu Undang-undang bukanlah khalwat sahaja iaitu kesalahan am, Satu Undang-undang am bagi seluruh Malaysia yang lebih berat daripada khalwat, iaitu kesalahan "Incest" iaitu perbuatan sumbang misalnya bapa berjahat

dengan anak, buat masa ini belum ada kesalahan am. Satu Undang-undang am bagi kesalahan pada orang-orang yang bukan Islam itu diadakan.

Yang ketiganya, orang-orang yang sudah kahwin berjahat, iaitu "adultery" ini membawa keburukan kepada orang-orang Islam dan bukan Islam.

Yang keempatnya, yang saya hendak bawa-kan satu Undang-undang yang sedang digubal mengenai orang-orang yang hidup seperti suami isteri dengan tidak bernikah sampai beranak pinak, itu satu kesalahan yang patut dibawa.

Penghabisan, kesalahan yang kecil sekali kalau hendak bawa, baharulah khalwat. Itu baharu cadangan, tetapi Yang Berhormat itu tadi cuma membawa khalwat sahaja. Saya menegaskan lagi orang-orang yang ber-khalwat ini sudah dewasa, sudah penuh umur antara yang Islam dan yang bukan Islam, yang Islam itu adalah salah pada Syarak, masuk Neraka kelak. Yang bukan Islam itu harus padanya. Yang patut di-hukum orang Islamlah, bukan dipaksa, sama-sama suka. Yang bukan Islam itu menunggu sahaja (*Ketawa*).

JENTERA PERTANIAN DI SARAWAK

14. Tuan Edmund Langgu Anak Saga minta Menteri Pertanian menyatakan samada apa-apa rancangan diadakan untuk memulakan jentera pertanian yang maju dalam Rancangan Malaysia Ketiga untuk Negeri Sarawak.

Datuk Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar: Tuan Yang di-Pertua, jika soalan ini dimaksudkan penggunaan jentera-jentera pertanian, maka daripada maklumat-maklumat yang diterima dari Kementerian Pertanian dan Kemajuan Masyarakat Sarawak, ada cadangan untuk membeli jentera-jentera pertanian seperti traktor, jentera power tillers, Pengirek padi, pengulit jagong, pengulit kopi dan pengulit biji-bijian.

Oleh kerana Rancangan Malaysia Ketiga akan dibentangkan dalam Dewan ini dalam bulan Julai, saya berharap Ahli Yang Berhormat akan dapat bersabar. Walau pun demikian, memadailah jika saya sebutkan di sini iaitu di dalam Rancangan Malaysia Ketiga sektor pertanian akan diberi ke-

utamaan yang sewajarnya selaras dengan matlamat Kerajaan untuk membasmi kemiskinan.

LAPANGAN TERBANG SENAI— PENUMPANG-PENUMPANG

15. Tuan Oh Keng Seng minta Menteri Perhubungan menyatakan jumlah bilangan penumpang-penumpang yang telah menggunakan Lapangan Terbang Senai sejak ianay dimulakan dan nyatakan bilangan penerbangan-penerbangan harian di antara Kuala Lumpur/Senai/Melaka yang terdapat buat masa ini dan nyatakan rancangan-rancangan untuk memperbaiki dan menarik lebih ramai orang-orang untuk menggunakan Lapangan Terbang tersebut.

Menteri Perhubungan (Tan Sri V. Manickavasagam): Tuan Yang di-Pertua, perangkan penumpang-penumpang yang telah menggunakan Lapangan Terbang Senai di Johor sehingga bulan Februari 1976 ialah sebanyak 43,377. Bilangan penerbangan di antara Kuala Lumpur/Johor Bahru semenjak 15hb Nov, 1975 di tambah menjadi 10 penerbangan seminggu di mana MAS menggunakan pesawat jenis B737 dan F27. Penerbangan B737 (Kuala Lumpur/Johor Bahru) diadakan 3 kali seminggu. Sementara penerbangan F27 pula diadakan 4 kali seminggu melalui Kuala Lumpur/Melaka/Johor Bahru/Kuala Lumpur dan 3 kali seminggu melalui Kuala Lumpur/Johor Bahru/Melaka/Kuala Lumpur. Perkhidmatan Kuala Lumpur/Melaka/Johor Bahru/Kuala Lumpur itu disesuaikan supaya penumpang-penumpang yang hendak teruskan perjalanan mereka ke Bangkok, Hong Kong, Taipei, Tokyo dapat menyambung penerbangan mereka di Kuala Lumpur dengan menaiki MAS.

Kementerian saya semenjak awal-awal lagi telah berusaha untuk menjadikan Lapangan Terbang Johor Bahru sebagai sebuah Lapangan Terbang yang benar-benar aktif bukan sahaja untuk menampung terafik penumpang tetapi juga untuk lalulintas kargo udara. Kajian-kajian dan usaha-usaha sedang dijalankan untuk menjadikan Lapangan itu sebuah pusat kargo antarabangsa. Kementerian saya sedang berusaha menarik lebih banyak lagi syarikat-syarikat penerbangan yang berminat menyalurkan perniagaan kargo mereka melalui Lapangan Terbang tersebut. Untuk mencapai tujuan ini

Kementerian saya bersedia mengadakan kemudahan-kemudahan dan "infra-structure" tambahan misalnya sambungan rel dan juga akan menimbangkan insentif-insentif yang sesuai.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Menteri yang berkenaan samada Kerajaan Malaysia bercadang membuat aturan dengan Syarikat Penerbangan Antarabangsa untuk menggunakan Lapanganterbang Senai pada masa yang akan datang?

Tan Sri V. Manickavasagam: Tuan Yang di-Pertua, ya.

RUMAH-RUMAH MURAH KEPADA PEKERJA-PEKERJA

16. Tuan Haji Jaafar bin Hamzah minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan samada beliau akan menggesa majikan-majikan ladang supaya mengadakan rumah-rumah murah untuk dijual kepada pekerja-pekerja ladang mereka dengan bayaran secara beransur-ansur untuk menjamin masa depan pekerja-pekerja itu.

Setiausaha Parlimen Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat (Tuan S. Subramaniam): Tuan Yang di-Pertua, ya. Majikan-majikan ladang adalah digalakkan supaya mengadakan rancangan-rancangan sekim memiliki rumah bagi pekerja-pekerja mereka. Setengah-setengah majikan telahpun bersetuju memperuntukkan tanah untuk membolehkan pekerja-pekerja mereka mendirikan rumah-rumah. Satu tabung pusingan sebanyak \$10 juta telah ditubuhkan di bawah pentadbiran Kementerian Perumahan dan Kemajuan Perkampungan untuk membiayai rancangan memiliki rumah yang mana salah satu daripada rancangan-rancangan tersebut ialah bagi pekerja-pekerja ladang.

Tuan S. Samy Vellu: Soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen menimbangkan dan memberi jaminan akan mendesak persatuan melakukan tugas istimewa atas task force recommendation kepada pemegang-pemegang estet supaya mengimpilen sekim rumah murah untuk pekerja-pekerja di ladang-ladang?

Tuan S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya telah jawab tadi bahawa satu tabung pusingan telah ditubuh-

kan di bawah pentadbiran Kementerian Perumahan dan Kemajuan Perkampungan untuk melaksanakan lapuran-lapuran task force dan mengikut Kementerian Perumahan, sekim tersebut akan dilancarkan pada tahun ini.

Dr Chen Man Hin: Soalan tambahan. Adakah Menteri atau Kementerian yang berkenaan tahu estet-estet yang terbesar itu ada banyak wang? Bolehkah dia desak semua majikan estet-estet yang besar supaya boleh mengambil wang keluar dan pinjamkan kepada pekerja-pekerja untuk mendirikan rumahnya sendiri?

Tuan S. Subramaniam: Ulang sekali lagi.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Saya boleh terangkan, adakah estet-estet yang ada modal besar mengeluarkan wangnya sendiri dipinjamkan kepada pekerja-pekerjanya?

Tuan S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, mengikut sekim ini, estet-estet yang besar adalah digalakkan untuk memberi tanah percuma. Dan seperti yang saya sebutkan tadi setengah-setengah majikan telahpun bersetuju memperuntukkan tanah percuma kepada pekerja-pekerjanya.

Tuan Haji Suhaimi bin Datuk Haji Kamaruddin: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Setiausaha Parlimen ada menyatakan bahawa Kementerian beliau menggalakkan ladang-ladang untuk mengadakan perumahan kepada pekerja-pekerja mereka. Saya suka hendak bertanya apakah bentuk galakan yang diberi oleh Menteriannya terhadap ladang-ladang itu dari segi memberi kemudahan perumahan. Apakah galakan ataupun bentuk insentif yang Kementerian beliau memberi kepada ladang-ladang?

Tuan S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Buruh tidak beri apa-apa insentif kepada majikan-majikan tetapi majikan-majikan telah bersetuju bahawa pekerja-pekerja ladang telah memberi sumbangan dan perkhidmatan mereka selamalamanya dan mereka bersetuju untuk melaksanakan sekim task force dengan bekerjasama dengan Kerajaan.

Tuan Ja'afar bin Hamzah: Soalan tambahan. Adakah Kementerian yang berkenaan mempunyai satu rancangan untuk

mengadakan perjumpaan ataupun bermesyuarat dengan majikan-majikan di ladang-ladang untuk menentukan supaya rancangan perumahan ini akan dapat dilaksanakan oleh majikan yang berkenaan?

Tuan S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, walaupun tidak ada bermesyuarat dengan tiap-tiap majikan tetapi di Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat pada tiap-tiap bulan Menteri ada bermesyuarat dengan pihak Persatuan Majikan dan di dalam mesyuarat ini beberapa perkara termasuk juga perkara ini telah dibincangkan.

Tuan Haji Suhaimi bin Datuk Haji Kamaruddin: Tuan Yang di-Pertua, tadi dalam jawapan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen ada menyatakan Kementerian beliau tidak ada memberi apa-apa galakan. Saya suka hendak bertanya adakah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen bercadang hendak menimbangkan galakan-galakan insentif yang tertentu kepada ladang-ladang yang suka hendak membuat perumahan ini supaya dengan adanya insentif atau galakan itu, ladang-ladang akan digiat melaksanakan hasrat Kerajaan dan hasrat rakyat tadi?

Tuan S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, cadangan Ahli Yang Berhormat itu boleh ditimbangkan oleh Kementerian saya.

PEMBEDAHAN JANTUNG

17. Dr Chen Man Hin minta Menteri Kesihatan memberi satu lapuran mengenai kemajuan pembedahan jantung yang ujud sekarang di hospital-hospital terkenal di negara kita ini dan samada langkah-langkah sedang diambil untuk memperbaiki teknologi supaya pesakit-pesakit yang menghidap sakit jantung yang memerlukan pembedahan boleh menjalankan pembedahan di dalam negara kita dan dengan membuat demikian mereka tidak berusaha mencari rawatan di luar negeri.

Menteri Kesihatan (Tan Sri Lee Siok Yew): Tuan Yang di-Pertua, pembedahan jantung telahpun dijalankan di Hospital Universiti dan di Hospital Lady Templer semenjak tahun 1967. Hanya pembedahan di luar jantung (closed heart surgery) telah dilakukan di Hospital Universiti di antara tahun 1967 dan Januari 1971 dan di Hospital Lady Templer, di antara 1967 dan Julai 1973.

Mulai bulan Februari, 1971, kedua-dua pembedahan di luar dan dalam jantung telah dijalankan di Hospital Universiti dan mulai bulan Julai 1973, pembedahan di luar jantung telah dimulakan di Hospital Besar, Pulau Pinang.

Keupayaan pembedahan (surgical capacity) yang dilakukan di Hospital Universiti sekarang ialah 2 kes pembedahan dalam jantung (open heart surgery) dan 4 kes pembedahan luar jantung dalam seminggu dan pasukan yang terlibat dengan rancangan ini sedang berusaha supaya dapat melakukan 3 pembedahan dalam jantung seminggu. Tetapi malangnya, dalam bulan Mac tahun ini, Professor Pembedahan di Hospital Universiti telah tidak lagi berkhidmat di Hospital tersebut. Oleh itu kerja-kerja pembedahan yang dilakukan sekarang tidaklah dilakukan dengan cepat. Ahli-ahli pasukan pembedahan yang masih berkhidmat, masih meneruskan kerja-kerja mereka setakat mana yang boleh, iaitu beberapa kes pembedahan luar jantung dan kes-kes pembedahan dalam jantung yang mudah dan mereka akan berusaha untuk menjalankan kerja-kerja sebagaimana yang mula-mula dirancang, sekiranya boleh. Hospital Universiti sedang berusaha untuk mendapatkan khidmat Professor Rowan Nicks, seorang Doktor Pakar Bedah Jantung (Visiting Professor). Di Hospital Besar, Pulau Pinang lebih kurang 3 kes pembedahan luar jantung sebulan sedang dijalankan. Pembedahan yang dilakukan terpaksa dihadkan kerana sebab yang terbesarnya ialah tiada didapati Pakar Bedah Jantung yang berkelayakan, pakar bius yang terlatih dalam pembedahan jantung, darah, peruntukan yang cukup, dewan bedah dan lain-lain kemudahan bagi dewan bedah. Bagi Hospital Universiti, untuk menjadikannya sebagai sebuah Hospital pengajar yang seimbang hendaklah diberi seorang pakar bedah jantung yang bertugas "part time". Yang lebih pentingnya, peruntukan yang cukup hendaklah dibuat bagi lain-lain aspek rawatan pembedahan pesakit seperti pembedahan am, pembedahan otak, pembedahan otopedik, sakitpuan, pembedahan mata dan telinga, hidung dan kerongkong.

Laporan-laporan tentang penyakit jantung di Malaysia menunjukkan bahawa terdapat lebih kurang 3 daripada tiap-tiap 1,000 kelahiran yang hidup menghidapi penyakit jantung congenital. Kadar kelahiran di Malaysia ialah 33 bagi tiap-tiap 1,000

bilangan penduduk dan didasarkan atas jumlah bilangan penduduk sebanyak 12,000,000, Malaysia akan mempunyai kelahiran sebanyak lebih kurang 400,000 tiap-tiap tahun. Jika dikira atas dasar 3 bagi tiap-tiap 1,000 kelahiran yang mengidapi penyakit jantung congenital, Malaysia akan mempunyai lebih kurang 1,200 bayi yang mempunyai penyakit jantung yang memerlukan pembedahan dalam jantung tiap-tiap tahun. Dari sebanyak 1,200 kes ini, hanya 300 sahaja yang memerlukan pembedahan dalam jantung dan berdasarkan kepada keupayaan Hospital Universiti sekarang ini, jika ada seorang pakar Bedah Jantung yang bekerja sepenuh masa, 100 hingga ke 150 kes pembedahan dalam jantung boleh dijalankan dalam setahun. Bagi mengatasi kesulitan ini sepenuhnya, sekurang-kurangnya dua buah pusat pembedahan jantung sepenuh masa diperlukan untuk negara ini. Kementerian saya akan menubuhkan sebuah Yayasan Jantung di Hospital Besar, Kuala Lumpur dengan segala kemudahan yang moden dan kemaskini.

Kerana sebab-sebab di atas, sentiasa ada pesakit-pesakit yang pergi mendapatkan rawatan seberang laut, termasuk Singapura. Akhbar-akhbar sentiasa memberikan publisiti tentang kes-kes ini bukanlah kerana ianya sangat kritikal bagi perkhidmatan kesihatan negara ini secara keseluruhannya, tetapi adalah kerana keperluan membangkitkan perasaan belas kesihan dari orang ramai dan pengikhlisan hati menderma untuk mendapatkan perbelanjaan menghantar pesakit-pesakit keseberang laut.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Masa sudah cukup.

(Masa untuk pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi pertanyaan No. 18 hingga 37 adalah diberi di bawah ini).

PENERBITAN MENGENAI POLITIK DI MALAYSIA

18. Tuan Hishamuddin bin Haji Yahaya minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan apakah langkah yang akan diambil di atas kemasukan majallah-majallah yang diterbitkan di luar negeri yang menulis makalah-makalah mengenai penilaian kedudukan politik di Malaysia yang biasanya tidak tepat dan boleh menimbulkan salah faham di kalangan pembaca di Malaysia.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie): Semua penerbitan yang diimport daripada luar negeri ke Malaysia adalah dikawal di bawah Akta Kawalan Penerbitan-penerbitan Yang Diimport, 1958. Akta ini memberi kuasa kepada Pengawal-pengawal Penerbitan Yang Diimport memeriksa dan meneliti semua bentuk penerbitan luar negeri yang dibawa masuk ke negara ini melalui pintu-pintu masuk (entry points), sebelum penerbitan-penerbitan itu diluluskan pengedarannya di Malaysia.

Tindakan yang boleh diambil di bawah Akta ini ialah mengistiharkan "prejudicial" sesebuah penerbitan dan mengharamkannya. Kementerian ini akan mengharamkan sebarang penerbitan yang dianggap "prejudicial" jika sekiranya ia mengandungi berita atau rencana yang mungkin memecahbelahkan keharmonian, menimbulkan prasangka dan kebencian berbagai kaum di negara ini.

MATAPELAJARAN SAINS/ILMU HISAB

19. Tuan Haji Jamil bin Ishak minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah tindakan-tindakan segera yang akan diambil oleh Kementerian ini untuk melengkapkan sepenuhnya sekolah-sekolah di kawasan-kawasan luar bandar dengan alat-alat sains supaya matapelajaran sains dapat dimajukan sebagaimana yang dikehendaki.

Menteri Pelajaran (Dr Mahathir bin Mohamad): Mulai 1hb Januari, 1974 Kementerian Pelajaran telah menambah Bantuan Matapelajaran Sains dan Ilmu Hisab (Science and Mathematics Grant) bagi semua sekolah. Tambahan bantuan ini diharap dapat beransur-ansur mengecilkan lagi kekurangan kelengkapan dan alat-alat sains di sekolah-sekolah.

Di samping itu pihak Kementerian membahagi-bahagikan kepada sekolah-sekolah alat-alat Sains Panduan yang diperolehi dari Bantuan UNICEF.

CAWANGAN FAMA DI SABAH

20. Tuan Stephen Robert Evans minta Menteri Pertanian menyatakan:

- (a) samada Kementerian beliau akan menubuhkan sebuah cawangan FAMA di Sabah bagi membantu dan menasihati petani-petani di dalam pemasaran borong dan runcit sayur-sayuran, buah-buahan dan lain-lain hasil pertanian di Negeri itu; dan

- (b) samada Kementerian beliau sedar bahawa pada masa ini tidak ada bantuan seperti itu yang diberi oleh Kerajaan kepada petani-petani Bumiputra di Sabah.

Datuk Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar:

- (a) Sebenarnya satu pejabat cawangan FAMA telah pun ditubuhkan di Kota Kinabalu di negeri Sabah dalam tahun 1970 untuk membantu dan menasihatkan petani-petani dalam pemasaran hasil-hasil pertanian. Akan tetapi, oleh kerana kegiatan-kegiatan pejabat itu tidak begitu banyak, maka dengan persetujuan Kerajaan Negeri, pejabat cawangan FAMA itu telah ditutup pada awal tahun 1972.
- (b) Baru-baru ini pihak Kerajaan Negeri Sabah telah meminta supaya pejabat cawangan FAMA di Kota Kinabalu dibuka semula. FAMA sudah pun membuat persiapan untuk membuka semula pejabat cawangannya di Kota Kinabalu. Adalah dijangka pejabat tersebut akan dapat dibuka pada pertengahan tahun ini.

PERATURAN RELA

21. Tuan Stephen Robert Evans minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan:

- (a) samada anggota-anggota RELA dibenarkan mengambil bahagian di dalam politik;
- (b) adakah mereka dibenar menggunakan senapang-senapang patah mereka untuk memburu binatang di dalam hutan; dan
- (c) apakah tindakan yang akan diambil terdapat mereka yang melanggar Peraturan-peraturan dan Undang-undang RELA.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie:

- (a) Peraturan-peraturan RELA tidak menegah anggota-anggota RELA mengambil bahagian di dalam politik secara persendirian di atas peribadi masing-masing.

- (b) Mereka boleh dibenar menggunakan senapang patah untuk memburu binatang buas tetapi hendaklah mendapat lesen atau kebenaran daripada Jabatan Mergastua dan pihak Polis.

- (c) Kesalahan-kesalahan yang dilakukan oleh anggota-anggota RELA boleh diambil tindakan tata-tertib mengikut seksyen 9 dalam Peraturan-peraturan Perlu (Ikatan Relawan Rakyat), 1966.

PINJAMAN MARA OLEH BUMIPUTRA

22. Tuan Stephen Robert Evans minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan:

- (a) Samada Kementerian beliau sedar bahawa permohonan-permohonan pinjaman MARA oleh Bumiputra di Negeri Sabah mengambil masa hampir 6 bulan untuk diproses sebelum keputusan diumumkan kepada mereka, dan adakah MARA akan bertindak di atas perkara ini dan mempercepatkan sistem yang ada sekarang untuk memproses permohonan-permohonan pinjaman, supaya mereka yang sangat perlukan pinjaman dari MARA ini tidak akan kehilangan peluang-peluang perniagaan kerana terpaksa menunggu begitu lama;
- (b) Samada beliau sedar ada sebilangan Bumiputra yang telah menjelaskan pinjaman mereka dengan penuh tetapi mendapati kesukaran untuk mendapat balik hakmilik tanah yang mereka telah sandarkan kepada MARA oleh kerana cara-cara MARA mengendalikan perkara ini adalah terlalu lambat; dan
- (c) apakah langkah-langkah yang akan diambil untuk memperbaiki masalah-masalah ini.

Menteri Perusahaan Awam (Datuk Haji Mohamed bin Yaacob):

- (a) Masa diambil untuk meluluskan permohonan-permohonan pinjaman MARA bergantung kepada siasatan yang dapat diselesaikan. Tiap-tiap permohonan terpaksa disiasat dan dikaji dengan teliti untuk menentukan sama ada projek itu "viable" atau tidak. Butir-butir yang lengkap dari pemohon juga perlu dan ini kadangkala mengambil masa.

Biasanya satu-satu pinjaman itu boleh dikeluarkan dalam masa satu bulan selewat-lewatnya jika semua syarat-syarat dan surat-surat perjanjian dan cagaran telah disempurnakan.

Pihak MARA adalah sentiasa mengambil tindakan-tindakan tertentu untuk mempercepatkan memproses permohonan-permohonan pinjaman.

- (b) Tindakan tertentu mengubah dan memperbaiki cara-cara urusan memulangkan balik geran-geran tanah yang mana pinjaman telah diselesaikan telah diambil dan kelewatan seperti yang berlaku di masa yang sudah-sudah telah berkurangan.
- (c) Pihak MARA telah dan sedang mengambil tindakan bagi memperbaiki peraturan-peraturan yang diamalkan dalam urusan mengeluarkan pinjaman supaya masa-masa yang berlaku di masa-masa lalu akan berkurangan. Walau bagaimanapun kerjasama dari pemohon-pemohon juga diperlukan umpamanya memberikan maklumat-maklumat yang betul dan lengkap apabila diperlukan dan dalam masa yang singkat.

PERMIT TEKSI/KERETA BAGI BEKAS PERAJURIT/POLIS

23. Tengku Zaid bin Tengku Ahmad minta Menteri Kerja Raya dan Kemudahan-kemudahan menyatakan:

- (a) Sejak tahun 1975 berapa bilangan anggota-anggota bekas perajurit dan bekas polis yang memohon permit teksi/kereta sewa berdasarkan iklan, telah diluluskan; dan
- (b) Samada beliau sedar tentang rasa tidak puas hati Persatuan Bekas-bekas Polis, Malaysia Cawangan Kelantan yang telah memohon permit teksi/kereta sewa berdasarkan iklan pada tahun 1975 dulu, tetapi hingga sekarang masih belum diluluskan lagi, jika ya mengapa.

Menteri Kerja Raya dan Kemudahan-kemudahan (Datuk Haji Abdul Ghani Gilong):

- (a) Seperti yang telah dinyatakan di dalam jawapan saya kepada Ahli Yang Berhormat dari Kinabatangan sebentar tadi sebanyak 882 buah permit teksi/

kereta sewa telah diluluskan kepada bekas-bekas perajurit/Polis daripada jumlah 1,258 permit yang telah dikeluarkan dalam tahun 1975.

- (b) Kementerian saya tidak sedar tentang adanya rasa tidak puashati Persatuan Bekas-bekas Polis Malaysia Cawangan Kelantan oleh kerana permohonan mereka untuk permit teksi pada 1975 belum diluluskan lagi. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat proses meluluskan teksi/kereta sewa bagi negeri Kelantan telah terlambat sedikit disebabkan oleh siasatan yang rapi sebelum keputusan dibuat dengan bertujuan supaya lesen-lesen dikeluarkan hanya kepada mereka yang benar-benar patut mendapatkannya.

Suka saya memberitahu Ahli Yang Berhormat bahawa pengeluaran permit teksi/kereta sama untuk negeri Kelantan sedang dibuat sekarang dengan berperingkat-peringkat.

LABEL BARANG BUATAN MALAYSIA

24. Tuan Shaari bin Jusoh minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan samada beliau bercadang hendak meminda Undang-undang Penguatkuasa bagi memperuntukkan bahawa semua bekas barang-barang buatan Malaysia seperti kotak-kotak dan tin-tin dilekatkan tanda Buatan Malaysia.

Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah): Kementerian saya telahpun mengambil tindakan dengan mengadakan undang-undang berkenaan iaitu Perintah Kawalan Harga (Pelabelan oleh Pengilang, Pengimpot, Pengeluar atau Penjualborong) 1974 yang memerlukan pengilang-pengilang, pengimpot-pengimpot dan penjualborong-penjualborong meletakkan label kepada barang-barang keluaran atau jualan mereka dalam Bahasa Malaysia yang mengandungi butir-butir mengenai nama dan alamat pengilang, nama barang yang sebenar, berat atau bilangan barang itu dan harganya seunit. Barang-barang yang diperlukan label itu adalah terhad kepada barang-barang yang tersebut dalam jadual Perintah tersebut, sebanyak lebih kurang 83 kumpulan barang-barang keperluan harian.

PENGANGGUR—PENDAFTARAN DI PEJABAT BURUH

25. Tuan Ngan Siong Hing minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan:

- (a) bilangan pencari-pencari pekerjaan yang telah mendaftarkan diri di Pejabat-pejabat Buruh di Malaysia;
- (b) bilangan penganggur di dalam negeri ini pada akhir tahun 1975; dan
- (c) langkah-langkah yang telah diambil untuk mengurangkan keadaan pengangguran.

Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Datuk Lee San Choon):

- (a) Bilangan pencari-pencari pekerjaan yang telah mendaftarkan diri di Pejabat-pejabat Pekerjaan di Malaysia pada akhir bulan Februari, 1976 ialah 118,123 orang.
- (b) Bilangan penganggur di dalam negara ini dalam tahun 1975 adalah dianggarkan seramai 302,100 orang iaitu merupakan 7.2% daripada jumlah tenaga buruh yang ada dalam negara ini.
- (c) Kerajaan adalah menitikberatkan pertumbuhan ekonomi sebagai sumber utama untuk menyelesaikan masalah pengangguran. Banyak rancangan-rancangan tanah telah dibuka. Kerajaan juga memberi keutamaan kepada perusahaan-perusahaan letronik, tekstail dan lain perusahaan yang banyak menggunakan tenaga manusia. Dalam bidang pelajaran dan latihan, Kerajaan telah berusaha untuk mengeluarkan banyak lagi tenaga manusia yang mahir sesuai dengan kehendak pertumbuhan ekonomi.

PENGELUARAN BERAS/JAGONG/ TANAMAN-TANAMAN

26. Dr Chen Man Hin minta Menteri Pertanian menyatakan besarnya kerugian yang dialami oleh petani-petani serta kerugian dalam pengeluaran beras, jagong dan tanaman-tanaman lain semasa musim kemarau yang teruk baru-baru ini.

Datuk Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar: Kemarau tidak melanda semua tempat dan di setengah-setengah tempat pula masih lagi berlaku. Oleh itu akibat-akibahnya kepada petani-petani dan pengeluaran tana-

man belum dapat dikumpulkan dengan sepenuhnya. Walau bagaimanapun daripada maklumat-maklumat yang telah diperolehi setakat ini, kawasan-kawasan padai yang tidak mempunyai taliair dan kawasan-kawasan yang lewat ditanam adalah terjejas dan keluasannya adalah kira-kira 3% daripada keluasan tanaman padi.

Berkenaan dengan tanaman jagong dan tanaman-tanaman lain, oleh kerana ianya bertaburan, amatlah sukar untuk menentukan kerugian yang telah dialami. Walau bagaimanapun daripada maklumat-maklumat yang telah diterima setakat ini, masalahnya bukan masalah kemarau merosakan tanaman tetapi lebih merupakan kemarau menyebabkan tanaman tidak dapat dilakukan dalam musim-musim biasa.

JALANRAYA PASIR MAS KE RANTAU PANJANG

27. Tuan Haji Zakaria bin Haji Ismail minta Menteri Kerja Raya dan Kemudahan-kemudahan menyatakan samada beliau sedar bahawa jalan-jalan di Daerah Pasir Mas terutama jalan dari Pasir Mas ke Rantau Panjang adalah buruk keadaannya jika ya, apakah tindakan yang akan diambil mengenai perkara ini.

Datuk Haji Abdul Ghani Gilong: Jalanraya Pasir Mas ke Rantau Panjang adalah di bawah tanggungjawab Kerajaan Negeri. Walau bagaimanapun pemberian (grant) tahunan adalah diberikan oleh Kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan Negeri untuk menyelenggarakan jalan-jalan negeri ini.

MINYAK TANAH BERWARNA BIRU

28. Tuan Hashim bin Ghazali minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan samada beliau sedar bahawa minyak tanah yang sedang dijual sekarang berwarna biru, dan jika ya, mengapa.

Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah: Kementerian saya sedar bahawa minyak tanah yang sedang dijual sekarang berwarna biru. Ini adalah tindakan yang diambil oleh syarikat-syarikat minyak sendiri dengan tujuan mencegah campuran minyak tanah dengan minyak petrol dan menghalang daripada mengalir ke sektor industrial.

KAWALAN KESELAMATAN DI HOSPITAL

29. Tuan Farn Seong Than minta Menteri Kesihatan menyatakan samada beliau telah menambahkan kawalan keselamatan di rumah-rumah sakit di seluruh negara untuk mengelakkan kejadian-kejadian yang tidak diingini berlaku seperti menculik bayi dan kecurian.

Menteri Kesihatan (Tan Sri Lee Siok Yew): Langkah-langkah keselamatan adalah sedang diketatkan disemua hospital. Langkah-langkah yang berikut telah pun dilaksanakan:

- (a) Menggaji Pengawal-pengawal Keselamatan di dua buah hospital, iaitu Hospital Besar, Kuala Lumpur dan Hospital Besar, Seremban. Cadangan untuk memperluaskan perkhidmatan itu ke lain-lain hospital baru yang bertingkat-tingkat seperti di Ipoh dan Kelang akan dibuat;
- (b) Setengah-setengah hospital telahpun dipagar dan sekarang ini lain-lain hospital sedang dikaji;
- (c) Kementerian saya telah membuat satu cadangan mengujudkan jawatan Penjaga-penjaga Keselamatan di hospital-hospital dan diharapkan cadangan tersebut akan diluluskan tahun ini;
- (d) Menghadkan bilangan pelawat kepada dua orang bagi tiap-tiap seorang pesakit pada satu masa. Amalan ini sekarang sedang dicuba di Hospital Besar, Seremban dengan jayanya dan ini akan diperluaskan lagi ke lain-lain hospital yang bertingkat-tingkat seperti Hospital-hospital Besar Kuala Lumpur, Pulau Pinang, Melaka dan Johor Bahru;
- (e) Pesakit-pesakit dan juga keluarga pesakit telah dinasihatkan supaya jangan membawa bersama mereka sebarang harta semasa masuk ke dalam hospital. Jika ada sebarang harta, hendaklah diserahkan kepada pihak hospital atau kaum keluarga untuk disimpan. Ini akan mengelakkan daripada sebarang kecurian.

Apa juga langkah keselamatan yang diambil, ianya tidak akan memberi kesan selagi orang ramai dan pesakit-pesakit sendiri tidak memberikan kerjasama mereka kepada pihak

berkuasa hospital, mithalnya janganlah menyerahkan bayi-bayi mereka kepada orang-orang yang tidak dikenali atau tidak berpakaian seragam hospital serta tidak mempunyai tanda nama mereka.

PEGAWAI-PEGAWAI MAS

30. Tuan Shamsuri bin Md. Sa'leh minta Menteri Perhubungan menyatakan bilangan (a) Pegawai dagang, (b) Pegawai Rakyat Malaysia, (c) Pegawai Bumiputra yang bertugas sebagai Pilot Officer dan juruteknik dalam Syarikat Penerbangan MAS, dan apakah langkah-langkah yang diambil untuk menggantikan pegawai-pegawai dagang itu dengan rakyat Malaysia, khususnya Bumiputra.

Menteri Perhubungan (Tan Sri V. Manickavasagam): Jumlah pegawai dagang, pegawai rakyat Malaysia, pegawai Bumiputra yang bertugas sebagai juruterbang dan juga juruteknik dalam Syarikat MAS ialah seperti berikut:

	Pegawai Dagang (Expatriates)	Pegawai Rakyat Malaysia termasuk Pegawai Bumiputra	Pegawai Bumiputra
Juruterbang ...	70	201	85
Juruterbang (dalam latihan) ...	—	69	59
Juruteknik Kapal-terbang (Aircraft Maintenance Engineers) ...	132	114	25
Juruteknik Kapal-terbang (dalam latihan) ...	—	175	121
Juruteknik (Technicians) ...	2	557	287

Langkah-langkah positif telah diambil sebagai usaha untuk menggantikan pegawai-pegawai expatriate di dalam perkhidmatan MAS.

Sekim latihan yang sesuai telah dilancarkan dengan menghantar pegawai-pegawai untuk latihan sebagai juruterbang dan juruteknik kapalterbang. Seramai 69 pelatih juruterbang telah dipilih sejak tahun 1972 dan 59 daripadanya telahpun tamat latihan dan berkhidmat dengan MAS. Sejumlah 175 pelatih juruteknik kapalterbang pula telah dipilih sejak 1972 dan setakat ini 14 darinya telah pun tamat latihan.

Pada tahun 1976 ini, seramai 9 pelatih juruterbang dan 24 orang pelatih juruteknik kapalterbang akan diambil untuk latihan. Rancangan latihan ini dilancarkan dengan kerjasama pihak MARA.

Pihak MAS juga setakat ini telah mengambil seramai 33 juruterbang dan 104 juruteknik kapalterbang dari Angkatan Tentera Udara Di Raja dan seramai 4 orang lagi juruterbang akan diambil di dalam "recruitment" yang baru.

Usaha-usaha ini adalah sebagai satu cara untuk mempercepatkan lagi langkah menggantikan pegawai-pegawai expatriate dengan pegawai-pegawai kerakyatan Malaysia.

KILANG BESI MALAYSIA DALAM ASEAN

31. Datin Hajjah Fatimah binti Haji Abdul Majid minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan kejayaan yang dicapai di Persidangan Menteri-menteri Ekonomi yang diadakan di Kuala Lumpur dan Persidangan Kemuncak ASEAN yang diadakan di Bali, Indonesia baru-baru ini. Adakah Malaysia telah diberi peluang untuk mendirikan kilang besi di sini.

Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah: Persidangan Menteri-menteri Ekonomi ASEAN yang telah diadakan di Kuala Lumpur telah berjaya menentukan berbagai garis tindakan bagi memupuk kerjasama dan ekonomi serantau yang lebih erat dan konkrit di kalangan negara-negara ASEAN dengan ketetapan-ketetapan Persidangan Kemuncak ASEAN di Bali pada bulan Februari lalu.

Sepertimana yang Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Persidangan Kemuncak ASEAN di Bali itu telah menghasilkan beberapa ketetapan yang bertujuan mengukuhkan kedudukan ASEAN sebagai satu kumpulan negara-negara yang mempunyai hasrat terhadap keamanan, kestabilan dan kemajuan serantau melalui semangat kerjasama dan perpaduan di dalam berbagai bidang seperti bidang politik, ekonomi, sosial, kebudayaan, sains dan teknologi. Tindakan-tindakan yang perlu diambil bagi mengembelangkan usaha ke arah ini adalah termaktub di dalam dua dokumen ASEAN

yang telah ditandatangani oleh Ketua-ketua Negara ASEAN iaitu:

- (i) Treaty of Amity and Co-operation in Southeast Asia; dan
- (ii) Declaration of ASEAN Concord.

Ketua-ketua Negara ASEAN adalah memberikan perhatian yang berat terhadap kerjasama ekonomi ASEAN dan telah mengarahkan Persidangan Menteri-menteri EKONOMI ASEAN mengkaji peluang-peluang dan tindakan-tindakan yang perlu bagi memupuk kerjasama ekonomi yang lebih erat dan konkrit di kalangan negara-negara ASEAN. Hasilnya beberapa persetujuan telah dicapai oleh Menteri-Menteri Ekonomi ASEAN dan ini bolehlah diringkaskan seperti berikut:

- (a) *Kerjasama dalam bidang bahan-bahan utama, terutamanya makanan dan tenaga*

Persetujuan telah dicapai di mana beras dan minyak mentah telah ditetapkan sebagai bahan-bahan makanan dan tenaga yang perlu diberi keutamaan daripada lain-lain bahan di mana melalui peraturan-peraturan perdagangan istimewa (preferential trading arrangements) negara-negara ASEAN akan membekal atau membeli bahan-bahan ini antara satu sama lain di dalam keadaan-keadaan terdesak seperti keadaan-keadaan kekurangan atau kelebihan bahan-bahan tersebut. Kemungkinan untuk memasukkan bahan lain dalam bidang ini akan dikaji oleh Pegawai-Pegawai Kanan ASEAN. Negara-negara ASEAN juga bersetuju mengadakan kajian dari semasa ke semasa mengenai keadaan bekalan makanan dan tenaga di rantau ini khasnya dan dunia amnya supaya langkah-langkah yang sesuai boleh dapat diambil. Mesyuarat telah juga bersetuju dengan beberapa langkah bagi mengukuhkan kerjasama di dalam bidang pengeluaran bahan-bahan makanan dan tenaga.

- (b) *Kerjasama Perindustrian*

Mesyuarat telah menubuhkan satu kumpulan Pakar-pakar untuk mengkaji rancangan-rancangan kerjasama perindustrian ASEAN, melalui tindakan-tindakan berikut:

- (1) mengkaji kemungkinan menubuhkan dengan segera projek-projek perindustrian yang boleh

diiktiraf sebagai projek ASEAN seperti berikut:

Indonesia ...	Urea
Malaysia ...	Urea
Filipina ...	Superphosphates
Singapura ...	Diesel Engines
Thailand ...	Soda Ash.

- (2) Mengkaji kemungkinan dari segi teknik dan ekonomi samada sesuai didirikan keupayaan-keupayaan baru atau tambahan bagi membekalkan permintaan "news-print" dari "potash" di rantau ini.
- (3) Menyelaraskan melalui perundingan, rangan negara masing-masing di dalam memajukan industri besiwaja yang disatukan dan industri-industri petrokimia supaya tidak ada apa-apa penindihan atau pertandingan demi memberi faedah-faedah yang maksima kepada rantau ASEAN.
- (4) Bertukar-tukar maklumat mengenai berbagai sektor di dalam rancangan-rancangan kemajuan perindustrian masing-masing untuk memastikan kemungkinan-kemungkinan bagi "complementation" industri-industri yang telah didirikan di rantau ini.

Kumpulan Pakar tersebut juga akan diminta mengkaji lain-lain industri yang didapati sesuai seperti:

- (i) Metalworking machine tools;
- (ii) Fisheries;
- (iii) Electrolytic tin plating;
- (iv) Slery-duty rubber tyres;
- (v) Electronic components.

(c) Kerjasama Perdagangan

Beberapa barang seperti jagong, gula, sayur-sayuran, ikan, daging, simen, balak dan kayu yang digergaji, tembakau, minyak kelapa sawit telah dipilih sebagai layak dimasukkan di bawah peraturan-peraturan perdagangan istimewa ASEAN, yang akan dilaksanakan dengan beberapa cara seperti kontrak bekalan jangka panjang, keistimewaan di dalam pembelian oleh agensi-agensi Kerajaan, pemberian keistimewaan-keistimewaan cukai dan sebagainya.

(d) Pendirian bersama terhadap masalah-masalah Barangan Antarabangsa

Berdasarkan faedah-faedah yang boleh didapati melalui pendirian bersama di dalam soal bijeh timah dan getah asli, mesyuarat telah mengarahkan pegawai-pegawai kanan ASEAN mengkaji kemungkinan mengadakan pendirian yang sama bagi lain-lain barangan seperti gula, jagong, minyak kelapa, minyak sayuran dan sebagainya.

Pendirian bersama bagi lain-lain masalah Ekonomi dunia

Jentera yang sesuai akan diadakan bagi dialogue di antara ASEAN dengan lain-lain negara atau kumpulan-kumpulan negara seperti Australia, New Zealand, Kanada, Amerika Syarikat, Jepun dan EEC. Negara-negara ASEAN akan juga mengambil pendirian yang sama mengenai lain-lain masalah ekonomi dunia di Bangsa-Bangsa Bersatu dan Badan-Badan lain seperti UNITAD, IMF, ADB, dan ESCAP, terutamanya mengenai masalah-masalah berhubung dengan barang-barang mentah, pemindahan bahan-bahan dan penyusunan semula sistem kewangan antarabangsa.

Kajian semula jentera bagi kerjasama ekonomi ASEAN

Persetujuan telah dicapai bagi jentera ASEAN yang ada sekarang ini diperbaiki untuk membolehkan segala langkah-langkah ke arah kerjasama ekonomi yang lebih erat dapat dilaksanakan dengan licin.

Secara kesimpulannya, mesyuarat Menteri-menteri Ekonomi ASEAN itu telah berjaya mengorak langkah ke arah mencapai persetujuan-persetujuan yang lebih "concrete" bagi membolehkan negara-negara anggota ASEAN mengujudkan kerjasama yang boleh menghasilkan faedah-faedah di dalam beberapa bidang ekonomi.

Mengenai samada Malaysia telah diberi peluang untuk mendirikan kilang besiwaja, inginlah saya jelaskan bahawa peluang itu tetap ada berdasarkan keperluan-keperluan negara dan rantau ini. Lebih-lebih lagi industri besiwaja yang disatukan (integrated) dipercayai merupakan satu-satunya industri yang memberikan peluang kerjasama yang luas kepada negara-negara ASEAN kerana

mereka terpaksa mengadakan keupayaan-keupayaan yang cukup bagi memenuhi permintaan di masa hadapan. Walau bagaimanapun adalah terlalu awal hendak ditentukan besar kecilnya serta keluaran-keluaran bagi kilang tersebut kerana ini masih lagi dalam kajian. Tiap-tiap negara ASEAN masing-masing mempunyai rancangan mereka yang tersendiri bagi mendirikan kilang-kilang besiwaja dan perundingan akan dijalankan oleh Negara-negara ASEAN supaya rancangan-rancangan tersebut dapat diselaraskan bagi mengelakkan sebarang pertandingan yang sia-sia.

KAWALAN KESELAMATAN DI HOSPITAL

32. Datin Hajjah Fatimah binti Haji Abdul Majid minta Menteri Kesihatan menyatakan langkah-langkah yang akan diambil untuk mengelakkan kejadian pencolekan bayi-bayi di hospital-hospital di negeri ini di masa akan datang.

Tan Sri Lee Siok Yew: Ahli Yang Berhormat dari Sungai Besi telahpun membangkitkan soalan yang hampir-hampir sama sebentar tadi dan saya telahpun memberikan jawapannya.

DEREBAR-DEREBAR KERETAPI TANAH MELAYU

33. Tuan Chian Heng Kai minta Menteri Perhubungan menyatakan:

- (a) jumlah jawatan kosong untuk jawatan derebar gred khas di Keretapi Tanah Melayu;
- (b) jumlah jawatan kosong yang tersebut di atas yang telah dipenuhi;
- (c) samada beliau sedar ramai derebar-derebar yang telah sampai kadar maxima dalam tingkatan biasa perkhidmatan mereka tetapi tidak dinaikkan pangkat kerana mereka tidak lulus temuduga untuk kenaikan pangkat itu, kerana mereka tidak mahir dalam Bahasa Malaysia; jika ya, samada pihak beliau akan mengecualikan derebar-derebar yang terlibat itu daripada lulus Bahasa Malaysia kerana kebanyakan daripada mereka adalah orang-orang tua.

Tan Sri V. Manickavasagam:

- (a) Jumlah jawatan kosong bagi jawatan Derebar Gred Khas pada tarikh ini ialah 21.
- (b) Temuduga telah dijalankan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Keretapi, yang berakhir pada 23-3-76 untuk mengisi kesemua kekosongan tersebut.
- (c) 75 daripada 105 Derebar Gred Biasa yang layak untuk kenaikan pangkat ke Derebar Gred Khas sudah mencapai kadar gaji maksima dan kesemua 75 orang ini tidak boleh dinaikkan pangkat kerana bilangan yang boleh dinaikkan pangkat adalah tertakluk kepada bilangan kekosongan yang ada dalam gred khas. Derebar-derebar ini tidak disyaratkan mesti lulus Bahasa Malaysia sebelum dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat. Pemilihan untuk kenaikan pangkat adalah dalam bidang kuasa Suruhanjaya Perkhidmatan Keretapi.

PINJAMAN KERAJAAN MALAYSIA

34. Tuan Mohd. Idris bin Haji Ibrahim minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) jumlah pinjaman Malaysia daripada negara-negara asing dan Badan-badan tertentu dalam ringgit Malaysia; dan
- (b) projek-projek yang telah dilaksanakan dalam negara ini dengan menggunakan pinjaman-pinjaman tersebut.

Menteri Kewangan (Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah):

- (a) Jumlah pinjaman Kerajaan Malaysia sejak 1965 daripada negara-negara asing dan Badan-badan tertentu selepas pembayaran balik pokok pinjaman adalah berjumlah M\$2,413.9 juta pada 31-12-1975.
- (b) Sejumlah 63 projek telah dilaksanakan dengan menggunakan pinjaman-pinjaman tersebut di atas sejak tahun 1965. Oleh kerana senarai projek-projek ini adalah terlalu banyak saya tidak dapat menurunkan senarai itu di sini.

PEPERIKSAAN SEKOLAH-SEKOLAH CHINA PERSENDIRIAN

35. Tuan Chian Heng Kai minta Menteri Pelajaran menyatakan samada benar atau

tidak di dalam perjumpaan beliau dengan wakil-wakil pelajaran China semasa sidang Parlimen yang lepas, beliau telah menghalang sekolah-sekolah China Persendirian mengadakan peperiksaan bersatu. Jika ya, nyatakan mengapa beliau membuat halangan tersebut dan samada beliau sedar halangannya itu adalah bercanggah dengan peruntukan yang termaktub di dalam Perlembagaan Negara.

Dr Mahathir bin Mohamad: Adalah tidak benar yang saya telah melarang sekolah-sekolah China persendirian daripada mengadakan peperiksaan yang disatukan; tetapi adalah satu kenyataan bahawa pengendalian peperiksaan sedemikian akan menjejaskan sama sekali usaha-usaha Kerajaan untuk meletakkan semua kanak-kanak dari berbilang bangsa belajar di bawah bumbung yang sama demi untuk menjalinkan persefahaman yang lebih di kalangan mereka dan jua mengeratkan perpaduan negara. Oleh itu saya telah menasihatkan wakil-wakil pelajaran China itu supaya jangan mengadakan peperiksaan itu.

BILIK DARJAH SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN CHINA

36. Tuan Chian Heng Kai minta Menteri Pelajaran menyatakan samada beliau sedar:

- (a) Kebanyakan sekolah Jenis Kebangsaan China di seluruh Malaysia tidak mempunyai bilik-bilik untuk menampung murid-murid baru, jika ya, nyatakan langkah-langkah yang sedang diambil untuk mengatasi masalah ini; dan
- (b) rancangan untuk membina empat buah bilik darjah, sebuah bilik pejabat Gurubesar, sebuah bilik pejabat guru-guru, setor, kantin dan kemudahan-kemudahan tandas dan pagar yang dijadualkan akan siap pada tahun 1975 untuk Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan China Bemban terletak di Kampung Baru Bemban, Batu Gajah, masih belum lagi dimulakan; jika ya, nyatakan bilakah pembinaan akan bermula dan bilakah ianya dijangka siap.

Dr Mahathir bin Mohamad:

- (a) Tidaklah benar kebanyakan Sekolah Jenis Kebangsaan China di seluruh Malaysia tidak mempunyai bilik-bilik darjah untuk menampung murid-murid

baru. Apa yang berlaku ialah ibubapa-ibubapa sentiasa ingin menghantar anak-anak mereka ke sekolah-sekolah yang terpilih atau sekolah-sekolah yang berhampiran dengan tempat kediaman mereka. Oleh yang demikian sekolah-sekolah inilah sahaja yang kekurangan bilik-bilik darjah. Bilik-bilik darjah baru tidaklah boleh ditambah melainkan tidak ada bilik sama sekali di sekolah-sekolah yang berdekatan.

- (b) Ya. Kerja-kerja pembinaan akan bermula setelah pelan-pelan bangunan disediakan oleh Jabatan Kerja Raya. Ianya adalah dijangka akan siap pada tahun hadapan.

NELAYAN THAI DI BALAI POLIS KAMPUNG RAJA, BESUT

37. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan adakah peristiwa memecah lokap di Balai Polis Kampung Raja Besut, Trengganu pada 28-2-76 (malam Sabtu) yang dikata dilakukan oleh 9 orang nelayan itu sebenarnya mereka nelayan bukan lanun atau penjenayah. Nyatakan mengapakah mereka itu dikatakan nelayan. Jelaskan juga perkara-perkara yang berikut:

- (a) apakah yang menyebabkan kejadian itu boleh berlaku;
- (b) apakah alat-alat yang digunakan oleh orang-orang tahanan itu sehingga berjaya mereka itu melarikan diri;
- (c) nyatakan usaha yang dijalankan oleh pihak Polis sehingga tertangkap sebahagian daripada kumpulan mereka itu; dan
- (d) di manakah mereka dapat ditangkap dan apakah tindakan dan hukuman yang dijatuhkan ke atas mereka itu.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Seramai 9 orang warganegara Thailand yang melarikan diri dari bilik kurungan di Balai Polis Kampung Raja, Besut, Trengganu pada 28hb Februari, 1976 adalah sebenarnya nelayan. Mereka merupakan sebahagian daripada 19 orang nelayan Thai yang ditahan kerana menangkap ikan di dalam kawasan perairan Malaysia dengan

menggunakan pukut tunda tanpa mempunyai lesen yang dikeluarkan oleh Kerajaan Malaysia. Kedua-dua buah bot mereka membawa peralatan untuk menangkap ikan dan tidak ada bukti yang dapat menunjukkan mereka itu lanun atau penjenayah.

Jawapan-jawapan seterusnya adalah seperti berikut:

- (a) (b) Orang-orang tahanan Thai berjaya memecahkan tingkap bilik kurungan dengan menggunakan tenaga mereka sendiri tanpa alat-alat lain.
- (c) Satu gerakan mencari dan menangkap semula orang-orang tahanan dilancarkan dengan serta-merta di mana Polis Kelantan dan Pahang diberitahu untuk menjalankan tindakan yang sama. Sekatan jalanraya diadakan di semua tempat jalan keluar ke Thailand dan gerakan mencari yang intensif telah dijalankan di kampung-kampung dan di pantai-pantai. Butir-butir mengenai orang-orang tahanan yang lepas dari itu dimaklumkan kepada semua anggota Polis dan juga kepada semua nelayan-nelayan supaya berjaga-jaga.
- (d) Seramai 6 orang tahanan yang melarikan diri itu telah dapat ditangkap semula oleh Polis di Pantai Chenggong, Bachok, Kelantan. Polis masih mencari 2 orang tahanan yang belum lagi ditangkap semula.

Kesemua 6 orang tahanan yang ditangkap semula itu telah didakwa di Mahkamah atas kesalahan lari dari tahanan yang sah di bawah Seksyen 224 Kanun Kesiksaan. Setelah mengaku salah di atas tuduhan tersebut hukuman yang dijatuhkan ke atas mereka adalah seperti berikut:

- (a) Orang Tahanan Thai yang berumur 13 tahun itu didenda sebanyak \$200 atau satu bulan penjara bermula pada 23hb Februari, 1976.
- (b) Kelima-lima orang tahanan Thai yang lain didenda \$500 atau 3 bulan penjara tiap-tiap seorang.

USUL

UCAPAN TERIMA KASIH KEPADA D.Y.M.M. SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula Perbahasan yang ditangguhkan atas masaalah:

Bahawa suatu Ucapan yang tidak seperti ini dipersembahkan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:

“Ampun Tuanku,

Patek, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Rakyat Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang zalil daripada Majlis Dewan Rakyat mengucapkan berbanyak-banyak syukur dan terima kasih kepada Kebawah Duli kerana Titah Ucapan Kebawah Duli pada masa membuka Penggal Kedua Parlimen Yang Keempat.” (1hb April, 1976)

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Saya jemput Ahli Yang Berhormat dari Ledang menyambung ucapannya semalam.

3.45 ptg.

Tuan Embong bin Yahya (Ledang): Tuan Yang di-Pertua, dalam ucapan yang akhir saya semalam, saya telah menyentuh berkenaan dengan keselamatan dan daripada faktor yang penting dalam menjaga keselamatan kita ialah dengan meninggikan imej Pasukan Keselamatan dengan memberi nilai gaji yang sepatutnya. Sebagaimana yang kita tahu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita telah berkata bahawa dalam sedikit masa lagi satu tanggagaji baharu akan dikemukakan oleh pihak Kerajaan ataupun akan disusun satu tanggagaji Pasukan Keselamatan.

Saya telah menyebutkan semalam dalam menyusun tanggagaji tentulah sekali pihak Perkhidmatan Awam akan mengkaji dan meneliti tiap-tiap satu sekim yang dikemukakan itu sebagai tanggugjawab yang biasa dibuat untuk menilai dan menyelaraskan dengan semua jabatan dan kakitangan Kerajaan awam. Saya minta pihak Perkhidmatan Awam supaya memberi satu pertimbangan yang

istimewa dalam menyemak tanggagaji Pasukan Keselamatan ini supaya tidaklah sangat diketatkan (strict) dengan kelulusan-kelulusan akademik seperti yang dibuat kepada jabatan-jabatan awam atau kakitangan awam, kerana pihak tentera sebagaimana yang kita tahu kebanyakan mereka mendapat pangkat dalam tentera atau dalam Pasukan Keselamatan daripada masa dahulu lagi dengan tidak berdasarkan kelulusan, tetapi berdasarkan didikasi dan pengetahuan tentera serta latihan yang mereka dapati selama itu. Jadi kalau sekiranya pihak Perkhidmatan Awam menilai tanggagaji Pasukan Keselamatan serupa dengan nilai akademik pihak Perkhidmatan Awam, saya khuatir bahawa perkara ini akan menghadapi kebantuan dan memakan masa yang beberapa lama lagi pun tidak akan selesai dan yang demikian menjadikan satu perasaan keciwa atau menimbulkan satu perasaan tidak senang hati di kalangan Pasukan Keselamatan lebih-lebih lagi dalam keadaan negara menghadapi inflasi dan mereka sangat berkehendakkan sedikit tambahan gaji yang menasabah. Ini saya rasa pihak Perkhidmatan Awam hendaklah memandang bahawa mereka ini dari segi perkhidmatannya menyambung nyawa di barisan hadapan yang kebanyakan orang lain sekali pun yang mempunyai kelulusan tidak membuatnya. Jadi, dengan alasan-alasan ini, dengan kerja mereka yang begitu rumit, begitu susah menghadapi perjuangan dan menjaga negara maka sepatutnyalah pihak Perkhidmatan Awam atau pihak Kerajaan sendiri memberi pertimbangan yang saksama, yang luar biasa terhadap gaji Pasukan Keselamatan kita.

Kita tahu pihak Pasukan Keselamatan mereka tidak bersungut, mereka tidak mengemukakan dalam akhbar dan mereka tidak menjalankan satu tuntutan secara terbuka untuk menuntut gaji. Kita sedar kerana mereka bukan ahli trade union. Mereka tidak ada trade union untuk hendak menyampaikan suara mereka kepada Kerajaan, untuk membantah kepada Kerajaan, untuk berlawan dengan Kerajaan dalam menyusun tanggagaji seperti yang dibuat oleh badan-badan gabungan CUEPACS, umpamanya Talikom, Post Office dan sebagainya. Kita harus bersempati dengan keadaan Pasukan Keselamatan ini walaupun mereka mempunyai senjata yang tajam tetapi mereka tidak ada mempunyai senjata untuk melawan

dalam membela gaji, sebab mereka tidak ada senjata untuk mogok, pada hal kita sedar trade union yang lain dapat tanggagaji-tanggagaji yang baik, dapat revise gajinya daripada satu masa ke satu masa dengan menuntut kepada Kerajaan dan senjata mereka yang akhir ialah mogok. Seperti yang telah berlaku kepada banyak jabatan-jabatan Kerajaan tetapi pihak askar, pihak pasukan keselamatan mereka tidak dapat menggunakan senjata ini. Mereka hanya mengadu kepada Kerajaan, mereka hanya mengadu kepada Menteri dan mereka hanya mengadu kepada Dewan inilah yang dapat membawa suara mereka kepada pihak Kerajaan dan pihak yang lebih tinggi. Dengan alasan ini saya minta sangat-sangat supaya tanggagaji pihak pasukan keselamatan itu di ambil perhatian yang sangat berat dan penuh timbang rasa dan penuh simpati supaya tidak lagi menghadapi buntu dan buntu terus-menerus kerana kita harus faham bahawa sungguhpun banyak Ahli-ahli Parlimen bercakap semalam bahawa kita menghadapi keselamatan ini bukan hanya semata-mata bersenjata atau pasukan keselamatan tetapi dengan perpaduan rakyat. Kita mengerti ini dan kita sokong ini tetapi ingat kominis tidak datang ke sekolah mengajar rakyat, kominis tidak datang ke balairaya berceramah dengan rakyat, yang kita dapati pada hari ini mereka tidak datang ke mesjid berceramah tetapi mereka membawa senjata untuk menyerang kita, mereka membawa senapang untuk membunuh kita. Maka sudah sewajarnya berdepan dengan mereka itu ialah tentera-tentera kita, pasukan keselamatan kita dan dengan sebab itu sudah sepatutnyalah pasukan keselamatan hari ini mendapat layanan yang baik daripada Kerajaan kita, daripada rakyat kita.

Saya telah beberapa kali bercakap di sini kalau sekiranya pasukan keselamatan diberi nilai yang baik dari segi gaji dan layanan tidak ada siapa yang hendak bersungut, tidak ada siapa yang berasa iri hati kepada pasukan keselamatan sebab kita faham pengorbanan mereka itu kepada negara. Dan kali ini saya rasa patut benarlah satu tanggagaji yang akan disusun itu dapat diberi pertimbangan yang sewajarnya dan dengan perasaan yang penuh simpati dan penuh bertimbangrasa terhadap pasukan keselamatan kita kerana kita tidak mahu imej tentera kita, imej pasukan keselamatan kita hanya menampung orang-orang yang

tidak berpengetahuan untuk makan gaji, untuk sudah sampai ke satu peringkat tidak ada lagi kerja hendak buat—masuk askar, begitu rendah kadang-kadang pandangan rakyat kepada pasukan keselamatan. Kita mahu masa hadapan bahawa anak-anak kita, rakyat kita masuk askar dengan sebab memandang pasukan askar itu mulia, dapat layanan yang baik daripada Kerajaan, dapat layanan yang sewajarnya daripada rakyat negeri ini. Dengan inilah saya sekali lagi berseru supaya benar-benar pihak yang bertanggungjawab di Jabatan Perkhidmatan Awam dalam menyemak tanggungaji ini sekiranya hal ini dikemukakan dapat sesungguhnya memberi pertimbangan yang baik dan sewajarnya.

Seperkara lagi yang saya hendak sebut ialah berhubung dengan hal Titah Ucapan Seri Paduka Baginda yang menyebut berkenaan dengan pelajar-pelajar kita. Baginda menyeru bahawa pelajar-pelajar kita sepatutnya mengambil peluang daripada kemudahan yang dibuat oleh Kerajaan pada hari ini tetapi masih banyak kita dapati pelajar-pelajar kita seperti yang kita tahu di pusat pengajian tinggi yang baru-baru ini pelajar I.T.M. telah kita nampak mereka tidak mengambil peluang daripada kemudahan yang diberi oleh Kerajaan. Mereka cuba mengambil peluang kemudahan itu menentang balik Kerajaan, menentang balik pentadbiran pada hal itu bukannya kewajipan mereka. Jadi saya minta pihak Kementerian Pelajaran mengambil perhatian yang berat menyemak bagaimana keadaan penuntut-penuntut di dalam pusat pengajian tinggi sehingga satu masa kita lihat keputusan peperiksaan amat menyedihkan, mengecewakan sama sekali dan patut juga disedari sebab-sebab kegagalan pelajar-pelajar ini. Boleh jadi bukan dengan sebab kebodohan mereka sahaja, boleh jadi juga banyak faktor yang menjadikan kelemahan, boleh jadi mereka tidak dapat pelajaran yang cukup, boleh jadi pihak pensyarah (lecturer) memberi pelajaran separuh hati kepada mereka sehingga mereka tidak boleh menjawab dalam peperiksaan, sebab saya dengar ada beberapa orang pensyarah yang dengan keciwanya memberi ceramah-ceramah kepada penuntut-penuntut hanya barangkali separuh daripada jadual pelajaran setahun dapat diberi kepada pelajar-pelajar, akhirnya pelajar-pelajar itu tidak boleh menjawab dalam peperiksaan. Ini patut dijalankan satu penyiasatan setakat

mana pensyarah-pensyarah memberi ceramah, memberi akademiknya kepada pelajar-pelajar setaraf dengan kolej-kolej dan universiti yang lain sehinggakan pelajar yang lain umpamanya Kolej Tunku Abdul Rahman boleh lulus 100% tetapi pelajar ITM telah kita nampak mereka tidak mengenyainya itu. Ada juga sungutan mengatakan bahawa kami tidak dapat pelajaran yang cukup, tidak dapat ceramah yang cukup, barangkali yang diberi kepada kami itu separuh masak jadi kami tidak dapat menghadapi peperiksaan. Ini saya minta Kementerian Pelajaran yang telah menubuhkan Jawatankuasa Penyiasat itu menyiasat ITM, bukan sahaja menyiasat kelakuan akhlak pelajar-pelajar ini tetapi menyiasat daripada akar-umbi bagaimana pelajaran akademik di beri dalam Institusi MARA sebab banyak ibu-bapa tidak puas hati dengan anak-anak mereka kerana setengah anak-anaknya tekun belajar pun tidak dapat pelajaran yang cukup untuk hendak menghadapi peperiksaan. Ini satu perkara yang sangat dikhawatirkan. Kalau sekiranya terus-menerus berlaku seperti ini maka harapan kita untuk hendak membanyakkan bumiputra dalam lapangan pelajaran tinggi akan sia-sia dan hampa sahaja.

Saya suka menyentuh berkenaan dasar luar sedikit iaitu berkenaan dengan ASEAN. Kita tahu selepas Persidangan di Bali pihak negara-negara kominis iaitu Vietnam, Hanoi tidak senang hati dengan sebab mereka salah faham keadaan perpaduan ASEAN. Jadi saya mencadangkan kalau boleh pihak negara-negara ASEAN menghantar wakil terbaik-baik melawat ke negara-negara yang berjiran dengan kita yang bukan ASEAN umpamanya Burma, Vietnam dan Hanoi menerangkan kepada mereka apakah tujuan perpaduan ASEAN seperti yang dibuat oleh banyak negara. Saya rasa tidak menjadi jatuh maruah kita kalau kita pergi memberi penerangan kepada mereka tujuannya kita membuat ASEAN dan tujuan kita membuat pakatan sedangkan waktu Vietnam tamat peperangan, jatuh ke tangan kominis ada rombongan daripada negara itu sendiri datang ke negeri kita menghantar rombongan memberi penerangan kepada kita berkenaan dengan dasar Kerajaannya setelah tamat peperangan Vietnam dan cita-cita mereka hendak terbaik. Saya rasa kita juga bagi pihak ASEAN tidak menjadi malu, tidak menjadi hilang maruah kalau kita buat satu

deligasi muhibbah pergi menerangkan ke negara-negara yang tidak faham, yang was-was di sebalik kita berbaik dengan negara-negara besar sehingga kita dituduh menjadi alat imperialis. Saya rasa patut kita memberi penerangan kepada mereka dengan cara jujur dari hati ke hati sebagai bangsa Asia atau sebagai penduduk Asia Tenggara sebab kalau sekiranya berlaku sebarang konfrantasi dengan sebab tidak faham keadaan perpaduan ASEAN maka yang rugi bukan sahaja ASEAN, bukan sahaja negara-negara block Vietnam tetapi umat Asia Tenggara sendiri akan menghadapi kerugian yang besar.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka menyenutuh juga sedikit lagi berkenaan dengan hal kesihatan. Sungguhpun kita telah merdeka dan banyak projek dibuat tetapi berkenaan dengan kesihatan ini penduduk-penduduk luar bandar masih kekurangan mendapat layanan. Penduduk-penduduk luar bandar masih banyak lagi pergi berubat berbatu-batu jauhnya hendak berjumpa dengan doktor atau hendak pergi ke kelinik bidan. Jadi wajarlah sekarang dalam Rancangan Malaysia Ketiga pihak Kementerian Kesihatan membuat satu rancangan yang konkrit iaitu dengan membanyakkan kelinik-klinik kecil di kampung-kampung. Sebelum kita hendak pergi menghadapi hospital yang besar maka penduduk-penduduk kampung boleh pergi ke kelinik yang kecil ini ataupun membanyakkan rumah bidan kepada penduduk yang ramai di kampung ataupun kelinik-klinik kecil, sebab di kawasan saya sendiri umpamanya masih terdapat bertalutalu permohonan meminta kelinik kecil, kelinik bidan dan sebagainya tetapi masih belum mendapat layanan yang sewajarnya. Saya harap Kementerian ini dalam Rancangan Malaysia Ketiga nanti dapat benar-benar membuat suatu dasar, kalau tidak dapat membuat hospital yang besar dalam daerah-daerah patutlah membanyakkan kelinik-klinik kecil di kampung-kampung terutama sekali di kawasan pedalaman.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Masa sudah cukup.

Tuan Embong bin Yahya: Terima kasih

4.10 ptg.

Puan Chow Poh Kheng (Selayang): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk

menyokong usul menjunjung kasih atas Titah Ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Saya ingin menarik perhatian Dewan ini berhubung dengan masalaah-masalaah setinggalan yang terdapat di dalam negeri ini, terutama sekali di dalam kawasan saya Selayang. Setinggalan-setinggalan haram adalah satu masalaah besar dan amat sukar untuk diatasi, samada oleh para setinggalan miskin yang terdiri dari Warganegara atau oleh Kerajaan.

Dalam keadaan kemiskinan yang betul-betul ujud dengan bilangan keluarga mereka yang ramai, mereka tidak ada jalan lain untuk mendapatkan sebarang tempat perlindungan, melainkan mencari peluang menginap di kawasan-kawasan tanah kosong, tanpa memperhitungkan samada mereka akan dibenarkan berbuat demikian mengikut undang-undang negara, atau sebaliknya. Dalam pada itu saya faham bahawa sekiranya tindakan tidak diambil terhadap perbuatan itu, maka keadaan akan menjadi lebih buruk di masa-masa yang akan datang. Oleh itu, sukalah saya merayu kepada Kerajaan bahawa sebagai memberikan perhatian terhadap keadaan kemiskinan yang betul-betul ujud di kalangan warganegara-warganegara yang tersebut, maka satu rancangan yang sesuai hendaklah dilaksanakan untuk melegakan problem-problem yang dihadapi oleh setinggalan-setinggalan itu. Saya harap Kerajaan akan dapat mengatasi problem yang menyedihkan ini dengan cara mendirikan lebih banyak rumah-rumah flat yang murah atau rumah-rumah terrace sebagai menggantikan pondok-pondok setinggalan dengan membahagi-bahagikan rumah-rumah flat itu kepada mereka yang rumahnya telah dirobohkan dan pembahagian ini hendaklah dipertimbangkan untuk mereka yang betul-betul memerlukannya. Kepada mereka yang tidak mempunyai wang tunai yang tersedia, mereka hendaklah dibenarkan membayar secara ansuran yang mudah dilakukan, umpamanya, beberapa ringgit yang mereka mampu membayar pada tiap-tiap bulan. "Tiap-tiap jahitan yang dilakukan pada satu-satu masa akan pasti menyelamatkan putik-putik kesukaran mereka". Kerana dengan jalan ini akan juga mencantumkan segala dayausaha yang mereka ingin hidup sebagai manusia biasa. Seterusnya dengan berbuat demikian akhirnya menghindarkan pertumbuhan rumah

haram secara berleluasa atau mengelakkan orang-orang yang tidak bertanggungjawab mencari keuntungan dengan menjadikan orang-orang miskin sebagai mangsa mereka, umpamanya, menipu mereka dengan penjualan rumah-rumah haram. Keadaan ini tidak akan dapat dielakkan oleh mereka yang memerlukan rumah-rumah tempat mereka berlindung. Kita telah juga mengetahui bahawa permohonan-permohonan TOL biasanya mengambil masa yang lama untuk memprosesnya. Ini disebabkan banyak permohonan yang terpaksa dipertimbangkan. Dengan demikian mereka mengambil peluang mendirikan rumah-rumah sendiri tanpa menghiraukan akibat yang akan mereka hadapi kelak. Keadaan seumpama itu akan membuatkan tugas pegawai-pegawai setinggan lebih rumit, dan menimbulkan perasaan sakit hati di kalangan setinggan-setinggan yang terlibat.

Saya juga mendapat tahu bahawa bekalan air dan api tidak dibenarkan untuk dipasang ke kawasan-kawasan rumah-rumah setinggan haram. Ini akan menghindarkan rakyat-rakyat miskin menikmati kemewahan yang patut diperolehi oleh mereka. Di samping segala-galanya keadaan itu akan menambahkan sukar kepada penghidupan mereka.

Bekas Perdana Menteri kita yang kita kasihi, Tun Haji Abdul Razak, telah selalu menggalakkan rakyat-rakyat berdiri di atas kaki sendiri dan cuba memiliki rumah sendiri. Kalau Kerajaan dapat memberikan rumah-rumah flat kepada mereka sebagaimana yang kita harap-harapkan ini bererti memberikan sambutan terhadap usaha baik bekas Perdana Menteri kita dan mengikuti segala nasihat yang ditinggalkannya.

Ahkir sekali saya amat berharap bahawa Kerajaan hendaklah menunjukkan perasaan simpati dan pertimbangan saksama terhadap problem yang serious ini. Dengan demikian akhirnya tiap-tiap rakyat yang setia khasnya mereka yang tiada mempunyai tempat berlindung akan diberi peluang mempunyai rumah mereka sendiri iaitu sebagai salah satu hasil projek pembangunan yang dianjurkan oleh Kerajaan, ataupun diberikan mereka menetap di kawasan-kawasan yang tertentu di mana mereka boleh mendirikan rumah-rumah sendiri tanpa sebarang gangguan dan kesusahan. Mudah-mudahan dengan jalan itu akan pasti memberikan kepuasan kepada mereka yang terlibat. Oleh itu, setiap tenaga

hendaklah ditumpukan ke arah problem yang mendesak ini, semata-mata untuk mengujudkan pembangunan ekonomi dan perindustrian negara yang tulin.

4.00 p.m.

Tuan Hashim bin Ghazali (Matang): Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong usul Ahli Yang Berhormat dari Permatang Pauh menjunjung Kasih Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda kerana Titah Ucapan Kebawah Duli di Dewan ini. Sungguhpun Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia ini pendek, tetapi jika dilaksanakan keseluruhannya kita dapati rakyat tentu akan menekmati bagaimana yang dimaklumkan kerana negara ini aman, makmur, bebas dan berkecuali.

Di dalam tahun 1976, Tuan Yang di-Pertua, sejarah telah mencatat bahawa kali iaitu bermula daripada 14hb Januari, 1976, apabila sahaja Allahyarham Tun Haji Abdul Razak, Perdana Menteri, meninggal dunia, dan pada rakyat pada masa itu tertanya-tanya dan sebahagian daripadanya tidak yakin bahawa pemimpin mereka yang mereka kasihi telah meninggal dunia tambahan pula di luar negeri, dan selepas daripada itu negara ini telahpun memilih seorang Perdana Menteri yang baru iaitu Yang Amat Berhormat Datuk Hussein Onn yang telahpun memerintah negara ini dan mengikut jejak pula apa yang telah dibuat oleh Allahyarham Tun Haji Abdul Razak, Perdana Menteri dahulu. Ertinya apabila sahaja tidak ada Allahyarham Tun Haji Abdul Razak, Perdana Menteri dan Perdana Menteri yang baru ialah Yang Amat Berhormat Datuk Hussein Onn kita dapati keadaan negara semakin kukuh dan dapat lagi negara ini mengamalkan serta mencapai keamanan, makmur, bebas dan berkecuali. Di dalam hal ini, Tuan Yang di-Pertua, dan di saat ini telah dilantik Kabinet baru. Jadi ada dua perkara yang menarik perhatian saya iaitu berkenaan dengan pembangunan, dan yang kedua, berkenaan Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia mengenai people's war.

Di dalam Persidangan ASEAN yang diadakan di Kuala Lumpur dahulu (Perisytiharan Kuala Lumpur) ada mencatatkan, mengatakan negara-negara di ASEAN mengamalkan aman, makmur, bebas dan berkecuali. Tetapi, pada masa sekarang keadaan ini mungkin telah bertukar sedikit. Keadaan

negara yang aman di daerah ini, kita dapati khasnya di negara kita sendiri telahpun kita dengar ucapan daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengatakan, keadaan negara serious tetapi dapat di kawal. Ertinya keamanan yang telah diisytiharkan dahulu telahpun terjejas pada waktu akhir ini. Sungguhpun begitu—makmur, bebas dan berkecuali masih kekal. Oleh itu di dalam Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia saya tumpukan kepada keamanan negara ini. Di samping kita hendak mencapai semula supaya negara ini menjadi sebuah negara yang aman, kita mestilah tumpukan kepada pembangunan.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam negara ini masaalah pembangunan ini sungguhpun ada disebut mengatakan diutamakan kepada negeri-negeri yang tidak mendapat pertolongan seperti Kedah, Perlis, Kelantan dan Trengganu misalnya. Tetapi selain daripada negeri-negeri tersebut ada lagi didapati hal-hal pembangunan tidak tercapai seperti mana yang telah dicatet ataupun telah diputuskan oleh pihak Kerajaan untuk pelaksanaan daripada Rancangan Malaysia Pertama, Kedua dan akan dilaksanakan pada Rancangan Malaysia Ketiga.

Tuan Yang di-Pertua, satu daripada contoh yang saya ingin menarik perhatian Dewan ini ialah pembangunan berkenaan dengan jalan-jalan raya. Di kawasan luar bandar khasnya oleh kerana saya datang daripada salah sebuah negeri yang akan tidak mendapat pertolongan banyak daripada Kerajaan Pusat yakni negeri Perak, tetapi walau bagaimanapun saya berharap Kerajaan akan mengambil perhatian juga apa yang saya sebutkan ini. Jalan-jalanraya yang ada di seluruh negara, misalnya di kawasan Matang, Padang Rengas dan sebagainya ada jalan-jalanraya yang masih tidak dibangunkan, masih banyak jalan-jalanraya luar bandar ini ialah daripada tanah asal yang ada di kawasan itu sahaja iaitu tanah dan jalanraya ini selalunya dibaiki dengan ditampung oleh tanah juga, pasir dan sebagainya.

Di kawasan Perak yang saya sebutkan tadi misalnya di kawasan Matang, Taiping, Padang Rengas dan sebagainya adalah berada di dalam kawasan yang selalunya hujan yang tidak dapat dielakkan; selalu disebut di dalam pelajaran ilmu alam mengatakan kawasan ini hujannya turun tiap-tiap tahun

80 inci lebih. Jadi oleh sebab itu keadaan itu telah menjadi berlainan sedikit daripada tempat-tempat yang lain dan jalan-jalan ini sentiasa rusak disebabkan oleh hujan yang saya katakan tadi, dan oleh sebab itu jika sekiranya Kerajaan mengambil langkah seperti yang telah lalu juga hanya memperbaiki dengan mengadakan bantuan-bantuan tanah, pasir dan sebagainya, jalan ini bukan semakin elok seperti yang disangkakan dan semakin buruk daripada keadaan yang awal oleh kerana pada masa ini kenderaan telah bertambah. Oleh sebab itu patutlah Kerajaan mengambil perhatian jalan-jalan yang seperti ini, jalan-jalan luar bandar seperti ini bagaimana hendak dilaksanakan. Sungguhpun ada pihak Jabatan Kerja Raya apabila hendak dilaksanakan biasanya hendak ditambah dengan batu yang tebal satu kaki misalnya, eloklah jalan ini di ambil perhatian yang tidak sampai sekaki hanya dibuat satu cara baru, misalnya dibuat dengan batu tebal 4 inci pun memadai terlebih dahulu dan jalan-jalanraya ini dibuat berperingkat-peringkat.

Tuan Yang di-Pertua, di negeri Perak sendiri setahu saya tidak dapat dibangunkan sekolah sebagaimana yang ditetapkan di dalam Rancangan Malaysia Kedua oleh kerana tidak ada kakitangan daripada Jabatan Kerja Raya hendak membangunkan sekolah-sekolah ini sungguhpun Kementerian Pelajaran telah ada peruntukan. Oleh sebab itu saya mengambil perhatian Kerajaan supaya hal inipun menjadi satu pandangan pada Kerajaan bagaimana hendak menambah kakitangan daripada Jabatan Kerja Raya supaya dapat dilaksanakan dibuat sepertimana yang dikehendaki dan jika perlu, patutlah Kementerian Pelajaran mencari ikhtiar adakah sesuai atau tidak satu yunit daripada Kementerian ini pula bersama-sama untuk membangun dengan Jabatan Kerja Raya bagi pelaksanaan pembangunan sekolah-sekolah.

Tuan Yang di-Pertua, menarik perhatian saya di atas Titah Ucapan berkenaan dengan people's war. Di dalam hal ini, kita dapati pihak Kerajaan sudahpun berperang di dalam perkara ini dengan pihak komunis yakni oleh Pasukan Keselamatan dan pada akhir ini Kerajaan telah menubuhkan pasukan-pasukan daripada rakyat pula mengadakan RELA dan Rukun Tetangga. Tetapi di dalam Pasukan Keselamatan terdiri daripada mereka yang berumur 21 tahun ke

atas dan begitu juga di dalam Rukun Tetangga terdiri daripada rakyat dan RELA daripada rakyat yang begitu juga. Tetapi rakyat yang berada di bawah 21 tahun tidak menyertai bersama-sama dengan Kerajaan di dalam erti *people's war* yang sudah dititahkan oleh Duli Yang Maha Mulia. Jadi oleh sebab itu pada keseluruhannya mestilah Kerajaan mengambil perhatian yang berat kerana kalau tidak silap saya ada 60% rakyat di neagra ini terdiri daripada rakyat yang berumur 21 tahun ke bawah. Jadi 40% sahaja rakyat negara ini mengambil bahagian di dalam peperangan yang disebutkan tadi.

Pada pendapat saya, Tuan Yang di-Pertua ada 7 faktor yang patut dilaksanakan oleh Kerajaan. Yang pertama, disiplin murid-murid sekolah iaitu penuntut-penuntut sekolah. Yang kedua, pendidikan belia. Yang ketiga, mengkaji semula rancangan TV. Yang keempat, mengharamkan wayang gambar yang mengguna senjatapi. Yang kelima, pelajaran agama Islam. Yang keenam, bangunan untuk beribadat. Yang ketujuh, pusat pengajian tinggi luar dari Kuala Lumpur.

Disiplin penuntut sekolah yang saya maksudkan, Tuan Yang di-Pertua, ada sekolah di dalam negara ini sudah boleh melatih murid-muridnya menjadi murid-murid yang berisiplin dan didapati mereka ini berada di dalam keadaan semangat dalam pelajaran disamping membuat amal ibadat. Misalnya, Tuan Yang di-Pertua, di dalam keputusan peperiksaan MCE baru-baru ini Maktab Melayu (Malay College), Kuala Kangsar. Maktab ini apabila diberi tahu oleh pihak sekolah ini mengatakan murid-murid ini telah dilatih disiplin dalam bahagian agama. Oleh sebab itu pelajaran agama ke sekolah-sekolah di dalam negara kita baikpun agama Islam dan mereka yang bukan beragama Islam dilatih dengan agama mereka. Diharap mereka ini akan memahami, dapat pula mereka bersama-sama dengan kita memerangi apa yang disebutkan orang peperangan rakyat tadi. Selain daripada itu pula mereka ini hendaklah ditanam semangat supaya mereka benci benar-benar kepada kominis dan sayang kepada negara.

Yang kedua pendidikan belia yang saya sebutkan tadi, Tuan Yang di-Pertua, yakni kita dapati belia-belie yang ada di luar bandar tidak mendapat cukup kelengkapan

seperti belia-belie dalam bandar di dalam bahagian sukan. Oleh sebab itu sukan ini satu perkara penting supaya belia-belie ini selain daripada mereka membuat perkara-perkara lain dapat pula mereka bersama dengan belia-belie dalam bandar menyertai di dalam lapangan sukan oleh sebab itu di dalam bahagian pembangunan Kerajaan hendaklah memberi bantuan supaya diadakan padang-padang permainan untuk mereka.

Mengkaji semula rancangan TV yang saya maksudkan tadi, Tuan Yang di-Pertua, rancangan TV yang ada pada masa ini yang membuat cerita-cerita daripada luar negeri yang menggunakan senjatapi dan sebagainya, ini satu pengajaran yang kurang baik pada pandangan saya. Dan dengan tersendiri belia-belie kita terpengaruh dengan apa yang didapati daripada rancangan ini. Oleh sebab itu oleh kerana kalau kita hanya berharap kepada pasukan keselamatan kepada rakyat, Rukun Tetangga dan Rela sahaja saya perhatikan tidak mencukupi kalau sekiranya TV masih menayangkan gambar-gambar yang tidak selaras dengan kehendak negara yang dititahkan oleh Duli Yang Maha Mulia, yakni peperangan rakyat. Jadi rancangan TV ini patut dikaji semula dan diganti dengan rancangan-rancangan yang sesuai untuk belia yang ada yang saya sebutkan 60% mereka ini kita hendaklah melatih mereka daripada gambar-gambar yang menasabah yang sesuai dan gambar-gambar ini pula boleh mereka dapat menguatkan diri mereka dan dapat berperang dengan kominis yang dimaksudkan tadi.

Selain daripada itu berkenaan dengan mengharamkan wayang gambar yang menggunakan senjatapi. Ini menunjukkan boleh jadi kadang-kadang satu perasaan juga jika kita melihat wayang ini dan mudah ditiru oleh mereka yang menggunakan senjatapi.

Pelajaran agama hendaklah dilatih seperti mana yang saya katakan tadi, Tuan Yang di-Pertua, bukan sahaja setakat sekolah-sekolah menengah, sekolah-sekolah rendah pun hendaklah dilatih. Saya diberitahu oleh Kementerian Pelajaran sekolah-sekolah rendah yang baru dibuat ada sebuah bilek dikhaskan untuk murid-murid bersembayang, tetapi oleh kerana sekolah-sekolah baru ini nampaknya kurang belum dibangunkan lagi. Oleh sebab itu, saya katakan tadi bangunan sekolah-sekolah baharu patutlah dibangunkan dengan segera.

Selain daripada itu bangunan untuk beribadat. Pada masa ini Kerajaan tidak begitu minat untuk memberi bantuan kepada mendirikan bangunan-bangunan ibadat ini seperti mana yang sudah-sudah. Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, perkara inilah yang paling penting sekali supaya rakyat dapat menggunakan tempat-tempat ini dengan pelajaran agama mereka dapat menyertai bersama Kerajaan perang untuk menghapuskan komunis di dalam negara kita.

Pusat pengajian tinggi luar daripada Kuala Lumpur yang saya maksudkan tadi, Tuan Yang di-Pertua, ialah supaya pada masa akan datang Kerajaan dapat mencari jalan sebagaimana yang dibuat oleh I.T.M. misalnya yang ada di Trengganu, Perlis dan saya percayai di tempat-tempat lain pula dapat dibuat seperti ini supaya rakyat tidak sahaja tertumpu kepada mereka yang cerdek pandai di Kuala Lumpur sahaja. Bahkan mereka ini berada di seluruh negara dan juga perlu negara-negara yang selalu disebutkan negara-negara yang ketinggalan Kedah, Kelantan dan Trengganu. Walaupun begitu Perak pun patut dicatitkan sama sebagai satu tempat untuk dilatih murid-murid ini di dalam tempat pengajian tinggi yang saya maksudkan tadi.

Tanpa keselamatan negara pembangunan tidak memberi apa-apa hasil. Oleh sebab itu, Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya sebutkan tadi menitikberatkan ucapan peperangan rakyat dan pembangunan dan di dalam hal ini berita akhbar semalam ada menyatakan; risalah komunis di seludup ke Malaysia dari Thailand. Ini adalah satu berita yang pada saya betul oleh kerana berita ini dicatit di dalam akhbar. Kalau tidak betul tidak begitu mudah dicatit begitu dahaja. Oleh sebab itu saya menyeru kepada pihak Kerajaan supaya mengambil perhatian kepada risalah yang dimaksudkan ini dan sehingga setakat ini kita tidak dapat tahu bagaimana keadaan risalah ini. Yang kita bimbangkan sekarang risalah ini akan dapat kepada kanak-kanak dan belia. Takut mereka ini terpengaruh dengan risalah ini dan menyebabkan oleh kerana kita baru sahaja hendak mengambil langkah ini kita bimbang akan sampai kepada mereka terlebih dahulu. Kita takut rancangan Titah Duli Yang Maha Mulia berkenaan dengan peperangan rakyat ini tidak berhasil. Oleh itu, saya menyeru

sekali lagi kepada Kerajaan supaya kita dapat menyekat kemasukan risalah komunis dan Thailand.

4.17 ptg.

Tuan Hishamuddin bin Haji Yahya (Maran): Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kerana memberi saya peluang membahaskan Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Tuan Yang di-Pertua, terutama sekali saya suka mengambil kesempatan ini untuk mengalu-alukan tindakan-tindakan yang diambil oleh Kerajaan di dalam mencegah rasuah. Tindakan ini adalah sangat sesuai dengan masa dan telahpun mendapat sokongan dari semua lapisan rakyat terutamanya mereka rakyat bawahan yang telah sentiasa menjadi korban akibat perkara rasuah ini. Kepada Kerajaan saya menyeru supaya tindakan seperti ini dijalankan terus dan mereka yang terlibat patutlah diambil tindakan tidak kira samada mereka itu masih bekerja dengan Kerajaan ataupun telah bersara, samada mereka itu pegawai kerajaan ataupun ahli politik seterusnya.

Tuan Yang di-Pertua, satu daripada perkara yang saya suka sentuh ialah mengenai peranan wakil rakyat khususnya Ahli Parlimen, di dalam hal-hal pembangunan. Pada hemat saya pihak Kerajaan hendaklah memikirkan semula tentang tugas-tugas Ahli-ahli Parlimen dan membuat peraturan-peraturan tertentu supaya Ahli-ahli Parlimen dapat memainkan peranan yang lebih berkesan di dalam hal pembangunan di dalam negeri mereka masing-masing. Perkara ini patutlah diberi perhatian berat untuk menyesuaikan dengan keadaan pada masa sekarang. Saya dapat tahu, Tuan Yang di-Pertua, hampir-hampir kesemua negeri termasuk juga negeri Pahang Ahli Parlimen ini telah didiskriminasi oleh Kerajaan-kerajaan negeri. Ahli Parlimen selain daripada menduduki Jawatankuasa Tindakan Daerah tidak pernah dilantik menduduki jawatankuasa yang lebih penting seperti Jawatankuasa Tindakan Negeri ataupun Jawatankuasa Keselamatan Negeri, ataupun Jawatankuasa Perbadanan Kemajuan Negeri, dan jauh sekali daripada menjadi Pengerusi Jawatankuasa tersebut. Apa juga rancangan-rancangan Kerajaan Negeri tidak dapat diketahui sepenuhnya oleh Ahli-ahli Parlimen

dengan secara langsung (first hand). Mereka tidak dapat menyumbangkan fikiran di dalam negeri masing-masing. Perkara seperti ini amat mendukacitakan saya dan sikap Kerajaan Negeri di dalam hal ini saya tidak dapat memahami sama sekali. Ada setengah mereka Ahli-ahli Dewan Negeri dilantik menjadi Pengerusi lebih dua jawatankuasa yang dilantik oleh Kerajaan Negeri. Kemudian menjadi pula Ahli Jawatankuasa di dalam beberapa jawatankuasa sehinggakan mereka ini tidak ada masa ataupun kurang masa untuk melawat kawasan-kawasan sedangkan Ahli-ahli Parlimen sendiri tidak diberi peluang langsung untuk menduduki dalam Jawatankuasa ini. Tetapi yang anihnya apabila masaalah mengenai rakyat telah berbangkit maka Ahli Parlimen tidak kurang menjadi sasaran rakyat. Diskriminasi ini saya rasa amatlah tidak lojik. Ahli Parlimen sepatutnya bukan sahaja lebih mengetahui akan rancangan kemajuan negeri masing-masing bahkan mereka patut diberi peluang mengetuai jawatan-jawatankuasa sesuai dengan taraf mereka sebagai Ahli Parlimen. Lagi pun dengan peluang yang demikian, mereka tentulah dapat sedikit sebanyak membuat kordinasi di antara dasar Kerajaan Pusat dengan dasar Kerajaan Negeri dan juga memberikan pandangan-pandangan yang constructive.

Tuan Yang di-Pertua, persefahaman di antara Wakil Rakyat dengan pegawai-pegawai Kerajaan juga amatlah perlu jika kita hendak melaksanakan Dasar Ekonomi Baru dengan sepenuhnya. Kekurangan kerjasama di antara Wakil Rakyat dengan pegawai Kerajaan memang ada dan tidak boleh kita nafikan lagi. Di Perak misalnya pemimpin politik telah dituduh menghalang tugas-tugas pegawai Kerajaan di dalam mengendalikan hal-hal keselamatan. Begitu juga di negeri-negeri lain nampaknya kerjasama ini memang sangat berkurangan. Keadaan seperti ini amatlah merugikan negara, Kerajaan pula nampaknya beberapa tahun kebelakangan ini hanya berpuas hati memberikan nasihat-nasihat supaya Wakil Rakyat dan pegawai Kerajaan hendaklah bersefahaman dan bekerjasama. Tetapi apakah practical approach yang dilakukan oleh Kerajaan bagi menimbulkan persefahaman ini. Tuan Yang di-Pertua, sehingga hari ini belum ada. Nampaknya kita di Malaysia masih bersikap dan menganggap bahawa politik dan pentadbiran adalah dua institusi

yang berlainan dan tidak ada hubungannya di antara satu sama lain. Kedua-dua belah pihak suka menonjolkan kuasa masing-masing sehingga berlaku selisih faham yang bercorak kadang-kadang personal dan yang rugi adalah rakyat semata-mata. Tidakkah pihak Kerajaan harus mengkaji semula mengenai peranan Wakil Rakyat khususnya Ahli Parlimen di dalam konteks pembangunan negara. Adakah pihak Kerajaan masih mahu menganggap akan tugas Wakil Rakyat adalah semata-mata sebagai pegawai perhubungan ataupun liaison di antara rakyat dengan Kerajaan. Adalah Wakil Rakyat yang dipilih oleh rakyat mempunyai obligasi untuk tunduk kepada kehendak rakyat semata-mata di sepanjang masa mereka berkhidmat tanpa mengetahui akan kesulitan-kesulitan untuk mengimplimentkan projek-projek kemajuan.

Tuan Yang di-Pertua, pada pendapat saya apa juga expectation Kerajaan terhadap Ahli Parlimen ini tentulah ada hubungannya dan tentulah ada kaitannya dengan peranan yang dimainkan oleh Ahli Parlimen di dalam pembangunan negara. Kerajaan patutlah menggunakan khidmat Ahli Parlimen sesuai dengan kehendak negara yang masih dalam membangun. Mereka hendaklah dilantik menduduki bukan sahaja di dalam Jawatankuasa peringkat Federal tetapi hendaklah juga menduduki jawatankuasa yang ditubuhkan oleh Negeri masing-masing. Mereka patutlah menjadi pegawai yang utama mengetahui secara mendalam akan dasar Kerajaan Pusat dan Negeri untuk mengetahui akan perkembangan-perkembangan pembangunan negeri masing-masing, rancangan masa hadapan negeri masing-masing dan seterusnya mengetahui secara first hand akan kesulitan yang dihadapi oleh negeri masing-masing di dalam melaksanakan projek-projek pembangunan itu. Andaikata mereka ini pada pendapat saya patutlah menjadi lapisan kedua di dalam susunan pemerintahan dengan demikian barulah mereka ini boleh memberikan pandangan-pandangan yang berfaedah dan berguna, memahami akan kesulitan-kesulitan yang dihadapi oleh Jabatan-jabatan Kerajaan dan seterusnya melahirkan kerjasama di antara mereka dengan pegawai-pegawai Kerajaan. Saya percaya jikalau Ahli-ahli Parlimen diberi penglibatan yang lebih di dalam pentadbiran maka tentulah perkara-perkara rasuah itu akan berkurangan.

Saya tidak faham jikalau Ahli-ahli Parlimen layak menjadi Timbalan Menteri atau Menteri maka saya tidak nampak mengapa mereka ini tidak layak menduduki jawatankuasa-jawatankuasa di dalam Negeri. Saya rasa sampailah masanya Kerajaan Pusat membuat arahan kepada Kerajaan Negeri supaya Ahli Parlimen dapat menduduki tiap-tiap jawatankuasa dan Adat Instiadat Melayu di mana ianya diketuai oleh Sultan.

Seperkara lagi yang saya ingin sentuh secara ringkas ialah mengenai keselamatan dalam negeri dan kestabilan politik tanah air. Saya sentuh perkara ini sesuai dengan hasrat Kerajaan untuk menumpukan segala usaha dan tenaga di dalam hal-hal keselamatan dan kestabilan politik tanah air. Kita tahu pada dasarnya negeri-negeri yang menjadi ahli-ahli Bangsa-bangsa Bersatu masih menghormati charter Bangsa-bangsa Bersatu iaitu "tidak akan masuk campur di dalam hal-hal politik di dalam negeri-negeri ahli." Namun demikian masih ada golongan-golongan yang tertentu dari luar negeri yang ingin masuk campur di dalam hal-hal politik tanah air kita dengan cara menulis makalah-makalah di dalam majallah-majallah yang dimasukkan ke dalam negeri ini. Kepada pembaca mereka cuba memberikan kepercayaan kononnya mereka adalah majallah tulen menulis mengenai kedudukan politik Asia Tenggara yang sebenarnya tanpa berat sebelah.

Peranan mass-media, Tuan Yang di-Pertua, dan kesan-kesan yang ditinggalkan kepada pembaca dan juga mereka yang mengontrol mass-media ini tidak payah saya sebutkan di sini. Banyak di antara majallah ini yang telah menulis kononnya merupakan penilaian kedudukan politik di tanah air kita, salah satu daripadanya ialah majallah ini yang telah menulis kononnya ditulis oleh majallah-majallah ini jika dipandang dari satu sudut adalah benar dan tepat, tetapi jika dikaji dari segi kontek politik di Malaysia ia adalah subversive dan jika tidak subversive sekalipun ia adalah merupakan perkara yang tidak patut disentuh ataupun diungkit-ungkit oleh orang luar demi untuk menjaga keselamatan di dalam negara kita. Ini bukan bererti kita takut menghadapi kebenaran ataupun kita tidak mahu mengiktiraf freedom of the press ataupun kita enggan menerima teguran, tetapi cara orang luar menilai kedudukan

politik kita adalah sangat berlainan daripada cara kita menilaikannya. Kita patut menerima satu prinsip iaitu apa jua yang pada pendapat orang luar merupakan constructive criticism tidak harus kita anggapkan ianya sebagainya constructive criticism, jika ianya bertentangan dengan hasrat politik tanah air kita sendiri. Tuan Yang di-Pertua, majallah yang seperti ini, saya merayu kepada pihak Kerajaan hendaklah disekat daripada memasuki negara kita ini.

Mengenai RELA dan Rukuntetangga pula iaitu sebagai alat-alat menjaga keamanan, nampaknya pada hari ini ianya mendapat sambutan yang baik di semua lapisan masyarakat, dan saya merayu kepada Kerajaan supaya penubuhan RELA ini hendaklah diperluaskan lagi ke merata ceruk dan rantau walaupun di kawasan-kawasan yang dianggap tidak merbahaya, misalnya di Kawasan-kawasan FELDA.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang Kerajaan juga maklum iaitu kominis di dalam menjalankan dakyah-dakyahnya sentiasa menunjukkan kepada empat tempat untuk menjalankan pengaruhnya.

- (1) Petani dan peladang.
- (2) Penuntut-penuntut.
- (3) Kesatuan-kesatuan sekerja.
- (4) Menerusi penggunaan dadah.

Sehingga hari ini pengawasan di atas penuntut-penuntut, kesatuan-kesatuan sekerja dan pengedaran dadah sekarang ini amatlah memuaskan. Akan tetapi tumpuan kepada kemajuan pertanian dan peladang hendaklah dilipatgandakan lagi. Bukan sahaja oleh kerana mereka ini adalah terdiri dari golongan besar penduduk-penduduk di negara ini akan tetapi sebagaimana yang kita ketahui sudah menjadi falsafah kominis dalam perjuangannya, taktik yang digunakan ialah untuk mengelilingi kampung dan desa di dalam usaha untuk menawan bandar. Masih banyak lagi, saya rasa kemudahan-kemudahan serta galakan-galakan yang patut benar Kerajaan beri kepada petani dan peladang untuk mempertingkatkan taraf hidup mereka. Jika kita berjaya memberikan kemajuan kepada petani dan peladang itu, maka ini juga bermakna kita dapat dua faedah besar dalam sekali gus, iaitu pertama kita dapat membenters pengaruh kominis dan kedua, kita dapat mempertingkatkan

ekonomi dan membanyakkan pengeluaran negara dan dengan demikian, kita juga dapat menyelamatkan tukaran luar.

Tuan Yang di-Pertua, negara Jepun adalah contoh yang baik di dalam hal ini. Rahsia kekuatan ekonominya adalah bergantung semata-mata kepada titikberat yang diberikan kepada dasar pertanian. Perkembangan ekonominya adalah bermula dari kemajuan pertanian dan kedua-duanya bergerak serentak sehingga pada satu ketika dahulu matawang Jepun itu sama kuatnya dengan Deutsches Marks dan American Dollar sehingga sekarang ini sektor pertaniannya memberikan 60% pekerjaan.

Dari Eropah juga ada dua contoh, iaitu Holland dan Denmark. Kedua-dua negara itu adalah mengikut dasar seperti yang dijalankan oleh negara Jepun. Negara kita juga tidak kurang daripada potensi pertanian. Kita masih mempunyai luas tanah-tanah hutan dan tanah-tanah yang belum ditanami. Apa yang kita kehendaki ialah right approach kepada masaalah untuk membangunkan pertanian dan peladangan. Dan jikalau kita dapat mengadakan right approach itu maka insya Allah saya rasa kekuatan ekonomi kita pada masa hadapan, jikalau tidak sama kuat dengan negara-negara yang saya sebutkan tadi, sekurang-kurangnya akan boleh menandingi negara-negara itu.

4.32 ptg.

Wan Zainab binti M. A. Bakar (Sungai Petani): Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah di samping menjunjung kasih di atas Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pada hari pembukaan Parlimen pada 30hb Mac baru-baru ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya sungguh tertarik kepada pelancaran Rancangan Malaysia Ketiga di dalam bulan Julai kelak. Sungguhpun agak lewat, tetapi ini akan memberi peluang kepada Ahli-ahli Parlimen untuk menambah projek-projek yang difikirkan patut dirancang. Sebagaimana kita maklum Rancangan Malaysia Kedua di dalam pembentukan Dasar Ekonomi Baru untuk menghapuskan kemiskinan dapat membawa perkembangan dari segala segi termasuk di bidang perniagaan dan perindustrian. Boleh dikatakan sungguhpun belum

sampai matlamat yang dituju tetapi dapat mengurangkan jurang perbezaan ekonomi di antara kaum dan sedikit sebanyak telah mengurangkan pengangguran. Saya harap di dalam Rancangan Malaysia Ketiga, Dasar Ekonomi Baru akan dapat diperluaskan dan seharusnya memberi bantuan yang lebih besar kepada pengusaha-pengusaha bumiputra supaya tercapai hasrat Kerajaan yang mana 30% kegiatan ekonomi akan diperolehi kepada bumiputra.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Rancangan Malaysia Kedua banyak lagi projek-projek yang belum dimulakan dan belum dihabiskan. Di samping menyudahkan dan menambah projek-projek yang belum ada di satu-satu tempat, saya harap Kerajaan akan menimbangkan bukan sangat di segi ekonomi, tetapi di segi kemudahan dan keperluan rakyat yang sudah lama menunggu projek-projek itu belum sampai ke tempat mereka.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka juga menarik perhatian Kerajaan apabila memberikan peruntukan-peruntukan kepada Pegawai-pegawai Daerah untuk projek-projek kecil. Eloklah, Tuan Yang di-Pertua, peruntukan itu diberi lebih awal lagi jangan sampai dekat musim hujan, kerana macam tanah merah kalaulah diberi musim kering, senangnya barang-barang ataupun Ahli-ahli Jawatankuasa Kampung itu melaksanakan tugas gotong-royong untuk membuat jalan-jalan kecil atau titi dan kerja-kerja itu mudah dihabiskan. Kalau pada musim hujan sudahlah susah orang kampung bekerja bahkan apa yang diberi oleh Kerajaan itu akan menjadi sia-sia dan merugikan segala-segalanya.

Saya suka menyentuh kepada bantuan kewangan kepada negara-negara yang kurang maju tetapi telah memberikan sumbangan yang besar terhadap ekonomi negara. Salah sebuah negeri ialah Kedah, tidak siapa boleh menafikan bahawa negeri Kedah adalah "jelapang padi" yang telah memberikan padi berasnya untuk keperluan rakyat Malaysia. Rakyat di negeri Kedah masih kekurangan taliair, jalanraya, bekalan letrik dan air paip. Banyak lagi kampung-kampung dan daerah yang belum lagi merasai nikmat kemudahan perkara itu. Mereka pun rakyat Malaysia. Mereka masih menggunakan lampu minyak gas. Kita semua tahu sekarang minyak gas pun susah dapat dibeli, terpaksa membawa tin-tin kosong ke stesyen minyak, dan minyak

pun tak dijual lagi di dalam tin-tin, terpaksa dibawa tin-tin lama atau botol-botol ke tempat yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan sebab diberikan perhatian dan saya harap bantuan tambahan kewangan kepada negeri Kedah, bukan negeri Kedah tak maju, tetapi kemudahan-kemudahan pembangunan yang besar-besar belum cukup lagi.

Satu perkara lagi saya suka mencadangkan di Dewan yang mulia ini supaya 1/3 peruntukan bekalan letrik yang mesti dikeluarkan oleh Kerajaan Negeri patutlah dibatalkan, setengah dikeluarkan oleh L.L.N. dan setengah lagi dikeluarkan oleh Kerajaan Pusat. Ini akan mengurangkan beban Kerajaan-kerajaan Negeri yang tidak banyak dapat hasil. Tambahan pula perolehan hasil-hasil dan cukai-cukai banyak diambil oleh Kerajaan Pusat. Contohnya pembayaran cukai kenderaan jalanraya dan cukai pendapatan dan lain-lain.

Tuan Yang di-Pertua, dari segi keselamatan, saya rasa yunit-yunit RELA patutlah dibekalkan senjata yang lebih moden lagi dan bukanlah setakat satu dua pucuk senapang pada satu-satu yunit sahaja. Sungguhpun mereka dipanggil "RELA", janganlah sampai semuanya diserahkan dengan "rela".

Saya juga suka menarik perhatian Timbalan Menteri Pertanian, bilakah hendaknya dibuat taliair untuk penanam-penanam padi dua kali setahun di Kota Kuala Muda. Penduduk-penduduk di sana sangat mengharapkan kepada taliair itu. Boleh dikatakan taliair itu dijanjikan kepada mereka itu sejak Rancangan Malaysia Pertama, sehingga habis Rancangan Malaysia Pertama dan Rancangan Malaysia Kedua dan masuk pula ke Rancangan Malaysia Ketiga. Saya juga mengharapkan pam-pam air bagi bendang-bendang patut dibanyakkan. Ini sangatlah mustahak kepada penanam-penanam padi terutama di Daerah Kuala Muda.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka memaklumkan kepada Yang Berhormat Menteri Kesihatan berkenaan dengan Hospital Daerah Sungai Petani, bangunan itu sangatlah lama, bahkan buruk pula kalau dibandingkan dengan hospital-hospital di tempat lain yang sudah mempunyai bangunan yang moden dan alat-alat kemudahan yang semua cukup. Di hospital yang saya sebutkan

itu, bukan setakat bangunannya sudah terlalu lama, tetapi bilik tempat Pegawai Perubatan pun di satu tempat yang tidak mempunyai hawa dingin.

Kasihannya hamba Allah itu, Tuan Yang di-Pertua, daerah ini mempunyai lebih kurang 70,000 penduduk, tambah lagi dengan orang-orang dari daerah Sik dan Baling semua menggunakan Hospital Daerah Sungai Petani sebab mereka lebih dekat dengan Sungai Petani. Inilah yang menyebabkan hospital ini sesak selalu, sehingga tempat mencuci kain pun tak ada di situ, kain-kain terpaksa dibawa ke Alor Star untuk dicuci. Saya harap Kementerian Kesihatan patut mengadakan sebuah yunit laundry di hospital itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka menarik perhatian Yang Berhormat Timbalan Menteri Pelajaran berkenaan dengan Sekolah Menengah Kota Kuala Muda. Pembinaan sekolah ini mesti dihabiskan pada hujung tahun ini. Sekarang pun kanak-kanak di situ bertaburan menumpang di Sekolah Jenis Kebangsaan China, di Sekolah Rendah Kota Kuala Muda dan di Sekolah Kebangsaan Haji Kudung. Bukan main azab penuntut-penuntut ini. Kemungkinan pada awal tahun 1977, 300 murid-murid terpaksa pergi ke sebuah sekolah Ugama di Bukit Mariam yang mana sangat jauh dari tempat mereka tinggal. Seperkara lagi Tuan Yang di-Pertua, saya juga suka mengambil tahu daripada Yang Berhormat Menteri Pelajaran samada buku-buku teks telah sampai kepada sekolah-sekolah kerana ada sungutan daripada ibu-bapa yang anak-anak mereka belum mendapat buku teks yang cukup, kerana yang kita semua tahu penggal pertama telapun berlalu.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Perumahan patutlah mencari jalan supaya rumah haram dapat digantikan dengan rumah-rumah murah. Mereka ini adalah golongan orang yang miskin dan rumah-rumah yang mereka buat ialah di atas risab sungai dan di tanah-tanah kosong. Mereka tidak diberi air paip dan lampu. Sebab tidak digalakkan mereka tinggal begitu. Apakah yang akan terjadi kepada anak-anak mereka yang serba serbi kekurangan? Saya harap Kementerian berkenaan akan dapat mengatasi perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka bertanya kepada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan, berkenaan dengan sebabnya tambang

untuk menunaikan fardhu haji sangat mahal pada tahun ini. Kalau tidak salah saya sehingga \$4,500 bagi seorang untuk menunaikan fardhu haji.

Untuk mengakhiri ucapan saya ini Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil kesempatan mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Kebajikan Am di dalam lawatannya ke Negeri Kedah baharu-baharu ini, yang telah memberi pengakuan yang mana janda dan wanita-wanita yang ditinggalkan oleh suami, bukanlah dengan cara penceraihan tetapi ditinggal begitu sahaja dengan tidak diberi nafkah, bolehlah wanita-wanita itu berhubung atau berjumpa dengan Pegawai Kebajikan Masyarakat di daerah masing-masing untuk mendapat nasihat dan apa-apa yang boleh dari pihak Kementerian-nya memberi pertolongan.

Sekianlah sahaja, Tuan Yang di-Pertua.

4.45 ptg.

Datuk Haji Shafie bin Abdullah (Baling): Tuan Yang di-Pertua, dalam menyatakan sokongan di atas usul mengucapkan terima kasih kepada Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Tuanku Yang di-Pertuan Agong, saya juga ingin menyampaikan perasaan rakyat di kawasan saya iaitu Baling. Kemampuan dan kebolehan Kerajaan hari ini memimpin rakyat di negara kepada satu keadaan yang baik dan gemilang di dalam perkembangan kemajuan ekonomi tidaklah dapat disangsikan, walaupun ada beberapa perkara yang harus diteliti dan dikaji dan dibaiki lagi. Dan perkara-perkara inilah yang patut diselaraskan supaya kandungan Titah Ucapan yang diperbincangkan ini tidak sekali-sekali menjadi sia-sia dan dongeng semata-mata.

Izin saya bercakap dahulu perkara berkenaan Angkatan Bersenjata Malaysia kerana harapan kemenangan dan kesejahteraan rakyat adalah terletak kepada kekuatan tentera Malaysia di dalam mempertahankan negara tercinta ini. Melihat dan memandang sekeliling kita persiapan semua negara di rantau ini adalah tertuju kepada kekuatan pertahanan samada Malaysia berusaha untuk mengelakkan daripada pergaduhan ataupun peperangan tetapi nasib rakyat dan masa depan negara ini mungkin akan tercepit di antara pergolakan perebutan kuasa antara bangsa harus difikir dan dititik beratkan. Kita tidak harus ber-

gantung semata-mata kerana sikap keikhlasan negara kita terhadap semua kuasa-kuasa besar kerana dalam dunia hari ini siapa yang lemah menjadi makanan kepada yang kuat dan gagah, dan siapa yang bodoh menjadi mangsa kepada yang bijak. Angkatan bersenjata Malaysia walaupun masih di peringkat terlalu awal untuk hendak dilulus tetapi kesanggupan kita di dalam mempertahankan pemerintahan demokrasi berparlimen di negara ini daripada dilanda gelombang komunis tidaklah dapat disangkal sama sekali. Keberanian perwira-perwira kita di serata medan perjuangan, di seberang lautan, di hutan-hutan belantara sungguh-sungguh terpuji dan diulangi tinggi. Sikap dedikasi dan keperwiraan itu adalah titisan pusaka nenek moyang kita turun menurun dengan pengorbanan jiwa daripada mereka yang tumbang kerana peluru-peluru, tamak haloba, pengkhianatan, pengganasan komunis itulah maka rakyat dapat hidup dengan aman dan meneruskan cita-cita hidup yang luhur. Hari ini untuk membalas budi perwira-perwira kita maka bukan setakat hanya mencurahkan wang sekian banyak bagi pembinaan sebuah tugu peringatan kebangsaan tetapi sudah sampai masanya Kerajaan harus berfikir bahawa keadaan hidup tiap-tiap perwira ataupun asykar-asykar ataupun ahli-ahli pasukan bersenjata itu diberi perhatian dan pembelaan yang saksama dan bernilai.

Semua lapisan pekerja-pekerja daripada Buruh, Kerani-kerani, Guru-guru, Pegawai-pegawai termasuk juga Ahli-ahli ketiga-tiga Dewan: Dewan Negeri, Dewan Rakyat, Dewan Negara juga Menteri-menteri mendapat perubahan-perubahan gaji dan calun tetapi kepada ahli-ahli pasukan bersenjata kita selama ini hanya terdengar sekali sahaja perubahan dibuat tetapi itupun patut dibuat kajian semula gaji dan elaun ahli-ahli tentera dan pasukan Polis Di Raja kita di peringkat bawah itu patut diberi perhatian. Dengan keadaan harga barang melambung tinggi begitu juga kain-baju dan makanan, mereka dalam lain-lain perkhidmatan negara bergembira dengan tangga gaji baharu dan lain-lain tetapi perubahan-perubahan di dalam perkhidmatan Pasukan Bersenjata termasuk Polis di peringkat bawah adalah "nil" semata-mata dan orang-orang inilah yang kita letakkan kepercayaan untuk mempertahankan negara kita dengan semangat yang penuh

berkobar-kobar, dedikasi kononnya tetapi gaji rendah, pakaian tidak bertukar, mungkin air muka tidak begitu jernih.

Kerajaan harus lagi sekali saya serukan supaya menitik-berat terhadap segala perubahan yang patut dibuat kepada angkatan bersenjata kita iaitu daripada makanan hingga kepada persiapan-persiapan peluru. Saya patut tegaskan di dalam Dewan ini iaitu senjata-senjata yang terbaharu dan terbaik harus dibeli daripada mana-mana negeri yang mahu menjual kepada kita dan kita tidak harus menumpu kepada sesebuah negara sahaja di dalam pembekalan senjata-senjata kepada kita. Kirimlah rombongan-rombongan khas daripada Pegawai-pegawai kita yang pakar di dalam hal-hal senjata dan juga yang beramanah untuk memilih dan membeli senjata-senjata untuk asykar-asykar kita.

Di samping Dewan ini memberi pembelaan terhadap pengorbanan perajurit-perajurit kita itu dan perhatian yang setimpal kepada mereka maka saya juga ingin menyatakan harapan rakyat terhadap ahli-ahli pasukan bersenjata kita khasnya di kawasan-kawasan sempadan di mana pada hari ini pihak pengganas-pengganas komunis menjalankan peperangan pukul dan lari dan secara bersembunyi supaya ahli-ahli Pasukan Bersenjata kita bekerjasama dengan sepenuh dan ikhlas dengan rakyat di kampung. Ahli-ahli Pasukan Bersenjata kita hendaklah cuba menawan hati rakyat, janganlah mencemuh-cemuh atau merendah-rendah serta mengertak-mengertak rakyat di kampung kalau pun ternyata satu atau dua perkara yang terjadi yang menggagalkan tindakan yang dibuat oleh tentera kita ada sungutan-sungutan yang disampaikan kepada saya sendiri iaitu dalam pertemuan orang-orang kampung dengan pengganas-pengganas komunis di dalam hutan-hutan, orang-orang kampung dilayan begitu baik, diberi rawatan ubat dan kadang kala diberi wang upahan yang lumayan.

Perbezaan yang luas terdapat di antara ahli-ahli pasukan bersenjata kita dengan kemanjaan yang ditunjukkan oleh komunis yang dahulunya terkenal dengan sikap kasar, sombong, ganas, hari ini cukup hormat dan pandai mengambil hati rakyat. Inilah perbezaan yang patut dikaji dengan sedalam-dalamnya oleh ketua-ketua negara kita. Tegasnya kalau ahli-ahli pasukan bersenjata

kita pandai mendampingi rakyat ataupun orang-orang kampung terutama sekali di kawasan-kawasan perbatasan bukan sahaja kita dapat basmikan anasir-anasir komunis tetapi juga bermacam-macam jenayah termasuk penyeludupan barang-barang haram ke dalam negara ini melalui kawasan-kawasan sempadan dapat dihapuskan.

Tuan Yang di-Pertua, yang dikasihi saya ingin menarik perhatian Yang Berhormat Menteri Kewangan yang baharu iaitu terhadap pelaksanaan dasar ekonomi baharu di dalam Negeri Kedah khasnya di dalam kawasan Baling tempat saya. Untuk menjayakan cita-cita dasar ini kalau pihak Kerajaan Pusat memberi perhatian yang lebih berminat terhadap pembangunan dalam daerah Baling, Sik dan Padang Terap sudah tentu Negeri Kedah masa yang singkat akan dapat mencapaikan satu taraf yang tinggi. Daerah-daerah yang saya sebut ini mempunyai tanah-tanah yang subur potential bagi tanaman umpama kelapa sawit. Jalan-jalan permulaan telah dibuat daripada Baling menembusi ke daerah Sik, dan daripada Sik ke daerah Padang Terap melalui hutan belantara. Kiri kanan jalan ini tanah-tanah yang luas jauh mata memandang sedang ditebang oleh rakyat dengan sesuka hati. Kayu-kayu yang baik telah jahanam, mungkin tanah yang subur ini akan hanya ditanam dengan pokok-pokok tanaman kontan yang tidak berekonomi. Keadaan yang berlaku ini bukan boleh menolong rakyat tetapi yang sebenarnya ialah menjahanamkan ekonomi rakyat pada masa hadapan.

Badan-badan berkanun yang mempunyai wang yang banyak seperti Lembaga Kemaajuan Tanah Persekutuan (L.K.T.P.) ataupun Lembaga Urusan dan Tabung Haji (L.U.T.H.) yang ada mempunyai kemampuan untuk menolong membuka tanah dan kemudian memasuki peserta-peserta tanah dengan teratur patut sekali diberi peluang untuk menjalankan usaha-usaha pembukaan-pembukaan tanah yang luas beribu-ribu ekar kelak jahanam kerana penyelewengan yang sekarang berlaku. Kerajaan iaitu Kementerian-kementerian yang berkenaan dengan kerjasama daripada Kerajaan-kerajaan Negeri harus bertindak segera, bertindak dengan bijak dan dengan semangat mahu bekerjasama dan bertolak ansur di antara satu sama lain. Kalau dengan adanya sikap hendak mempertahankan hak masing-masing tidak mahu tunduk kepada matlamat hendak

menolong rakyat atau menyempurnakan hasrat ekonomi baru saya percaya sampai kiamat rakyat di luar bandar akan terlantar sebagaimana yang terdapat sekarang ini juga. Hasrat ada, matlamat dicipta, wang ke-dapatan, tenaga tidak berkurangan tetapi masing-masing angkoh tidak hendak tunduk kepada kenyataan, maka rakyat menjadi mangsa. Rakyat tidak menderita sekarang tetapi mungkin 50 tahun lagi akan menempelak kepada pemimpin-pemimpin sekarang ini yang ada mempunyai kuasa mutlak tetapi tidak pandai menggunakan. Kita tahu Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (L.K.T.P.) berjaya menempatkan sekian jumlah rakyat di dalam penghidupan yang teratur tetapi kita fikir dengan kemampuan dan pengalaman yang ada sekarang ini kita boleh membuat lebih daripada itu. Banyak badan-badan berkanun yang dapat menyelenggarakan harapan rakyat untuk masa depan patut diberi segala dorongan untuk melipatgandakan tenaga mereka. Saya kata di sini rahmat yang diberi oleh Allah kepada rakyat ini tidak akan berulang beberapa kali. Dan sehingga kita tidak dapat bergerak berbuat apa-apa maka tatkala itu datanglah penyesalan yang kelam-kabut yang tidak terhingga-hingga terhadap kita. Awasilah perkara ini.

Saya hairan dan demikian juga rakyat hairan, takjub melihat telatah Kerajaan samada Kerajaan Negeri ataupun Pusat, rakyat meminta tanah untuk tapak mencari makan, kadangkala mengambil masa bertahun-tahun untuk diluluskan. Tetapi bila rakyat sudah jemu dan jelak menanti ketibaan kelulusan atau kebenaran itu masuk meneroka tanah secara persendirian atau istilah sekarang mengerjakan dengan haram, maka Kerajaan diam. Secara tidak langsung sikap Kerajaan yang tidak tegas ini telah menggalakkan rakyat mengambil dan mengerjakan tanah dengan secara tidak berekonomi dan bersikap tidak mahu bertanggungjawab terhadap masa depan rakyat.

Kerajaan telah tidak begitu rialistik dalam aspek ini. Kerajaan menggalakkan yang kaya jadi lebih kaya, yang miskin bertambah miskin kerana tanah yang diteroka secara haram itu sudah menjadi adat zaman berzaman akan dijual oleh hamba Allah yang miskin yang meneroka tanah itu kepada manusia-manusia yang lebih kaya yang sentiasa menahan perangkap ataupun jerat di

tempat yang genting. Mengapakah tanah yang diteroka secara haram itu dijual? Jawabnya ialah kerana yang meneroka itu ialah orang miskin, tidak mempunyai modal untuk membuat perusahaan di atas tanah itu dan terpaksa menjualkan bila berkehendakan wang untuk keperluan hidup seharian dan kerana mendapat tanah itu dengan senang dan percuma. Saya berseru supaya Kerajaan yang bercorak action-oriented ini dapat mengalih pandangan ke kawasan-kawasan di sebelah daerah yang saya sebutkan ini untuk dijadikan tapak pembangunan ekonomi dengan bekerjasama di antara badan-badan berkanun yang saya sebutkan lagi sekali iaitu L.K.T.P. dan L.U.T.H. dengan Kerajaan-kerajaan Negeri.

Tuan Yang di-Pertua, usaha-usaha pihak MARA hari ini menyerah ataupun menjual bas-bas kepada syarikat-syarikat bumiputra adalah dialu-alukan. Memang itulah hasrat Kerajaan selama ini. Hanya satu sahaja celaan yang terdapat dalam dasar ini iaitu ada kadangkala bas-bas termasuk permit-permit yang dijual kepada syarikat-syarikat bumiputra itu kedapatan berlalu tua dan buruk. MARA tidak patut menekan harga yang terlalu tinggi tidak berpadanan dengan keadaan bas itu kepada syarikat-syarikat bumiputra yang setengah mati. Kerajaan patut juga campurtangan dalam hal ini iaitu supaya menolong syarikat-syarikat bumiputra itu berjalan dengan baik iaitu menyegerakan pembangunan jalan-jalan di-kampung-kampung supaya lebih kemas. Jalan-jalan yang tidak bertar dan berlopak-lopak menyebabkan MARA mengalami kerugian yang besar di masa dulu dan sekarang juga, maka Kementerian Kerja Raya harus bekerjasama dalam aspek ini supaya wang MARA iaitu juga wang Kerajaan tidak jahanam membazir sahaja. Kalau Kementerian Kerja Raya dapat memberi perhatian yang bersungguh-sungguh kepada hal-hal ini maka tidak kelak akan berbangkit cerita-cerita mengatakan MARA mendapat kerugian yang banyak. Syarikat Kenderaan Melayu tidak pandai menjalankan pengurusan dan lain-lain. Mengapa syarikat kenderaan bumiputra tidak diberi peluang menjalankan pengurusan kenderaan di atas jalan-jalanraya yang baik seperti dalam bandar-bandar tetapi sebaliknya syarikat-syarikat ini hanya dianggap layak

ataupun hanya untuk menjalankan perusahaannya di jalan-jalan kampung yang sentiasa berlopak dengan batu-batu dan lumpur.

Tuan Yang di-Pertua, rakyat harus memberi pujian kepada UDA yang telah menjalankan usaha yang begitu dinamis sekali di dalam pembinaan tempat perniagaan di dalam bandaraya dan juga di dalam bandar-bandar yang besar dalam negara ini. Usaha UDA dengan mendapat keistimewaan di dalam pengurusan ini daripada Kerajaan telah memberi peluang yang banyak kepada peniaga-peniaga yang besar dan kecil bumiputra. UDA harus menjalankan usaha ini terus-menerus supaya banyak lagi usaha bersama bumiputra dan bukan bumiputra kelak terjalin dan di samping itu saya harus berkata kerana melihat kepada kenyataan dan kejayaan yang diperolehi maka UDA patut diberi peluang untuk melangkah kaki ke bandar-bandar yang kecil dapat menolong bumiputra untuk bersama-sama dalam tujuan meluas tapak dalam perdagangan dan perusahaan perniagaan. Kelak di dalam sejarah pembangunan ekonomi rakyat di dalam bandar dan di dalam negara ini maka nama UDA akan terukir bukan sahaja sebagai penolong tetapi juga pembangun materialistik yang realistik.

Saya harus berkata di dalam Dewan yang mulia ini iaitu di dalam masa ketika negara menghadapi usaha-usaha perubahan menuju kepada kemajuan di dalam bidang ekonomi Kerajaan juga hendaklah menitik berat terhadap tugas-tugas memberi penerangan dan maklumat yang benar kepada rakyat supaya rakyat tidak akan diputar-belit dan dipesong daripada berita-berita yang karut dan palsu yang mungkin akan melemahkan kepercayaan rakyat terhadap Kerajaan. Usaha Kerajaan ataupun Kementerian Penerangan selama ini adalah baik. Tetapi saya jika diizinkan mengesyorkan di dalam Dewan ini supaya Kementerian ini memperhebatkan penerangan secara dakwah kerana setakat hari ini sambutan rakyat di kampung-kampung adalah cukup memuaskan. Dakwah yang menyelitikan ajaran-ajaran Islam dan memperkukuhkan keimanan serta kekuatan jiwa rakyat memberi sokongan kepada cita-cita Kerajaan sangatlah perlu. Pegawai-pegawai yang berkelulusan ugama patut ditambah membantu lagi tugas-tugas Pegawai-pegawai Penerangan di daerah-daerah. Rakyat akan bangun dengan serentak mem-

beri segala sokongan kepada cita-cita Kerajaan kalau sekiranya jiwa mereka sudah diresapi dengan keimanan yang kukuh dan suci. Penerangan-penerangan yang diberi kepada rakyat tanpa bibit-bibit keugamaan, tidak akan meninggalkan kesan baik dalam hati nurani rakyat.

4.58 ptg.

Tuan Shaari bin Jusoh (Kangar): Tuan Yang di-Pertua, saya juga turut menyokong Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pada 30hb Mac yang lalu. Maka di dalam Titah Ucapan Di Raja telah menitik beratkan berkenaan dengan keselamatan, pelajaran dan kerohanian.

Tuan Yang di-Pertua, ramai Ahli-ahli yang telah bercakap berkenaan dengan keselamatan sebagaimana yang dikehendaki oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Kita sama-sama tahu keadaan satu-satu negara dan keadaan satu-satu masyarakat begitu juga dalam satu rumah tangga tidak boleh aman tanpa keselamatan, tanpa kemakmuran dan tanpa kebahagiaan. Tetapi ibu segalanya berpunca daripada keselamatan. Bererti kalau tidak ada keselamatan, kemakmuran tidak akan ada dan kalau tidak ada kemakmuran kebahagiaan tidak akan ada. Jadi kenalah pada tempatnya yang mana Titah Ucapan Di Raja mengambil berat berkenaan dengan keselamatan.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang dikatakan oleh saudara-saudara saya dalam Dewan yang mulia ini patutlah Kerajaan mengambil berat kerana memandang kepada keadaan keselamatan dalam negara kita sungguh serious baikpun di bandar, di kampung, di sempadan, di sungai dan sebagainya. Jadi sesudahnya kita sama-sama tahu keadaan keselamatan sebagaimana kita katakan tadi yang diucapkan oleh tiap-tiap orang pemimpin sampai kepada rakyat maka sudah sampai kepada masanya pada pendapat saya, untuk kita mengatasi perkara-perkara yang tersebut. Saya berpendapat tidaklah cukup bagi kita semata-mata untuk membuat seruan ataupun rayuan. Sepatutnya bagi kita mengambil langkah-langkah apakah yang patut kita laksanakan, maka di sini saya sukalah mengesyorkan beberapa perkara pada pendapat saya untuk menambahkan keamanan kepada negara kita lagi.

Yang pertama, kita adakan pegawai-pegawai keselamatan. Agak saya, pegawai-pegawai keselamatan kita ini tidak begitu cukup sebab itulah kadang-kadang ada yang patut tempat yang kita kawal tidak ada pegawai keselamatan yang patut menjaganya. Jadi seperti saya katakan tadi walaupun kita terpaksa menggunakan wang yang banyak tetapi negara kita tidak akan bahagia kalau kita tidak selamat. Walaupun kita terpaksa mengeluarkan wang banyak, kalau keadaan memaksa kita menambahkan lagi pegawai keselamatan patutlah kita kaji walaupun sekali ganda daripada yang ada sekarang. Dan saya berpendapat juga patutlah kita kaji sekim gaji-gaji pegawai yang berkenaan sebagaimana yang disuarakan oleh kawan-kawan saya yang lain. Ramai orang tidak suka masuk pasukan Keselamatan khasnya polis kerana memandangkan tanggagaji polis diawal permulaannya amatlah murah sekali kalau dibandingkan dengan pekerja-pekerja yang lain. Maka dengan sebab itu patutlah pada pendapat saya kita kaji semula untuk mendapat gaji yang agak istimewa dengan tugas mereka itu.

Yang kedua, sebagaimana yang dikatakan oleh saudara-saudara saya tadi berkenaan dengan Rela.Rela patut kita besarkan dan patut tiap-tiap seorang mengambil bahagian menjadi ahli Rela. Begitu juga tentang Rukun Tetangga, saya berpendapat Rukun Tetangga ini tak patut kita adakan di setengah-setengah tempat yang perlu, misalnya dalam pekan. Di Perlis misalnya diadakan di pekan Padang Besar. Rukun Tetangga ini patut diadakan di tiap-tiap tempat. Pada pendapat saya makna tetangga ialah jiran yang berhampiran dengan rumah. Jadi tiap-tiap seorang daripada kita ada tetangga. Jadi patut Rukun Tetangga ini diadakan di seluruh negara. Saya berpendapat keadaan di bandar adalah cara di bandar dan samun-menyamun berlaku di bank dan sebagainya; di pekan cara di pekan, sempadan cara sempadan, di sempadan laut cara di sempadan laut kadang-kadang biasa dapat peluru ataupun senjata. Jadi pendek kata di segenap tempat berlaku. Dengan sebab itu, saya berpendapat sebagaimana Titah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong hendaklah rakyat bertanggungjawab kepada negara. Rukun Tetangga ini patutlah diperbesarkan seperti mana yang dibuat dalam masa pemerintahan Jepun dahulu seperti diadakan Jikidan dan

sebagainya. Seperti kata salah seorang daripada Ahli Dewan tadi, kita patut contoh segi pertanian yang dibuat di Jepun. Dan saya fikir Jepun ini banyak kita boleh contoh walaupun orangnya tidak tinggi tetapi semangatnya lebih dan apa yang dibuat oleh Jepun walaupun mereka biasa memerintah kita, masa Jepun memerintah boleh dibuka rumah dengan terbuka tidak ada siapa berani mencuri walaupun kita tidak dapat membuat apa yang dibuat oleh Jepun 100% tetapi saya berpendapat patutlah kita mengambil contoh seperti yang saya sebutkan tadi. Kadang-kadang kita tengok di setengah-tempat macam di Perlis ada setengah-setengah tempat selepas daripada pukul 7.00 malam orang tidak berani lalu, di situ mesti di samun motor dan sebagainya. Saya berpendapat kalaulah ada orang yang berkenaan menjaga sebagai anggota Rukun Tetangga di mana kita bayar elaun yang agak berpatutan untuk keselamatan negara. maka ianya akan menambahkan aman lagi negara kita.

Yang ketiga, saya bercakap berkenaan dengan pertahanan. Tadi saya bercakap berkenaan dengan keselamatan negara tetapi di samping itu kita hendaklah menjaga juga ancaman-ancaman daripada luar khasnya yang dibawa masuk dari sempadan. Kita tahu, tiap-tiap bangunan ada pintu seperti Dewan kita ini, saya fikir tidak lebih 4 pintu semuanya. Jadi, negara pun begitu juga; ada pintu masuk macam Malaysia kita ini ada daripada utara, daripada timur, daripada selatan dan sebagainya. Izinkanlah saya katakan, Perlis adalah salah satu pintu yang menjadi tempat masuknya negara luar ke negara kita Malaysia. Walaupun Perlis itu negeri yang kecil, saya berharap sangat sebagai satu pintu, saya kata sekali lagi, Tuan Yang di-Pertua, itulah tempat yang akan mereka masuk; kalau dalam rumah pintu mestilah diawasi betul-betul. Pintu mesti dibuat pagar. Saya berharap kepada Kementerian yang berkenaan patutlah pintu masuk ke Malaysia ini baik di mana pun apatah lagi pintu masuk ke Malaysia daripada Perlis (Kelantan lain sedikit, kerana ada sungai) tetapi bila ditengok di utara Perlis tidak ada sungai langsung. Seorang hamba Allah berkata kepada saya, dia syorkan kepada Kerajaan supaya buat satu sungai besar sempadan antara Siam dengan Perlis. Jadi, bila orang merompak hendak membawa lari motor tak boleh, kerana ia kena.

terjun ke sungai. Saya tersenyum mendengar cakapannya. Ini tidak ada sempadan langsung. Pegawai keselamatan ada satu batalion ditempatkan di sana. Luas negeri Perlis hanya 316 batu tetapi walaupun 316 batu ia adalah sebuah negeri dan menjadi sempadan pula kepada semua negara yang ada dalam Malaysia ini. Pendek kata, kalau rumah itu pintunya bocor maka bocorlah semua sekali, itu sama-sama kita tahu. Jadi, saya berharap kepada Kementerian yang berkenaan, janganlah pandang kecil atas perkara ini tetapi pandanglah Perlis itu sebagai pintu masuk yang penting bagi Malaysia. Dengan sebab itu satu battallion khas patut diadakan dan kepada askar ini, saya berpendapat, tidaklah patutlah pada hari pertabalan Yang di-Pertuan Agong, Hari Kemerdekaan kita puja dan kita puji sahaja dengan menghantar kueh Hari Raya walaupun benda itu bagus tetapi itu adalah tanda ingatan, tetapi kalau gaji mereka tidak dikaji semula, saya fikir tidak patut. Kita ucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita yang baharu kerana akan mengkaji semula dan kita harap gaji askar itu patutlah ditimbangkan, maklumlah kena bertugas dalam hutan dan sebagainya. Terasalah bagi kita kalaulah kita sendiri tidak boleh dapat bercampur dengan anak isteri, apahal dengan askar yang terpaksa selalu di dalam hutan menempuh bahaya dan terpaksa pula meninggalkan kaum keluarga, jadi sama-samalah kita fikirkan. Kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang muda dan berani dan disokong oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, saya berharap perkara yang berhubung dengan pertahanan dan askar kita akan mendapat pertimbangan yang sewajarnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya bercakap juga berkenaan dengan tanah. Tanah pada tiap-tiap tahun menjadi masalah sebagaimana yang dikatakan oleh saudara saya daripada Baling tadi. Dan biasa juga dikatakan oleh Yang Berhormat Menteri yang berkenaan sendiri, tanah ini maklumlah terlampau banyak masalah buat rancangan itu, buat rancangan ini tidak dapat selesai. Sebab itulah katanya sampai 20 tahun soal pesaka tanah tidak selesai. Kadang-kadang orang kampung menyelesaikannya dengan cara senang, diambil parang, dan diukur dan kadang-kadang sehingga berlaku pergaduhan sama sanak saudara kerana tanah, kerana taliair dan sebagainya. Jadi, saya berharap

kepada Kementerian yang berkenaan supaya ditambahkan pegawai-pegawai lagi, misalnya di Perlis. Saya bersyukur, kerana soal pegawai Kerajaan Negeri Perlis tidaklah begitu kecoh walaupun kakitangan Pejabat Tanah Perlis tidak lebih daripada 4 orang pegawai, masalaahnya bertimbun-timbun tak habis-habis, kerja sampai pukul 6.00 petang pun tidak habis, ini saya pun tahu. Pegawai-nya tidak cukup, kalau hendak ditambah lagi pegawai Kerajaan Negeri Perlis kekurangan wang. Dengan sebab itu, saya berharap Kerajaan Pusat akan mengambil berat atas hal ini dan seboleh-bolehnya mengkaji semula hal berkenaan dengan Kanun Tanah Negara.

Berkenaan dengan cukai tanah, saya anggar boleh jadi tanah yang luas satu ekar harus cukainya \$10 juta—itu paling tinggi, tetapi boleh jadi tanah itu dikira dengan kaki persegi, seperti di Kuala Lumpur ini biasa saya tengok. Kalau kita dapat sekeping tanah kosong, cukuplah dengan habuan kita boleh makan dan kaya. Tetapi kalau di Perlis tanah sebanyak itu tidak boleh buat apa. Jadi bererti tanah di Kuala Lumpur ini terlampau berharga. Saya yakin, boleh jadi cukai tanah yang begitu tinggi harganya kalau hendak dibandingkan peratusnya tidaklah begitu tinggi dengan harga tanah. Dengan sebab itu saya berpendapat katakanlah tanah cara kampung yang cukainya \$10 satu ekar ataupun satu relong dikira pada kampung tetapi kalaulah dibandingkan tanah di bandar baik pun di Kuala Lumpur dan di bandar-bandar lain satu ekar boleh jadi sampai \$100,000 makna kira kaki bandingkan juga cukainya mengikut peratus di negeri-negeri. Boleh jadi satu ekar ini boleh dapat sampai \$1,000 jadi kalau cari duit, kita cari duit biarlah yang banyak kita ambil yang banyak. Ini hitung saya tidak begitu tepat tetapi saya yakin kerana saya biasa dengar kadang-kadang cukai estet lebih murah daripada cukai yang diperolehi daripada kebun kecil. Ini kononnya kalau kita hendak ubah Kanun Tanah Negara tidak boleh diubah, rukun Tuhan tidak boleh hendak diubah tetapi rukun manusia ini patutlah kita ubah yang kita anggap tidak sesuai.

Begitu juga berkenaan dengan bayaran cukai tanah ini, saya selalu mendengar sungutan daripada orang kampung sekeping tanah namanya sampai 7 orang. Seorang kena bayar cukai, salah seorang daripadanya

boleh membayar cukai kena bawa gerannya sekali. Saya berpendapat patut kita ada satu surat istimewa boleh siapa pun bayar atas nama hak dia. Kadang-kadang seorang hamba Allah tolong bayar tahun ini tetapi apabila sampai tahun depan hamba Allah lain kata aku tidak mahu bayar. Biasa berlaku kerana berlawan tidak mahu bayar tanah itu sampai bertahun-tahun tidak bayar akhirnya Kerajaan mengambil tindakan. Saya berharap biarlah Kerajaan buat satu peraturan baru melicinkan benda ini. Ada setengahnya yang saya berasa dukacita benda yang kecil itu tidak dapat dibuatkan langsung oleh Kerajaan kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan tahniah kepada Menteri Kewangan yang baru kerana daya usahanya untuk memajukan negeri yang mundur. Saya dengar dalam TV pada 11hb Mac kata Menteri yang berkenaan dia akan mengambil bahagian untuk memajukan negeri-negeri yang mundur termasuklah Perlis, Kedah, Kelantan, Trengganu dan Pahang. Saya ucapkan tahniah atas niat Kementerian yang tersebut dan saya juga berasa simpati dan terima kasih kepada beliau di atas kesedarannya sendiri yang menyatakan banyak daripada projek-projek untuk meninggikan taraf bumiputra dari segi perniagaan dan perusahaan kadang-kadang tersungkur di tengah jalan kerana wang peruntukan yang hendak diberi itu terlampau lambat sampai. Jadi atas peringatan ataupun kesedaran sendiri oleh Menteri yang berkenaan itu saya ucapkan terima kasih dan saya harapkan kepada Menteri yang berkenaan sudah tahu, saya hendak ulang lagi pun dia sendiri sudah tahu. Saya harap apa yang dia tahu supaya cepat-cepat dibuatkan dengan seberapa segera yang boleh.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyentuh juga mengenai dadah. Dadah ini selalu diberi penerangan, dadah sana, dadah sini tetapi makin dibuat makin menjadi. Pada pendapat saya patutlah kita buat satu undang-undang yang kejam dan kuat. Kalau orang awam menghisap dadah kita tidak hairan tetapi saya dapat tahu mengikut kata-kata dan kita yakin kata-kata ini dapat kita percaya ada di antara pegawai-pegawai Kerajaan sendiri yang menghisap dadah. Kalau pegawai sendiri yang dapat gaji daripada Kerajaan dia sendiri menghisap dadah, apa halnya, Tuan Yang di-Pertua? Begitu juga murid-murid sekolah yang kita

dapat kawal tempat-tempat mencuci motosikal, mencuci motokar, tempat-tempat yang tidak bertanggungjawab, yang ada penjaganya tolak sebelah, ini pegawai Kerajaan sendiri ada di antaranya yang telah menjadi penagih dadah dan ada yang tahu tetapi tidak diambil tindakan. Dengan sebab itu, saya berharap kerana penyakit dadah ini satu penyakit yang lebih daripada bahaya. Kalau kadar orang ketagih candu, ketagih benda lain setakat dia dapat lepas itu dia hilang mabuk, dia tidak boleh hendak makan lebih daripada had, begitu juga penyakit-penyakit lain, tetapi penagih dadah tidak ada sempadan, dia tidak tahu kasih kepada diri sendiri, kepada anak dia, kepada isteri dan kepada siapa sekalipun. Jadi bila datang penyakit dadah satu penyakit yang terlampau bahaya. Dengan sebab itu, saya berharap kepada Kerajaan mengambil berat benda ini dengan bersungguh-sungguh dengan menambahkan pegawai-pegawai yang bertanggungjawab. Kadang-kadang kita tahu tetapi macam kita Ahli Yang Berhormat Wakil Rakyat hendak pergi tangkap siapa yang jual dadah; kadang-kadang kita tahu hamba Allah ini 2-3 orang hendak pergi beli dadah tetapi apa kita hendak buat. Kadang-kadang ada pegawai yang berkenaan tahu, kita hairan. Saya tidak mahu menuduh sesiapa, saya yakin benda ini semua orang tahu, dengan sebab itu saya berharaplah kalau kita tahu dadah ini satu benda yang amat merbahaya jadi janganlah kita takut mengeluarkan wang untuk menghapuskan benda yang terlampau bahaya. Bila bahaya ini terlampau teruk ibarat kata bila api terlampau marak dikala itu tidak guna duit berjuta-juta ringgit tidak dapat kita hendak kawal lagi. Agak saya kadar hari ini dapat lagi kita kawal dengan menambahkan pegawai yang betul-betul bertanggungjawab untuk menghapuskan dadah.

Tuan Yang di-Pertua, saya sambung sedikit lagi berkenaan dengan tanah tadi. Saya ucapkan terima kasih juga kepada Kementerian Tanah khasnya berkenaan dengan FELDA, nampaknya rancangan kelapa sawit ini terlampau baik sekarang tetapi malannya Perlis satu negeri yang kecil, 316 batu persegi luasnya tidak dapat hendak buat. Dengan sebab itu, saya mengesyorkan kepada Kementerian yang berkenaan apa-apa yang ada rancangan di Perlis hendaklah dibuatkan lagi walaupun hari ini telah dibuat ladang tebu dan sebagainya. Setakat

hari ini bagi pihak rakyat negeri Perlis, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Felda dan diharap dapat membuatkan lagi apa yang berpatutan.

Tuan Yang di-Pertua, saya bercakap berkenaan dengan pelajaran. Saya mengucapkan tahniah kepada Kementerian Pelajaran khususnya di Perlis tetapi maklumlah ada satu perkara yang saya rasa dukacita sedikit iaitu alat. Kadang-kadang kata orang gajah dapat dibeli tetapi kuasa tidak dapat. Ada alat, buku tidak cukup, alat-alat seperti bangku tidak cukup. Jadi kalau benda besar boleh dibeli alat perabot dalam sekolah itu patut kita buat dengan segera.

Satu perkara lagi mengenai guru-guru. Guru-guru tingkatan A, B dan C ada pada hari ini. Saya berasa dukacita, maaf kalau saya bercakap ini berkenaan dengan perkauman tetapi bukan cara perkauman, yang kita tahu pada hari ini banyak orang berlawan hendak menjadi guru besar A, B dan C kerana guru besar ini ada perbezaan di antara gaji-gaji lain tidaklah macam dahulu. Kalau misalnya dari SITC semuanya gaji sama. Biasa berlaku gaji guru besar lebih murah daripada guru biasa tetapi hari ini tiap-tiap guru besar gajinya lain, pangkat A \$1,200 lebih (kalau tidak silap saya), B \$1,000 lebih C \$700 lebih. Jadi hari ini yang kita dukacita kebanyakan guru besar pangkat C ini kesemuanya terdiri daripada bumiputra, pangkat B ada celun-celam, ada setengah bumiputra dan ada setengah bukan bumiputra tetapi kebanyakannya bukan bumiputra. Kalau pangkat A itu jangan hendak cari bumiputra, semuanya bukan bumiputra. Adakah begini adat negara kita, Tuan Yang di-Pertua? Macam mana kita buat indastri juga, buruh kasar bumiputra, yang bukan buruh kasar semuanya bukan bumiputra, kalau hendak ada pun tercongok di atas satu, bak kata orang buat sebagai simbol sahaja, tetapi yang di bawahnya semua bumiputra. Saya berharap Kementerian yang berkenaan, kepada Timbalan Perdana Menteri yang juga menjadi Menteri benda ini bukan sentimen, ini harapan yang sebenar. Di Perlis pun saya dapat tahu guru besar pangkat C semuanya Melayu, B ada Melayu seorang, yang A itu tidak ada langsung, minta maaf saya cakap Melayu, yang B itu ada seorang bumiputra tetapi kebanyakannya bukan bumiputra,

tambahan A itu jangan hendak cari bumi-putra. Saya harap kepada kementerian yang berkenaan tolonglah ambil berat atas perkara ini.

Akhir sekali, Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan penerangan. Segala-galanya kalau kurang penerangan rakyat tidak boleh faham, dengan sebab itu patutlah Jabatan Penerangan ini melipatgandakan lagi, jangan ada ketika-ketika, kalau ada ketika itu saya yakin dan Tuan Yang di-Pertua pun faham masa itu ia bagi penerangan siang dan malam tetapi ada ketika itu dia berhenti. Begitu juga fasal bab-bab dalam TV tunjuklah cerita-cerita yang bagus sedikit. Saya ucapkan terima kasih kerana dahulu minta cerita dari Timur Tengah hari ini sudah diberi cerita dari Timur Tengah tetapi ditunjukkan sampai pukul 8.00 malam kalau tidak silap saya satu rancangan. Buatlah dua malam paling tinggi satu period ataupun satu cerita, ini hampir sebulan dia buat satu cerita. Saya ingat Yang Berhormat bersetuju dengan saya cerita "Adawammah" baru tamat dalam minggu yang lepas, jadi buatlah setakat seminggu atau paling lama dua minggu. Begitu juga cerita-cerita ini ambillah cerita-cerita yang bagus sedikit untuk dituntun, ini kadang-kadang ditunjuk cerita hantu. Malam ini kalau tidak silap saya cerita hantu akan ditayangkan saya tengok dalam surat khabar tadi. Ambillah cerita walaupun lama macam cerita "Aloha" dahulu, saya yakin Tuan Yang di-Pertua pun kalau ditunjukkan cerita "Aloha" macam "Juwita" teringin hendak tengok, macam saya juga teringin. Jadi carilah cerita-cerita yang bagus dengan cerita Melayu walaupun lama tetapi benda ini bagus patut ditayangkan semula.

Yang kedua tayangan-tayangan itu pun janganlah banyak sangat seolah-olah TV kita ini macam kita duduk dalam negeri orang putih sedangkan negeri Thai yang dekat dengan negara kita boleh membuatkan seimbang dengan keadaan negara. Saya berpendapat TV Malaysia pun patut ubah sedikit demi sedikit.

Akhir sekali, Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan pertanian. Saya juga mengucapkan terima kasih kepada Kementerian Pertanian yang telah memberi peruntukan yang banyak kepada negeri-negeri khasnya Perlis yang kurang maju dan baru-baru ini pula telah memberi banyak pam-pam air

tetapi saya berasa dukacita kadang-kadang pemberian ini tidak mengikut musim, padi sudah dekat hendak cukup musim, hujan tidak ada, dikala itu barulah hendak diberi. Jadi saya berharap pada hari ini walaupun diberi secara percuma tetapi saya berharap kalaulah satu-satu masa yang mana keadaan itu dikehendaki dengan seberapa segera patutlah Kerajaan memberi dengan seberapa segera kerana benda ini seperti saya kata padi. Saya juga mengalami dalam hal padi. Padi ini ada musim dan masanya. Kalau lewat daripada masa air tidak sampai padi menjadi seperti uban putih. Uban putih hendak berbuah dan tidak berbuah. Seperti manusia juga padi pun bila dia naik uban putih hendak dikata kalau manusia sudah tidak beranak maka padi pun tidak berbuah. Jadi sebelum padi naik uban putih itu maka patutlah airnya itu dikeluarkan.

Dalam pertanian ini juga saya berasa dukacita kerana kadang-kadang berlawanan sama-sama Kementerian. FAMA dengan cara FAMA dan peladang dengan cara peladang. Peladang kata tanam banyak-banyak. Bila tanam FAMA kata aku tidak mahu beli. Jadi permainanlah saya. Saya berharap kalau kita ini benar-benar hendak makan dan kalau makan tidak boleh hendak dibuang, kita tidak boleh hendak hidup. Jadi begitu juga kalau tanam terlampau banyak tidak ada tempat hendak dijual. Manusia ini sama-sama petani cukup rajin. Saya tahu kerana saya pun salah seorang daripada petani walaupun menjadi ahli Dewan—cukup rajin. Tetapi rajin hendak ke mana kalau mencangkul siang dan malam sampai bila hendak dijual hasil yang dihasilkan tadi tidak mendapat pasaran yang baik. Jadi pertanian segala-galanya boleh dikatakan baik, tetapi berkenaan dengan FAMA ataupun tempat pemasaran patutlah disediakan dengan sebaik-baiknya.

Tan Sri Abdul Aziz bin Yeop: Ahli Yang Berhormat, panjang lagi?

Tuan Shaari bin Jusoh: Saya takut dengan masa. Saya ingat setakat itulah sahaja kerana saya pun sudah bercakap selama 20 minit tadi.

Tan Sri Abdul Aziz bin Yeop: Ahli Yang Berhormat puas sudah?

Tuan Shaari bin Jusoh: Ya. Jadi setakat itulah sahaja dan sekali lagi saya ucapkan terima kasih.

5.22 ptg.

Tuan Luhut Wan (Baram): Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih oleh kerana peluang yang diberi kepada saya untuk mengambil sedikit bahagian dalam perbincangan usul yang dibawa oleh Ahli Yang Berhormat dari Permatang Pauh. Saya juga menarik perhatian Dewan mengenai beberapa aspek yang saya anggap penting untuk tindakan pihak yang bertanggungjawab. Pertamanya mengenai kesihatan. Oleh kerana kami sedar dalam semua bidang jikalau rakyat negara sihat tentu sekali kemajuan dapat dilaksanakan dengan begitu lancarnya. Oleh yang demikian saya syorkan kepada Kementerian yang bertanggungjawab atas perkara ini iaitu mengenai hal kesihatan di luar bandar Malaysia.

Walaupun saya tidak dapat memberi gambaran yang begitu terang terhadap apa yang terjadi di mana-mana tempat kawasan ataupun daerah di sekitar negara kita Malaysia, akan tetapi apa yang saya maksudkan ialah keadaan yang sedang berlaku di tempat saya sendiri khususnya di kawasan Baram, oleh kerana penting sekali rakyat negara kita mempunyai kesihatan yang baik untuk menghadapi rancangan-rancangan dan kemajuan yang sedang dilancarkan oleh Kerajaan oleh Kerajaan Malaysia khususnya di luar bandar. Walaupun Kerajaan telah membuat beberapa rancangan untuk memperbaiki keadaan kesihatan di luar bandar di negeri Sarawak akan tetapi kami juga menarik perhatian Kementerian Kesihatan supaya Kementerian Kesihatan dapat melaksanakan dan dapat membuat rancangan-rancangan yang mendatangkan faedah untuk kepentingan penduduk-penduduk di luar bandar khususnya penduduk-penduduk yang berhampiran dengan sempadan Indonesia. Oleh kerana pada masa yang lampau kami dapati Kerajaan juga telah membelanjakan sejumlah wang yang begitu besar untuk membasmi penyakit malaria di seluruh tanahair akan tetapi nampaknya rancangan ini tidak begitu memuaskan oleh kerana penyakit malaria ini sedang berjangkit-jangkit di tempat penduduk-penduduk yang berhampiran dengan sempadan di Kalimantan Barat (Indonesia). Saya syorkan kepada Kerajaan pada hari ini supaya Kerajaan Malaysia berhubung rapat

dengan Kerajaan Indonesia supaya Kerajaan Malaysia dan Indonesia ini bekerjasama supaya kedua pihak dapat berkhidmat atau bersama-sama mengambil tindakan untuk membasmi penyakit malaria ini. Walaupun pihak Kerajaan Malaysia bertindak untuk mengatasi keadaan yang begitu buruk tentang penyakit malaria ini jikalau pihak Kerajaan Indonesia tidak begitu mengambil tindakan yang berat bagaimanapun tindakan yang dibuat oleh pihak Kerajaan Malaysia tentu sekali rancangan ini akan sia-sia sahaja, tidak sedikitpun memberi keuntungan kepada penduduk-penduduk ataupun rakyat Malaysia khususnya yang duduk di luar bandar.

Demikian juga mengenai cacing kerawit. Oleh kerana budak-budak dan kanak-kanak kecil di luar bandar di Malaysia ini sudah lama menjadi mangsa penyakit cacing kerawit, saya menarik perhatian Kementerian Kesihatan supaya tindakan yang lebih baik lagi diambil untuk mengatasi semua keadaan yang tidak begitu memuaskan di luar bandar khususnya di negeri Sarawak kepada masa ini. Oleh kerana kami tahu kanak-kanak kecil ini merekalah yang menjadi harapan negara mungkin setengah dari mereka kemudian kelak akan menjadi pemimpin juga, oleh itu mustahak sekali pada pendapat saya, Tuan Yang di-Pertua, kesihatan haruslah dipentingkan untuk meninggikan taraf hidup penduduk-penduduk Malaysia yang di luar bandar supaya mereka dapat mengambil bahagian dalam bidang ekonomi ataupun dalam bidang pelajaran sesuai dengan rakan mereka yang duduk di bandar-bandar yang mempunyai hospital yang memuaskan dan yang diberi layanan yang baik. Demikian juga patutlah Kerajaan Malaysia pada hari ini juga menitikberatkan terhadap kesihatan khususnya kesihatan penduduk-penduduk di luar bandar.

Satu perkara yang saya lihat dalam beberapa tahun dahulu mengenai beberapa bilangan masyarakat Malaysia yang duduk di dalam kawasan tebing pantai laut. Demikian juga penduduk-penduduk luar bandar khususnya yang mendiami delta (tanah berpaya) kerana saya dapati air minum mereka ini sangatlah tidak sesuai untuk mereka oleh kerana kami ketahui jikalau air minum itu tidak bersih tentu sekali melibatkan berbagai-bagai penyakit yang merbahaya kepada tubuh manusia.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

Saya syorkan kepada Kementerian Kesihatan agar tindakan yang tegas diambil oleh pihak Kementerian itu supaya Kementerian itu memberi wang untuk membuat kolam-kolam air minum yang disupervise oleh penjaga kesihatan luar bandar supaya penduduk-penduduk yang diam di luar bandar itu mendapat air minum yang dianggap sesuai untuk kesihatan mereka. Dan juga, saya syorkan kepada Ahli yang bertanggungjawab iaitu Kementerian Kesihatan supaya penjaga kesihatan luar bandar juga iaitu kakitangan Rural Health Supervisors haruslah ditambahkan supaya mereka dapat bergerak dengan lancarnya untuk memberi nasihat dan juga memberi bantuan kepada penduduk-penduduk yang tinggal di luar bandar. Oleh kerana saya dapati pada masa ini sangat berkurangan kakitangan yang menjaga kesihatan luar bandar. Dan juga haruslah Kementerian Kesihatan juga memberi arahan kepada semua penduduk di luar bandar supaya mereka dengan tekun dan dengan rajin membersihkan kampung halaman mereka supaya mereka dapat kesihatan yang baik. Oleh kerana saya dapati pada masa ini kebanyakan kampung-kampung di luar bandar tidak dapat arahan yang begitu sesuai dari pihak Kementerian Kesihatan. Sepatutnya sudah lama dahulu perkara ini dibuat oleh Jabatan Kesihatan Malaysia.

Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, saya menyentuh sedikit mengenai apa yang telah dkenangkan oleh teman baik saya iaitu Ahli Yang Berhormat dari Maran tadi iaitu mengenai pemimpin-pemimpin, baik pemimpin Ahli-ahli Yang Berhormat di dalam Dewan yang mulia ini demikian juga pemimpin-pemimpin Yang Berhormat Ahli dari Dewan Undangan Negeri. Oleh kerana kata Yang Berhormat tadi, memang patut sekali Ahli-ahli Yang Berhormat dianggap menjadi pemimpin-pemimpin negara menunjukkan tauladan yang baik serta dipercayai oleh Kerajaan, demikian juga oleh rakyat sekalian khususnya dan juga ini adalah satu simbol yang baik juga kepada negara yang berdekatan dengan kita iaitu imej pemimpin-pemimpin Malaysia haruslah ditinggikan daripada apa yang kita alami pada masa ini. Oleh kerana kami sedar bahawa negara kami

Malaysia ialah satu Kerajaan atau pemerintahan yang menaruh keimanan dan kepercayaan kepada Tuhan. Oleh kerana hal yang demikian patutlah sekali pemimpin-pemimpin khususnya Ahli Parlimen dan pemimpin-pemimpin lain pun patut patuh dengan Rukunegara dan jangan hanya menyebut Rukunegara itu hanya satu kenang-kenangan sahaja tetapi haruslah perbuatan masing-masing mengikut apa yang terkandung di dalam Rukunegara supaya ini menjadi satu tauladan yang baik. Oleh kerana saya dapati dalam beberapa tahun yang lampau di mana-mana tempat di negara Malaysia ada tertulis "Masyarakat Adil". Inipun satu perkataan yang kami harus kenang juga oleh kerana ini adalah satu simbol yang menunjukkan bahawa niat pemerintah negara kami ini ialah keadilan. Akan tetapi, pada masa ini keadilan bukanlah seratus-peratus dilaksanakan di dalam negara Malaysia tetapi pengharapan kami, kalau dapat, haruslah keadilan ini dikekalkan selama-lamanya. Oleh kerana kami ketahui di mana masyarakat dan pemimpin yang adil di sana juga rahmat dan anugerah Tuhan akan dicurahkan. Di mana dosa dan perkara yang keji berlaku di situ juga laknat dan kemarahan ataupun murka Tuhan. Oleh hal yang demikian, saya mengucapkan setinggi tahniah kepada sikap Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan rakan-rakan Kabinetnya pada masa ini dengan tegasnya mengambil tindakan terhadap barang yang tidak kita ingini berlaku berulang-ulang di dalam negara Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, walau bagaimanapun zalimnya separuh manusia yang sentiasa mengeraskan hati tidak mengikut pengajaran akan tetapi haruslah juga tindakan yang tegas dan mengikut undang-undang yang ada dan kuasa yang ada pada pemimpin-pemimpin haruslah tindakan diambil dengan sertamerta supaya perkara yang kita tidak ingini itu melarat serta mendatangkan laknat kepada negara kita. Saya akhirkkan di sini dengan memberi ribuan terima kasih.

5.38 ptg.

Dr Hee Tien Lai (Ayer Hitam): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun turut bersama membahaskan atas Usul Titah Ucapan yang telah dibuat pada 30hb Mac tahun ini. Saya hanya ingin berucap sedikit tentang Rancangan-rancangan Pembangunan Malaysia kita. Dalam mana-mana sesuatu rancangan

pembangunan yang baik matlamat yang penting sekali ialah membekalkan pekerjaan kepada rakyat untuk meninggikan taraf hidup rakyat, membekalkan pertahanan bagi negara dan juga bagi satu system pelajaran yang sesuai.

Tuan Yang di-Pertua, tetapi dalam Rancangan Pembangunan Negara kita, kita mempunyai tanggungjawab yang bertambah untuk mengubah kedudukan kaum Melayu dalam bidang struktur ekonomi. Saya bersetuju untuk mempertingkatkan kaum Melayu dalam kehidupan mereka sebagai satu bahagian dalam percubaan keseluruhannya untuk meninggikan kehidupan rakyat negara kita. Saya juga bersetuju iaitu langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk melatih lebih ramai orang bumiputra dalam perindustrian dan perdagangan. Akan tetapi saya merasa untuk mencapai matlamat-matlamat yang tersebut tadi kita tidak payah untuk membuat orang-orang yang bukan Melayu merasa yang hak-hak mereka telah dihalang untuk membangunkan ekonomi negara ini dan juga menyusahkan mereka serta mengabaikan mereka di dalam aspek ini.

Tuan Yang di-Pertua, begitu juga dalam pandangan saya tidaklah penting siapa pengurus atau tuan punya perniagaan itu samada orang bumiputra ataupun orang Melayu. Yang mustahak ialah sesuatu perniagaan mempunyai pekerja-pekerja Melayu dengan kadar yang menasabah iaitu tidak menyalahgunakan atau exploit pekerja-pekerja Melayu atau bukan Melayu iaitu tidak mempunyai perjudice perkauman disamping menunjukkan suasana yang sewajarnya.

Tuan Yang di-Pertua, ada satu perkara lagi yang saya ingin menyentuh walau bagaimanapun dasar-dasar negara kita nampaknya sangat baik jika ianya tidak dilaksanakan dengan betul dan adil kejayaan tidak akan tercapai. Sebagai satu contoh, sebahagian peruntukan bagi kawasan saya yang diberikan melalui saya sebagai Ahli Parlimen untuk membekalkan meja dan kerusi bagi sebuah balairaya. Malangnya meja itu telah rosak dalam tempoh yang kurang daripada sebulan kerana meja itu diperbuat daripada kayu yang bermutu rendah, maka meja itu telah menjadi bengkok-bengkok dan tidak boleh digunakan lagi dan memerlukan banyak perbelanjaan bagi memperbaiki meja-meja yang baharu itu.

Tuan Yang di-Pertua, ini bukan sahaja membazirkan wang orang ramai tetapi juga menghilangkan keyakinan atas kecekapan Kerajaan kita, walaupun inilah tujuan yang tulus ikhlas untuk memberi kemudahan bagi rakyat melalui Wakil Rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, saya merayu bahawa di dalam kita melaksanakan Rancangan Malaysia Ketiga ianya akan membuka banyak tanah untuk bercucuk tanam yang mana akan memberi peluang banyak pekerjaan untuk rakyat dan dengan ini akan memenuhi matlamat Rancangan Malaysia Ketiga iaitu untuk membasmi kemiskinan antara penduduk-penduduk di luar bandar dan penduduk-penduduk di dalam bandar. Saya juga mengucapkan tahniah kepada Kerajaan kerana telah dapat melaksanakan Rancangan FELDA dengan jayanya dan berharap Kerajaan hendaklah memberi peluang kepada orang-orang yang bukan Melayu menyertai rancangan ini. Saya rasa ini akan memberi peluang pekerjaan untuk orang-orang bukan Melayu yang mencerminkan masyarakat berbilang kaum.

Tuan Yang di-Pertua, yang akhirnya ialah berkenaan dengan drafting atau merangka dalam Rancangan Malaysia Kedua, saya berasa adalah sangat dipengaruhi oleh penasihat-penasihat asing dan saya fikir tidak selengkap memahami rakyat kita dengan tidak mempunyai pengetahuan mencukupi berkenaan dengan latar belakang negara kita. Mereka akhirnya bergantung sangat banyak atas statistik atau theory statistics dan tidak melihat apa-apa masalah yang dihadapi oleh rakyat on the ground level. Oleh kerana itu, saya berharap lebih banyak pakar-pakar tempatan dalam berbagai bidang pembangunan yang akan mengambil bahagian di dalam drafting Rancangan Malaysia Ketiga yang baru ini.

5.45 ptg.

Tuan Shamsuri bin Md. Salleh (Balik Pulau): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong usul yang telah dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Permatang Pauh iaitu mempersembahkan ucapan berbilang terima kasih kebawah Duli Tuanku yang telah berkenaan memberi Titah Ucapan Baginda kepada Dewan ini.

Sebelum saya mengulas dan membahaskan Titah Ucapan Baginda itu izinkan saya mengambil peluang ini menyampaikan

ucapan tahniah Kebawah Duli Tuanku berdua dari rakyat kawasan saya atas selamat sempurnanya Tuanku berdua ditabalkan menjadi Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong. Kepada Allah kami memohon semuga Duli-duli Tuanku berdua sentiasa dalam sihat walafiat.

Di samping itu ucapan tahniah dan selamat bertugas kepada bangsa, ugama dan tanahair ditujukan juga kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan para Menteri Kabinetnya.

Tuan Yang di-Pertua, sekali bah, sekali pantai berubah. Demikian kata pepatah. Dalam susunan Kabinet yang baru beberapa perubahan telah berlaku. Dalam menghadapi perubahan-perubahan itu sikap rakyat berbagai-bagai pula. Ada yang menyokong, ada yang merasa kurang senang dan ada yang mengambil sikap tunggu dan lihat. Ujudnya perbezaan sikap rakyat terutama di negeri-negeri kawasan utara Semenanjung dalam menghadapi perubahan-perubahan baru ini, pada hemat saya sedikit sebanyak adalah berpunca dari sebuah bintang. Bintang, kata saya, bintang yang sedang bersinar di upuk utara. Ada satu hari dalam seminggu sinaran bintang ini agak kuat hingga menyilau mata memandang dengan mengaburi pandangan seseorang. Apabila pandangan sudah kabur, maka arah jalan yang dituju tidak akan menentu lagi dan berbagai kemungkinan buruk akan berlaku. Kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Timbalannya adalah diharapkan sangat supaya dapat mengadakan lawatan segera bagi menjernihkan suasana dan keadaan ini. Dan kepada Kementerian yang berkenaan Kementerian Dalam Negeri maksud saya supaya dapat mengawasi keadaan bintang ini, sebab kemungkinan di sebalik bintang ini ada anasir-anasir yang menggunakan kedudukan seseorang yang kita hormati pada masa yang lalu untuk mengerohkan keadaan suasana negara pada hari ini. Kemungkinan ini sangatlah besar, maka itu sebelum perkara ini menjadi lebih buruk maka saya menyeru pihak-pihak yang berkenaan supaya mengawasi keadaan ini.

Tuan Yang di-Pertua, Titah Ucapan yang telah dilafazkan oleh Duli Tuanku tempoh hari agak ringkas. Namun demikian

Titah Baginda itu telah menyentuh beberapa dasar penting yang merangkum seluruh aspek kehidupan rakyat dan keselamatan negara.

Bercakap tentang kebajikan dan keperluan rakyat, saya suka menyentuh tentang perumahan. Rumah adalah satu kemestian dalam hidup kita. Kemestian ini lebih-lebih mendesak kepada mereka yang sudah berumah-tangga dan berkeluarga. Di tempat saya di Pulau Pinang sebuah negeri yang disenaraikan oleh Menteri Kewangan yang baru dalam istilah negeri yang maju. Rumah-rumah tegak di sana sini sebagai cendawan tumbuh di musin hujan. Rumah-rumah itu beraneka bentuk cantik lagi menarik. Bagaimana tentang harganya? Ya, Tuan Yang di-Pertua, harganya yang menjadi masaalah, yang menjadi punca masaalah, masaalah yang membelit kehidupan rakyat marhain, masaalah yang tidak boleh diatasi oleh sebahagian besar penduduk-penduduk di negeri itu. Harganya paling minima ialah \$35,000 kemudian \$40,000; \$50,000 naik lagi, naik lagi hingga \$125,000, Tuan Yang di-Pertua. Untuk siapakah rumah-rumah ini dibuat dan untuk siapakah rumah-rumah ini dibina? Orang yang layak memiliki rumah-rumah ini ialah mereka yang berpendapatan lebih dari \$1,500. Bagaimanakah halnya dengan rakyat yang berpendapatan \$300 atau lebih bawah lagi? Mereka hanya dapat melihat rumah ini tegak dan dapat melihat penghuni-penghuni keluar masuk, tetapi mereka tidak berupaya untuk membeli rumah-rumah ini. Namun demikian walaupun rumah itu harganya mahal tetapi tetap laku dan apabila siap dibina serta boleh diduduki tegaklah papan kenyataan yang berbunyi "sold out." Ramai rakyat di negeri Pulau Pinang hairan siapakah pembeli rumah-rumah ini? Di sini tokoh-tokoh Parti Rakyat (Parti Socialist) telah mengambil kesempatan. Kata mereka inilah hasil daripada dasar ekonomi yang dijalankan oleh negeri kita, dasar free enterprise. Orang yang berada sahaja yang layak dan boleh memiliki rumah-rumah ini. Kamu rakyat marhain, saudara-saudara jangan mimpi dan jangan harap boleh duduk di rumah-rumah ini. Ini ialah hasil daripada rancangan pembangunan Kerajaan. Apabila kita menghujjah kepada tokoh-tokoh Parti Rakyat tadi, mereka dapat memberi jawapan yang mudah. Katanya, "Kalau Kerajaan tidak membenarkan rumah-rumah ini didirikan dan kalau Kerajaan tidak memberi bekalan letrik dan

air bagaimanakah rumah-rumah ini akan tegak, siapakah yang akan membelinya." Tidakkah ini menunjukkan atau membuktikan bahawa Kerajaan hanya mementingkan orang-orang yang berada, mereka yang mampu dan yang sudah kaya. Di manakah tempat rakyat miskin, dan di manakah rakyat miskin boleh duduk?

Tuan Yang di-Pertua, di kawasan saya sahaja ada 10 projek perumahan sedang naik, beribu-ribu buah rumah jumlahnya tetapi yang boleh dan mampu dimiliki oleh rakyat marhain tidak sampai pun 5% sebab harganya melangit. Soalnya sekarang adakah Kerajaan hanya berpeluk tubuh melihat kejadian-kejadian ini dan melihat pemaju-pemaju perumahan ini mengaut serta menimba kekayaan negara ini untuk diri sendiri dengan mengeneipkan rakyat miskin? Betul ini ialah kemajuan tetapi kemajuan yang hanya boleh dinikmati oleh sebahagian kecil sahaja penduduk negara ini. Apakah halnya kepada sebahagian besar penduduk yang tidak mampu yang diusir ke sana ke mari lantaran tidak dapat hendak memiliki rumah-rumah tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, yang lebih sedih lagi sekarang sudah ada penduduk-penduduk di Pulau Pinang iaitu rakyat marhain yang sudah mendirikan rumah dalam laut. Sebuah kampung Pisang Awak namanya, rakyat miskin di situ sudah mendirikan lebih 100 buah rumah dalam laut. Ini ialah kenyataan yang tidak dapat dinafikan oleh sesiapa pun. Sekiranya pihak Kerajaan tidak mengambil langkah-langkah mengawal pemaju-pemaju perumahan ini, mencari wang dan sebagainya maka saya bimbang pada satu hari nanti rakyat tidak akan dapat menahan perasaan mereka. Rakyat tidak akan berdiam diri, ini yang saya sangat bimbangkan. Oleh yang demikian, untuk mengatasi masaalah ini saya suka mencadangkan bahawa pihak Kerajaan hendaklah menggubal satu peraturan yang mensyaratkan kepada pemaju-pemaju perumahan swasta ini iaitu:

- (1) tiap-tiap projek perumahan yang hendak dibangunkan mestilah mengandungi sekurang-kurangnya 30% rumah yang berharga \$10,000 ke bawah atau lain-lain harga yang agak sesuai untuk mereka yang berpendapatan rendah, dan rumah-rumah yang harga murah ini hendaklah diuntukkan kepada mereka yang berpendapatan rendah;

- (2) kemudahan-kemudahan hendaklah diatur supaya pembeli-pembeli rumah murah itu boleh meminjam hingga 90% dari harga rumah itu;
- (3) keutamaan hendaklah diberi kepada pembeli-pembeli yang belum memiliki rumah sendiri.

Pada hemat saya, Tuan Yang di-Pertua, syarat-syarat yang saya kemukakan ini kalau dilaksanakan bukanlah akan merugikan pihak pemaju-pemaju perumahan itu, sebab sepanjang yang saya tahu tiap-tiap pemaju perumahan ini mendapat keuntungan maksima 200% daripada kos harga rumah yang dibina itu, paling kurang ialah 100%. Jadi, apa yang kita minta dan harapkan daripada pemaju perumahan ini supaya mereka dapat mengorbankan sedikit keuntungan, bukan merugikan mereka tetapi mengorbankan sedikit keuntungannya, iaitu mendapat keuntungan yang minima untuk memberi pertolongan kepada mereka yang berpendapatan rendah. Dengan itu boleh juga menolong Kerajaan dalam menghadapi masalah-masalah perumahan yang makin hari semakin rumit.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh tentang keselamatan, saya mengambil peluang di sini mengucapkan tahniah dan syabas kepada Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri dan pegawai-pegawai dalam Kementerian beliau kerana telah menyusun semula Pasukan Polis. Salah satu daripada hasil penyusunan semula ini ialah satu kumpulan perompak yang sangat ganas telah dapat ditumpaskan, dan kegiatan rompak agak berkurangan semenjak akhir-akhir ini.

Tuan Yang di-Pertua, selama ini pihak Polis apabila menghadapi anasir-anasir jahat mereka mengambil sikap yang kita namakan defensive sahaja iaitu apabila berlaku sesuatu kejadian keganasan atau rompakan barulah pihak Polis ini bertindak memburu atau mencari mereka yang bertanggungjawab. Sikap ini pada hemat saya kurang berkesan. Apa yang kita kehendaki ialah supaya Pasukan Polis ini mengambil sikap offensive iaitu sikap yang saya maksudkan pihak Polis hendaklah sentiasa mengelidahkan kawasan-kawasan, sarang-sarang, tempat-tempat sembunyi yang disyaki anasir-anasir jahat ini berlindung, agar dengan cara pengelidahan yang selalu ini pihak anasir-anasir jahat ini tidak dapat berdiam diri

dan tidak dapat merancangkan keganasan-keganasan yang agak liar dan lebih lagi.

Tuan Yang di-Pertua, untuk meningkatkan lagi keadaan keselamatan negara kita, semangat anggota Pasukan Keselamatan itu hendaklah juga ditinggikan. Maksud saya rungutan-rungutan atau rasa tidak puas hati yang dirungut dan dikesalkan oleh pihak anggota keselamatan itu patutlah diberi pertimbangan yang sewajarnya. Saya ada menerima sepucuk surat yang tidak bertandatangan dari anggota polis. Surat itu meminta saya menyatakan dalam Dewan ini bahawa pada masa sekarang anggota Polis yang tidak mempunyai kelulusan terutama kelulusan universiti tidak akan ditimbangkan kenaikan pangkat. Ini adalah satu rungutan daripada pihak anggota polis, mereka yang hanya mempunyai kelulusan universiti ataupun kolej sahaja yang ditimbangkan kenaikan pangkat. Saya tidak tahu samada tuduhan ini benar atau tidak, tetapi tentulah ada berlaku kejadian ini. Jadi mengikut surat itu lagi sudahlah kenaikan pangkat anggota yang tidak mempunyai kelulusan universiti itu diketepikan, sebaliknya apabila hendak ditugaskan anggota polis itu ke dalam hutan, untuk memerangi atau mengusir penjahat-penjahat dalam hutan, mereka itulah yang ditugaskan. Mereka yang berkelulusan tinggi, yang berkelulusan universiti hanya ditempatkan di pejabat-pejabat, tempat yang selesa sahaja. Tuduhan ini sangat berat, Tuan Yang di-Pertua. Saya harap Kementerian yang berkenaan akan meniasat samada perkara ini benar atau tidak supaya semangat anggota Polis dan anggota Pasukan Keselamatan kita ini dapat kita jaga dan dengan itu keselamatan negara kita akan terjamin hendaknya. Saya fikir itulah yang dapat saya cakapkan dan saya ucapkan terima kasih kerana diberi peluang bercakap di Dewan ini.

Dr Chen Man Hin (Seremban): Yang di-Pertua, beberapa minggu dahulu, bekas Perdana Menteri kita Tunku Abdul Rahman telah mengatakan UMNO kini menghadapi krisis yang amat serius dan krisis yang dihadapi itu adalah serupa dengan krisis yang dihadapi dua dekad yang lalu semasa beliau memegang teraju negara. Saya berpendapat bukan sahaja UMNO yang sedang menghadapi krisis bahkan negara kita pada keseluruhannya sedang mengalami keadaan yang menggentingkan memandang kepada

pelbagai masalah yang dihadapi oleh negara kita, baikpun dari segi keselamatan, kemiskinan, polarisation perkauman dan ketidakadilan sosial.

Oleh kerana kemiskinan dan pengangguran, beramai-ramai pemuda-pemudi kita telah menyertai golongan kominis. Pemuda-pemudi ini mendapati proses demokrasi yang ujud sekarang tidak bermakna dan pemuda-pemudi ini terdiri dari berbagai kaum. Hanya beberapa hari dahulu, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri telah mengatakan di Kuala Lipis bahawa ramai pemuda-pemudi Melayu telah menyertai golongan kominis.

Keadaan pengangguran telah bertambah buruk dengan pengaliran keluar wang kapital dari negara kita—wang yang boleh digunakan untuk membina perusahaan-perusahaan dan dengan itu memberi peluang pekerjaan kepada pemuda-pemudi kita. Anggaran wang yang ditaksirkan telah keluar dari negara kita ialah \$500 juta tetapi saya berpendapat lebih amau wang daripada angka itu telah keluar dari negeri.

Penanaman modal samada dari orang asing atau tempatan telah merosot pada tahun yang lepas. Penanaman modal baru-baru ini telah merosot dan pelabur-pelabur kini sedang mengawasi dan meneliti perkembangan-perkembangan yang terdapat dirantau ini sekarang. Penanaman modal oleh pengusaha-usaha tempatan telahpun terjejas memandang kepada beberapa sekatan yang dikenakan terutamanya sejak pelaksanaan Akta Penyelarasan Perindustrian.

Selain daripada pengaliran keluar wang juga terdapat pengaliran keluar tenaga professional (brain drain). Pengaliran keluar tenaga professional ini yang telah bermula secara perlahan-lahan telahpun kini bertambah serius kerana beramai-ramai orang professional sedang merebut untuk meninggalkan negara kita. Mereka termasuk doktor-doktor pakar-pakar pembedahan, jurutera-jurutera dan orang-orang professional yang lain yang mempunyai kemahiran. Terdapat beberapa sebab-sebab yang mengakibatkan perebutan (exodus) ini termasuk sistem pelajaran yang tidak flexible, peluang-peluang yang tidak saksama dan keadaan keselamatan yang amat serius. Di Australia sahaja, lebih kurang 600 doktor-doktor kita telah mendaftar diri mereka di negara itu.

Pada ringkasnya, terdapat kini satu krisis kepercayaan (crisis of confidence) di dalam Kerajaan Barisan dan kaum intelek serta tenaga professional tidak nampak bagaimana, dengan dasar-dasar dan keadaan yang ujud sekarang di negara kita, masaaiah kemiskinan, pengangguran dan polarisation perkauman boleh diatasi. Sebagai sebuah negara yang sedang membangun, kita tidak boleh kehilangan tenaga kemahiran kerana ini akan menjejaskan kemajuan dan pembangunan negara.

Langkah-langkah segera harus diambil untuk memulihkan kepercayaan para pelabur dan juga untuk memujuk kaum intelek dan professional daripada meninggalkan negara kita. Kami menghadapi satu keadaan yang luarbiasa—unusual times. Kita harus menghadapi beberapa cabaran dan dugaan pada masa akan datang. Haluan-haluan dan dasar-dasar baru harus diambil demi kepentingan dan faedah negara. Sekarang terdapat satu kabinet baru yang dipimpin oleh seorang Perdana Menteri yang tegas dan bersifat decisif dan jika dasar-dasar dan langkah-langkah rasional diambil, saya berpendapat kita boleh mencapai kedamaian dan kestabilan di negara kita mengadakan keadilan dan kesaksamaan untuk semua. Shakespeare telah mengatakan: "There comes a tide in the affairs of men. Which, taken at the flood, leads on to fortune;" Begitu juga dengan Malaysia kerana sudah sampailah masanya untuk mengambil langkah-langkah dinamik ke arah perdamaian dan kemajuan.

Kerajaan telah mengatakan perang menentang pengganas-pengganas komunis adalah perang rakyat. Pada hemat saya, langkah yang lebih berkesan yang patut diambil ialah untuk mengadakan peperangan menentang rasuah, kemiskinan, perkauman dan pengangguran kerana di dalam satu masyarakat yang bebas daripada masalah-masalah ini, pemuda-pemuda yang berbosan dan tidak puas hati tidak akan dipaksa melakukan kekerasan atau menyertai golongan-golongan bersenjata.

Parti saya, Parti DAP, menyeru Kerajaan berusaha membasmi rasuah yang terdapat disetiap peringkat Kerajaan. Setiap peringkat Kerajaan atau tier harus memberi satu gambaran yang baru, bersih dan ikhlas kerana dengan membuat beginilah kita dapat memulihkan kepercayaan rakyat terhadap Kerajaan.

Perang menentang kemiskinan dan pengangguran harus membawa faedah kepada rakyat miskin yang terdiri dari semua kaum. Peluang-peluang yang sama mesti disediakan untuk setiap kaum di bawah Rancangan Malaysia Ketiga dan juga dalam hal pengambilan pekerja-pekerja di pejabat-pejabat Kerajaan dan badan-badan berkanun. Tujuan Kerajaan untuk membasmi kemiskinan tanpa mengira kaum bukan hanya menjadi satu kenyataan sahaja tetapi mesti dipraktikkan.

Juga satu sikap yang lebih liberal terhadap kebudayaan-kebudayaan kaum-kaum yang terdapat di negara kita. Pelajaran di dalam bahasa ibunda Tamil atau China telahpun menjadi satu tradisi. Dalam pada ini, dasar pelajaran haruslah menjadi flexible dan menggalakkan pendidikan di dalam bahasa ibunda.

Demokrasi dan bukan demokrasi yang dipimpin (guided democracy) mesti dipraktikkan di negara kita. Parti DAP menyesal rapat-rapat umum tidak dibenar diadakan. Parti DAP juga menyesal kerana hasrat-hasrat dan kesulitan-kesulitan rakyat tidak dibenarkan disuarakan di Dewan ini dengan sempurna. Seumpamanya, Ahli dari Kota Melaka tidak dibenarkan pada hari kelmarin menyuarakan kekhuatiran dan keseimbangan yang dirasakan oleh rakyat Malaysia. Jika, hasrat dan kesulitan rakyat tidak dibenarkan dibahaskan di Dewan yang mulia ini, saya ingin memberi amaran di sini, perkara-perkara dan issue-issue itu akan dan boleh dieksploitasi oleh anasir-anasir yang percaya hanya dalam bom-bom atau hand-grenade dan akibatnya adalah serius.

Yang saya telah sebutkan tadi adalah garis-garis panduan yang boleh menolong membina sebuah Malaysia yang bersatu padu, damai dan progresif. Parti DAP berpendapat dan menegaskan bahawa dengan dasar-dasar yang patut dan betul, nyatalah terdapat tempat dan peluang bagi setiap rakyat di Malaysia.

Sebaliknya, jika garis-garis panduan ini tidak dihiraukan, akibatnya mungkin malang. Rasa tidak puas di kalangan rakyat akan menambah. Pengangguran kian akan bertambah. Kepercayaan para pelabur akan hilang. Kemiskinan akan tambah serius. Pada masa yang lampau Yang Berhormat Timbalan Perdana Menteri kita telah mengarang sebuah buku bernama "The

Malay Dilemma". M.C.A. mempunyai "Dilemma Orang-orang China" dan M.I.C. pula "Dilemma Orang-orang Tamil atau India". Kesemua ini mungkin digantikan dengan "Malaysian Dilemma" di mana akan terdapat satu keadaan di mana rakyat mungkin dipaksa memilih di antara satu Kerajaan yang tidak boleh melaksanakan tugas-tugasnya dengan baik "deliver the goods" ataupun satu gerakan komunis yang menjamin yang ianya akan boleh "deliver the goods".

Parti D.A.P. menyeru Kerajaan membuat satu pengkajian, penyiasatan serius tentang dasar-dasarnya, kejayaan-kejayaan dan kegagalan-kegagalannya dan mengambil langkah-langkah yang betul di dalam usaha membina sebuah negara yang bersatu-padu dan benar-benar berbilang bangsa serta mengujudkan satu masyarakat yang lebih adil dan saksama.

6.14 ptg.

Tuan Oh Keng Seng (Petaling): Tuan Yang di-Pertua, Titah Ucapan yang disampaikan oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dalam persidangan Dewan kelmarin, sebenarnya, adalah merupakan satu Titah yang mencerminkan dasar-dasar dan matlamat pembangunan Kerajaan Barisan Nasional dalam tahun ini.

Sungguhpun, Titah Ucapan Di Raja ini adalah pendek dan ringkas garisan besarnya, saya menangkap beberapa garisan besarnya, umpamanya (i) situasi keselamatan negara kita kian bertambah serius, (ii) mempertahankan kestabilan politik, dan (iii) terus-menerus melaksanakan Dasar Ekonomi Baru, dan memperolehi lebih banyak pinjaman dari luar negeri untuk membangunkan negeri-negeri yang masih terbelakang.

Kami, dari DAP dengan kesalnya menyatakan bahawa matlamat pembangunan tahun ini serta objektif-objektif yang terkandung dalam Rancangan Malaysia Ketiga, yang akan dilaksanakan dalam bulan Julai tahun ini, pada dasarnya adalah merupakan lanjutan dari perlaksanaan projek-projek di bawah tempoh Rancangan Malaysia Kedua. Sebab itu, saya dapat meramalkan bahawa rancangan-rancangan yang diadakan dalam Rancangan Malaysia Ketiga ini, tidak akan dapat mendatangkan apa-apa faedah yang sebenarnya kepada rakyat-rakyat yang tidak berada, baik dari masyarakat luar bandar ataupun dari masyarakat bandar.

Sejak kemerdekaan yang bersejarah 20 tahun ini, pelbagai masalah yang dihadapi oleh negara hari ini, seperti kemiskinan, korupsi, polarisasi kelas dan bangsa adalah kian hari kian bertambah mengancam. Sebenarnya apakah yang berlaku di Malaysia Barat dan Timur baru-baru ini adalah merupakan satu gambaran yang ter-jelas untuk menggambarkan betapa ke-kuatiran dan kebimbangan yang dialami oleh rakyat kita.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang dikatakan oleh seorang Ahli Parlimen dalam "Mingguan Rakyat" issue minggu lalu bahawa "perkembangan politik negara kita sedang berada di persimpangan jalan", iaitu tidak seorang pun dapat meramalkan apa yang akan berlaku dalam lima atau sepuluh tahun ini di Malaysia. Pergolakan politik di Malaysia, selepas berubahnya situasi politik di Indo-China, adalah kian bertambah runcing dan mengkhawatirkan. Sekarang, negara kita sedang berada dalam satu keadaan yang tidak stable.

Sebagaimana yang dinyatakan dalam Titah Ucapan Di Raja bahawa satu peperangan rakyat sedang dilancarkan untuk menghadapi situasi keselamatan yang Malaysia alami hari ini. Tetapi, apakah maknanya Perang Rakyat ini. Faktor-faktor yang memutuskan kegagalan atau kemenangan Peperangan Rakyat ini, menurut pandangan saya, adalah bukan bergantung pada langkah-langkah militari tekanan dan penindasan, tetapi, adalah tergantung pada bagaimanakah Kerajaan kita bertindak dengan berkesannya untuk mengatasi masalah-masalah yang berakarumbi di sepanjang sejarah Kemerdekaan Malaysia kita, seperti masalah-masalah kemiskinan, korupsi, ketidak-adilan sosial, perpaduan rakyat dan lain-lain. Pada hakikatnya, DAP pada tahun-tahun 1967, telahpun mengemukakan dasar-dasar pembinaan negara seperti "demokrasi kebudayaan dan pelajaran", "demokrasi ekonomi" dan "demokrasi politik".

Matlamat utama yang dimaktubkan dalam Dasar Ekonomi Baru, pembasmian kemiskinan dan penyusunan semula masyarakat, sudahpun selalu dilaung-laungkan, tetapi, ianya telahpun dilaksanakan dengan menyelewengkannya. Ini bukan sahaja boleh dibuktikan oleh kajian-kajian yang diadakan oleh pakar-pakar ekonomi dan kaum intelek

negara kita, tetapi juga adalah diakui oleh beberapa orang negarawan kita, sehingga perasaan kekuatiran pun dinyatakan.

Disebabkan penyelewengan dalam pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru, maka bukan sahaja kemiskinan tidak dapat berjaya dihapuskan, tetapi, jurang di antara yang berada dengan yang tidak berada pun diperluaskan, dan kelas Melayu yang kaya meras orang Melayu yang miskin pada keseluruhannya. Juga, orang-orang yang bukan Melayu pun selalu merasa kekuatiran terhadap masa depannya, kerana dasar-dasar ekonomi, pelajaran dan pekerjaan yang di-amalkan oleh Kerajaan Barisan Nasional.

Sebenarnya, kemiskinan di masyarakat bandar adalah lebih serius daripada kemiskinan di masyarakat luar bandar. Ini adalah sangat jelas dinyatakan dalam Rancangan Malaysia Kedua. Tetapi, apakah tindakan yang konkrit telahpun diambil oleh Kerajaan untuk mengatasinya, terutamanya langkah-langkah yang adil. Apakah sebabnya kemiskinan ini selalu diabaikan? Kemiskinan di masyarakat bandar ini, sebenarnya adalah sangat jelas dicerminkan dalam masalah-masalah seperti kaum penjaja, rumah setinggan dan pengangguran. Sebagai contohnya, di antara 10 orang yang tinggal di Kuala Lumpur ini, 3 daripadanya adalah penduduk-penduduk dari setinggan, dan pendapatan bulannya adalah kurang daripada \$200.

Saya sungguh merasa kesal atas sikap dan pendirian Kerajaan dalam usahanya untuk mengatasi masalah-masalah rumah setinggan. Bolehkah langkah-langkah untuk merobohkan rumah mereka atau bertindak secara undang-undang dapat memecahkan masalah ini? Diketahui bahawa masalah yang serius ini, sebenarnya, adalah merupakan satu masalah sosio-ekonomi, bukanlah masalah undang-undang. Sebab itu, ia harus diselesaikan dari segi sosio-ekonomi dan ber-langkah lebih berperikemanusiaan. Di sini dapat bermarifat untuk memecahkan problem yang berakar-umbi ini, dan disediakan pel-bagai bantuan yang boleh kepada mereka.

Juga, saya berharap supaya pihak yang berkenaan dapat memproseskan permohonan-permohonan tanah dari penduduk-penduduk yang sudah lama menghausi tanah ini dengan lebih berkesan dan cepatnya

supaya masalah rumah setinggan ini dapat dikurangkan. Saya ingin sekali mencadangkan bahawa jika masalah rumah setinggan ini hendak diatasi dengan berkesan maka terlebih dahulu Kerajaan hendaklah memperuntukkan satu peruntukan yang mencukupi untuk membina lebih banyak rumah-rumah awam, dan sebuah "Lembaga Pembangunan Perumahan" hendaklah ditubuhkan untuk melaksanakan rancangan raksaksa ini, memang kerjasama dari pihak-pihak Kerajaan Negeri dan pembina swasta adalah sangat-sangat diperlukan.

Pada hakikatnya, negara kita sangat kaya dengan sumber-sumber tanahnya, tetapi, apakah sebabnya Kerajaan tidak boleh mengeluarkan lebih banyak tanah untuk permohonan rakyat-rakyat yang tidak bertanah?

Kaum penaja adalah merupakan satu masaalah yang bercorak sosio-ekonomi juga, tetapi, mereka selalu dikejar dan ditangkap serta kadang-kadang barang jualan mereka pun dirampaskan oleh penguatkuasa. Bolehkah taktik kejar-tangkap saman-rampas ini dapat mengatasi masaalah ini? Ini kesemuanya adalah merupakan ciri-ciri khas dari kehidupan masyarakat bandar.

Inilah yang merupakan faktor-faktor utama yang mengakibatkan kekacauan seperti rompak curi kekerasan, lawan dan penagih dadah di kawasan bandar. Itulah sebabnya bahawa masalah kemiskinan bandar ini hendaklah dimasukkan dalam Rancangan Malaysia Ketiga, sepertimana Kerajaan yang memasukkan masalah kemiskinan luar bandar di dalam Rancangan Malaysia Kedua.

Akhirnya, saya berharap supaya Kerajaan dapat mengubahkan falsafah pembangunan negara dan dengan adilnya menjalankan projek-projek Pembangunan.

6.26 ptg.

Tuan Shamsuddin bin Din (Grik): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong usul yang dibawa oleh Ahli Yang Berhormat dari Permatang Pauh untuk melafazkan

ucapan ribuan terima kasih di atas Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong bagi merasmikan pembukaan Dewan pada 30hb Mac, 1976 yang baru lalu.

Saya juga mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan dalam penyusunan kabinet baharu dan diharap semoga dengan penyusunan kabinet yang baharu ini akan membawa kebahagiaan dan kejayaan Malaysia di masa akan datang.

Di sini, Tuan Yang di-Pertua, saya juga berdoa kepada kehadiran Allah s.w.t. agar Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Raja Permaisuri Agong akan dianugerahkan kesihatan dan juga mendapat taufik dan hidayat daripada Allah s.w.t.

Bagi menyentuh Titah Ucapan yang telah dibuat pada hari pembukaan yang lalu, saya dapati Kerajaan Malaysia pada hari ini telahpun mengambil berat di atas keselamatan negara. Kerana pada masa yang silam saya juga telah berkali-kali menyuarakan masalah keselamatan dalam negara kita sebagaimana yang kita tahu berpunca setengah daripada ancaman-ancaman ini boleh dikatakan datangnya dari sebelah hulu Perak terutama di kawasan saya.

Di dalam masaalah ini, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memberi ucapan terima kasih juga kepada Menteri yang berkenaan dan juga anggota-anggota pasukan keselamatan yang telahpun menjalankan tugas dengan sedaya upaya untuk mengawal keadaan-keadaan negara kita sebagaimana yang ada pada masa ini iaitu keadaan-keadaan dalam negara kita sudahpun terkawal. Di sini

Tuan (Timbahan) Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat boleh sambung lagi.

Mesyuarat ditangguhkan sehingga hari Isnin, 5hb April, 1976 pukul 2.30 petang.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.